




P. RAMLEE
YANG SAYA KENAL

"Kita tidak boleh melarang burung terbang ke arah mana yang ia suka, tetapi kita boleh mencegahnya dari membuat sarang di atas kepala kita."

"Jangan takut kalau kita tidak dihargai, tapi takutlah kalau kita sudah tidak punya harga diri"

Tukilan:

Dramatis Jorah Ahmad



P. RAMLEE

YANG SAYA KENAL

YUSNOR EF



**Pelanduk
Publications**

www.pelanduk.com

Diterbitkan oleh
Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
(No. Sykt 113307-W)
12 Jalan SS13/3E, Subang Jaya Industrial Estate,
47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Alamat surat menyurat
Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
P.O. Box 8265, 46785 Kelana Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

e-mail: mypp@tm.net.my
Layari laman web kami: www.pelanduk.com

Semua hak terpelihara.
Hakcipta © 2000 Yusnor Ef.
Gambar Kulit: Ikhsan Encik Omar Haron.
Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak boleh
disiarkan atau diterbitkan semula, dalam sebarang bentuk
atau dengan apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran
terlebih dahulu daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yusnor Ef

P. Ramlee yang saya kenal / Yusnor Ef.
Mengandungi indeks.
ISBN 967-978-752-4
1. P. Ramlee, Tan Sri, 1929-1973. 2. Actors-Malaysia-
Biography. I. Judul.
927.914309595

M
927.914309595
Yus

Dicetak oleh
Kir Sang Press Sdn. Bhd.

M
1008727

15 MAR 2001
Perpustakaan Negara

SATU CATATAN (PENGALAMAN) SEBENAR

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t., kerana masih ada pihak-pihak yang turut mengingati dan mempelajari dari hasil peninggalan ayah saya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Usaha yang dihasilkan oleh bekas murid beliau semasa di Singapura dan juga bekas guru tuisyen saya semasa saya bersekolah di Singapura, Encik Yusnor Ef merupakan suatu catatan sejarah yang amat saya hargai.

Saya masih ingat bagaimana Encik Yusnor Ef bersengkang mata semasa belajar di rumah saya di Cedar Avenue Singapura. Beliau terpaksa menunggu ayah saya pulang yang kadangkadangkang sehingga pukul satu malam. Namun oleh kerana ketekunan dan kesabaran serta minat beliau yang mendalam, maka ayah saya memberi sepenuh bimbingan dan tunjuk ajar yang bersungguh-sungguh.

Satu lagi perkara yang tidak dapat saya lupakan berlaku kira-kira dua minggu sebelum kami berpindah ke Kuala Lumpur. Encik Yusnor Ef bersama dengan rakannya Yusman (penerbit buku *Album P. Ramlee*) dan pakcik serta makcik saudara saya (Ahmad Rejab dan Kak Joyah) telah mengadakan satu majlis perpisahan di rumah, khusus untuk ayah saya. Masih saya ingat bagaimana seronoknya kami makan minum dan bersembang serta bersukaria di malam tersebut, sehingga Encik Yusnor Ef terpaksa tidur malam itu di rumah kami.

Usaha buku catatan yang dipenuhi dengan gambar-gambar dan tulisan tangan asal ayah saya serta skrip yang dihasilkan

bersama ayah saya ini merupakan satu buku yang padat dan patut dibaca oleh umum sebagai bahan informasi dan cerita-cerita sebenar yang di anggap sebagai pengalaman peribadi dari seorang murid bersama guru yang dihormati, disegani dan disayanginya.

Semoga buku ini akan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada sesiapa sahaja yang berminat dan membuat kajian khusus mengenai ayah saya, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Syabas Cikgu (uncle) Yusnor Ef.

Ikhlas dari saya,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Nasir P. Ramlee', with a stylized flourish at the end.

Nasir P. Ramlee

A small, stylized handwritten mark or signature in black ink, possibly a monogram or a very quick signature.

SEPATAH KATA

Terkadang dalam sembang, Cikgu Yusnor sering menceritakan kisah hidupnya bersama Seniman P. Ramlee (Almarhum). Beliau bercerita dengan penuh rasa kerinduan, lucu dan ada kala pilu.

Ternyata sembang begini tidak berlaku begitu saja sejak saya mengenali Cikgu Yusnor pada 1980. Ketika itu saya bertugas sebagai penulis skrip televisyen sepenuh masa yang pertama dengan Perbadanan Penyiaran Singapura.

Persahabatan saya dengan Cikgu berlanjutan apabila kami menyertai Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu.

Apabila saya menjadi wartawan di *Berita Harian* sejak 1984, dan akhirnya kini menjadi ketua bahagian rencana, saya galakkan beliau menurunkan kisah P. Ramlee setakat yang diketahuinya saja. Mentelah pada akhir 1990an, banyak sekali diperkatakan mengenai Almarhum, termasuk di kalangan orang-orang tidak pernah mengkaji, apatah lagi menemuinya.

Dalam pada itu, sumbangan Almarhum terus segar di-kagumi, terutama di kalangan generasi muda yang tidak pernah tahu langsung mengenainya kecuali menerusi lagu dan filemnya.

Bagi saya pula, pertemuan dengan P. Ramlee berlaku secara aneh. Iaitu sekitar 1963, apabila penggambaran filem *Madu Tiga* diadakan di kawasan Kebun Bunga Singapura.

Dalam salah satu penggambaran, P. Ramlee dan para bintang lain serta kru penggambaran berhenti di nombor 2, Gallop

Road. Ayah saya bekerja sebagai tukang kebun di situ. Kami menetap di kuates pekerja.

Pintu tandas diketuk kuat berkali-kali ketika itu. Apabila saya membukanya, tercegat P. Ramlee.

"Hei budak kecil, apalah kau lama sangat. Sekarang pakcik punya turn."

Beigtulah ingat-ingat lupa saya akan kata-kata Almarhum. Waktu itu saya berusia 5 tahun dan terkebil-kebil melihat seorang bintang besar berdiri di depan tandas.

Memang semasa kecil lagi saya sudah suka berangan-angan. Ini kerana kami tinggal di kuates dan tiada kawan-kawan sebaya. Bapa saya pula bekerja dari pagi hingga ke lewat petang. Ibu pula mula bekerja sebagai amah. Kami sering dipesan duduk rumah saja.

P. Ramlee segera masuk ke tandas, menyembur air dan tersengih, menangkap tangannya pada hidung. Maklumlah tandas baru digunakan. Saya berdiri di luar dengan pelbagai perasaan.

Menurut kakak saya yang tiga tahun lebih tua daripada saya, lama juga P. Ramlee dalam tandas. Malah beliau berteriak meminta pensil dan kertas untuk menulis lagu. Barulah saya faham antara proses mencipta lagu – juga dengan mendapatkan ilham di tandas!

Kami dua beradik terus melihat penggambaran dijalankan. Kru penggambaran dan bintang filem duduk di tengah-tengah bulatan dalam perkarangan ruman 'tuan'. Mereka seronok bersembang. Ada yang melucukan juga.

Namun itulah saja pertemuan saya dengan P. Ramlee. Namun kesannya masih segar dalam ingatan hingga kini. Jadi, saya dapat mengerti mengapa Cikgu Yusnor, selaku murid atau

anak didiknya merasa pengalaman bersama Almarhum juga begitu mengesankan, mentelah dalam usia persaraannya.

Bahkan tidak keterlaluan untuk menyatakan, bahawa ada kala saya merasa karya Cikgu Yusnor seolah-olah dibayangi oleh seniman besar itu. Ini memang dapat dijangka.

Tetapi ini bukan bermakna beliau tidak kreatif. Malah jika dinilai seluruh sumbangannya dari segi lirik; drama pentas dan televisyen serta skrip filem, serta ceramah dan esainya, beliau dapat digolongkan sebagai sasterawan penting di Singapura.

Andai P. Ramlee masih hidup, tentulah beliau dapat berbangga bahawa salah seorang muridnya telah menempa nama.

Oleh itu, atas desakan saya, kisah P. Ramlee yang diceritakan oleh Cikgu Yusnor akhirnya terbit secara bersiri di *Berita Harian*. Saya menerima pelbagai ulasan, banyak yang memuji tetapi ada juga yang memerli tulisannya. Namun ini asam garam kehidupan.

Saya yakin tulisan beliau itu wajar dibukukan, lengkap dengan nota kaki atau rujukan. Bahkan tambahan juga boleh dibuat oleh para sahabatnya seperti penggubah Kassim Masdor atau Ahmad Daud mengenai P. Ramlee.

Namun apakah cerita daripada Cikgu Yusnor akan mengungkapkan P. Ramlee yang sebenarnya. Saya kurang pasti.

Dalam banyak kisah bintang filem besar seperti dari dunia liberal Hollywood, juga di Bollywood hingga ke Hongkong-wood, kita lebih mengenal bintang itu di layar perak atau kini dalam bentuk media canggih seperti VCD (cakera padat video). Hakikatnya, mereka hanyalah berlakon. Misteri masih menyelubungi mereka.

Saya berharap dengan terbitan buku ini sumbangan P. Ramlee sebagai guru dan sahabat akan dapat difahami. Bahkan

yang perlu dikecap ialah contoh atau suri teladannya dalam membina diri sebagai seniman yang segar sepanjang zaman.

Sumbangan P. Ramlee memang ketara kepada dunia Melayu dan jagat raya. Cara kerja dan berkaryanya perlu diteliti sebagai rujukan dan pengajaran kepada generasi muda.

Syabas kepada Cikgu Yusnor, narasumber dan juga sahabat saya, yang akhirnya mempunyai tekad untuk mengatasi rasa wawasannya untuk menulis secara jujur. Semoga usahanya diberkati Allah s.w.t. Amin



Mohd Raman Daud





Mohd Raman Daud



Pengalaman Sebagai Seorang Murid Bersama Gurunya

Untuk menceritakan kisah hidup seorang yang ternama atau tokoh terbilang bukanlah mudah. Kita harus faham dengan apa yang akan kita tulis dan di manakah kebenarannya, lebih-lebih lagi tokoh yang akan kita tulis itu telah kembali ke rahmatullah. Jadi sifat jujur dan benar adalah menjadi ukuran di atas kebenaran yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Oleh kerana itu tulisan saya tentang *P. Ramlee Yang Saya Kenal* adalah berdasarkan pengalaman, pergaulan dan hubungan rapat yang terjalin antara kami sejak tahun 1959. Memang banyak telah ditulis tentang P. Ramlee, tetapi tujuan penulisan saya ini adalah semata-mata untuk mengimbas kembali akan sifat-sifat beliau sebagai guru terhadap muridnya. Di samping itu, saya juga cuba mengetengahkan perkara-perkara yang mungkin belum diketahui ramai tentang keperibadiannya sebagai guru, sahabat dan seniman. Beliau adalah manusia yang agak lucu, serius, mudah tersinggung nalurinya, sabar, jujur, mempunyai daya kreatif yang luar biasa, seperti apa yang disifatkan oleh Dato' Jins Shamsudin dalam satu wawancara dengan pihak TV12 (Suria) Singapura: "P. Ramlee adalah manusia biasa yang luar biasa". Sebenarnya kisah P. Ramlee tidak akan habis-habis, walaupun beliau telah pergi, namun ketokohan beliau sebagai seniman besar akan tetap hidup sepanjang zaman.



Yusnor Ef
Bekas Muridnya



Tentang Pengarang

Yusnor Ef seorang bekas pendidik dan penerbit TV Pendidikan (Educational Television Producer) Kementerian Pendidikan Singapura. Setelah bersara, kini beliau bekerja sepenuh masa sebagai penulis, penyelidik dan penerbit rancangan-rancangan TV di Singapura dan Malaysia. Beliau lebih banyak menerbitkan rancangan-rancangan yang berupa seni budaya dan kisah-kisah nostalgia. Antara penerbitannya ialah dokumentari seperti "Jalan Ampas Satu Kenangan", "Jalan Buluh Perindu", "P. Ramlee Dalam Kenangan", "Muzik Sepanjang Zaman" dan lain-lain.

Beliau juga telah banyak menulis lirik lagu untuk artis-artis ternama seperti P. Ramlee, Saloma, Ahmad Jais, Sharifah Aini, Anita Sarawak, A. Ramlie, Sanisah Huri, Ahmad Daud dan ramai lagi. Antara lirik lagu yang dihasilkannya dan masih diminati ialah "Gelisah", "Lanang Tunang Tak Jadi", "Senjakala", "Joget Malam Berinai", "Nilai Cinta", "Aku Dia dan Lagu", "Adilfitri", "Bersabarlah Sayang", "Joget Si Mandi-Mandi", "Hari Ini dan Semalam" dan banyak lagi.

Beliau juga menulis lirik untuk filem-filem seperti *Tunggal*, *Dendang Perantau*, *Da-Di-Du*, *Keluarga Si Comat*, *Serampang Tiga*, *Penyamun Tarbus*, *Prebet Lapok* dan lain-lain. Antara skrip filem yang beliau hasilkan ialah *Serampang Tiga* dan *Irisan-Irisan Hati*.

Beliau mula belajar menulis skrip filem (*screenplay*) dengan P. Ramlee sejak tahun 1959. Beliau masih menyimpan banyak

skrip-skrip yang ditulis bersama dengan Allahyarham. Di antaranya ialah *Empat Amanat, Tuah dan Tijah, Dunia Terbalik, Antara Dua Dunia, Syaitan Ke Syurga* dan lain-lain.

Kini beliau merupakan Presiden Persatuan Penyanyi dan Karyawan Muzik Melayu Singapura (PERKAMUS), Lembaga Pengarah COMPASS (Persatuan Pencipta dan Penulis Singapura), Naib Pengerusi Jawatankuasa Perkembangan Muzik Melayu Singapura di bawah Majlis Seni Kebangsaan Singapura (National Arts Council) dan Panel Sumber (NAC Arts Resource Panel).

Beliau pernah dianugerahkan "Meritorious Award" oleh Persatuan Pencipta dan Penulis Singapura (COMPASS), "Anugerah Penyumbang Dunia Muzik Melayu" dari EMI Kuala Lumpur dan "Pingat Bakti Setia (PBS)" dari Presiden Republik Singapura.

Penghargaan Kerana Satu Sumbangan Yang Cemerlang Menjadi Satu Kenangan Abadi

Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri (Dr) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid atas kesudian menulis prakata dan melancarkan buku ini.

Y.Bhg Dato' Salleh A. Majid kerana galakan dan sokongannya.

Y.Bhg Dato' Ng Tieh Chuan kerana kerjasamanya.

Mohd Raman Daud (sahabat karib saya).

Mohd Saidi Salleh (pembantu saya di Kuala Lumpur).

Kassim Masdor kerana menambah informasinya.

Johari Salleh, Pengarah Muzik DBKL.

Bekas seniman dan seniwati Studio Jalan Ampas.

Puan Norkiah Sahari (balu Allahyarham Lt. Col. Sahari Sulaiman).

Berita Harian (Singapura).

Isteri Jamila, anak Noreeta dan menantu Rahmad dan anak saudara Norzihab M. Zain yang telah memberi sepenuh kerjasama serta galakan yang menguatkan keyakinan saya untuk meneruskan usaha penerbitan buku ini.

...dan semua pihak lain yang telah secara langsung dan tidak langsung membantu menjayakan penulisan ini.

Satu kehilangan

Datang mu
serupa manusia ramai
'Tika suara takbir
tanda fitri menjelang.

Dua puluh tahun kemudian
berhijrah ke kota singa
menempah nama
pendukung
usaha seni bertimbun
semarak nama
duta seni bangsa
di Asia merata
pencipta dan pemimpin!

Bintang negara
tersandang megah
di dada.
Kini kembali menemui Tuhanmu
di alam kejadianmu

Duniamu
duniaku
dan dunia kawan-kawan seni
satu kehilangan payah diganti!

Hanya tinggal batu kenangan
di pusara Ampang

Hanya Dia
cucurilah rahmat di atasnya.

Di pusara Jln. Ampang,

YUSNOR EF

Kesan Pertama Filem-Filem Melayu Kepada Saya

Filem Melayu pertama yang saya tonton kira-kira sekitar tahun 1948 berjudul *Pisau Beracun*. Filem ini dibintangi oleh Bakhtiar Effendi, Rokiah Hanafi (Rokiah Wandah) penyanyi lagu "Kain Songket", Syed Ali Al-Attas, Kasmah Booty dan ramai lagi yang saya belum kenal.

Di sinilah bermulanya minat saya terhadap filem. Sejak hari itu, saya telah mula menonton filem-filem keluaran studio Jalan Ampas milik Shaw Brothers, walaupun belum pandai menilai atau memilih filem-filem yang baik, namun keseronokan menonton filem telah berputik dan akhirnya menjadi satu kegemaran yang utama.

Sejak itu banyak filem-filem yang saya tonton, antaranya ialah filem *Chinta*, *Aloha*, *Nasib*, *Nilam*, *Rachun Dunia*, *Bapa Saya*, *Nor Asmara* dan banyak lagi. Pelakon yang menjadi pujaan saya ketika itu ialah S. Roomai Noor, Kasmah Booty, Siput Serawak dan P. Ramlee. Lagu-lagu yang dinyanyikan oleh P. Ramlee di dalam filem-filem yang dilakonkan oleh S. Roomai Noor itu menjadi kegemaran saya .

Akhirnya minat saya kepada lakonan P. Ramlee bermula sejak saya menonton filem *Nasib dan Nilam*, saya yang masih

lagi di bangku sekolah tidak melepaskan peluang pada hari Sabtu atau Minggu untuk menonton filem-filem P. Ramlee.

Panggung yang sering menayangkan filem-filem Melayu di Singapura waktu itu ialah Roxy Theatre di daerah Katong. Lokasi seperti taman dan kolam yang terdapat dalam setengah-setengah filem waktu itu, kebanyakan penggambarannya dilakukan di Alkaf Garden dan Kebun Bunga. Saya masih ingat pada satu hari setelah saya menjaja kuih di kampung Lorong Engku Aman (Geylang) saya terus ke panggung Roxy untuk mengambil tiket yang hanya berharga empat puluh sen sahaja. Kami terpaksa beratur, dan apabila sampai di tempat menjual tiket yang hanya dengan sebuah lubang untuk muat lima jari kami terpaksa berebut-berebut menghulurkan tangan untuk membayar dan mendapatkan tiket, kadang-kadang tiket itu terkoyak dua, tapi masih boleh diterima.

Pada waktu itu, tiket wayang tidak mempunyai nombor kerusi, sesiapa yang masuk awal akan mendapat tempat yang selesa. Kami hanya dibenarkan mengikat sapu tangan di tempat duduk yang telah kami pilih, itupun jika sekiranya kami ingin keluar membeli minuman. Semasa waktu rehat (*interval*) beberapa orang penjaja kacang dan gula-gula serta air batu dibenarkan ke dalam panggung. Barang-brangan mereka hanya dibawa di dalam sebuah dulang yang besar dan digantung talinya di leher. Penonton yang malas keluar, bolehlah mendapatkan makanan ringan (kacang dan gula-gula) daripada si penjual.

Sejak saya mulai menaruh minat terhadap P. Ramlee, tidak putus-putus saya menonton filem-filem yang dilakonkannya, dan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh P. Ramlee menjadi siualan saya saban hari. Hati kecil saya selalu berkata "Aku pun nak jadi macam P. Ramlee, boleh berlakon dan boleh juga menyanyi". Hati kecil ini sentiasa kepingin nak bertemu muka dengan P.

Ramlee, tetapi tidak tahu bagaimana caranya. Dengan takdir Allah, sedang saya menjaja kuih di kampung Lorong Engku Aman, kawan-kawan memberitahu yang P. Ramlee ada di salah sebuah rumah besar (rumah besar ini adalah kepunyaan Allahyarham Wak Jarr, seorang pencipta lagu-lagu bangsawan, anaknya bernama Ahmad Jarr dan Dahari Jarr, penyanyi Kartinah Dahari adalah anak kepada Dahari Jarr bekas pemimpin sebuah pancaragam di Singapura bernama Orkes Kampung Gelam). Saya terus ke rumah itu. Tiba-tiba P. Ramlee yang kurus lampai berbaju kotak-kotak merah dengan jambul di hadapannya berdiri di tingkap. Beliau terus memanggil saya untuk membeli kuih yang saya jual, saya masih ingat beliau membeli tiga biji pisang goreng. Setelah membayar wangnya, beliau terus masuk ke dalam. Saya masih terpegun, sambil memandang ke arah tingkap itu, kalau-kalau P. Ramlee menjenguk lagi. Kira-kira sepuluh minit kemudian, saya terus menjaja ke tempat lain. Itulah kali pertama saya melihat P. Ramlee secara dekat, malam itu saya menceritakan kepada kawan-kawan di kampung tentang peristiwa itu.

Saya bertemu dengan P. Ramlee sekali lagi semasa saya menghadiri perkahwinan makcik saya bersama seorang dari Pulau Pinang (pihak lelaki di rumah bekas kekasih P. Ramlee Hamidah, seorang gadis Arab) yang tinggal di Tembeling Road. Pada hari bertandang saya ikut sama. Apabila sampai di rumah pengantin lelaki, alangkah terkejutnya saya melihat P. Ramlee yang berpakaian kemeja berlengan panjang berwarna biru dan seluar hitam sedang menggesek biola bersama pancaragam yang sedang bermain di hadapan rumah itu. Saya tidak hirau lagi dengan kesibukan pengantin, tetapi terus berdiri di hadapan P. Ramlee melihat dan mendengar nyanyiannya.

Penggambaran Filem *Bakti*

Setelah sekian lama menonton filem-filem P. Ramlee, minat saya kepada beliau semakin bertambah, segala surat khabar yang tersiar tentang berita atau gambar P. Ramlee akan menjadi koleksi saya, ketika itu pihak Shaw Brothers mengeluarkan sebuah buku kecil setiap filem yang diterbitkan, antaranya buku filem *Juwita*, *Bapa Saya*, *Pisau Beracun* dan lain-lain. Pendek kata sejak di bangku sekolah lagi lagu-lagu nyayian P. Ramlee telah menjadi siulan saya dan menjadi lagu nyayian saya semasa mandi di bilik air. Sejak dari filem *Chinta* sehingga filem-filem lain yang dilakonkannya tidak terlepas dari jadual saya, Panggung Roxylah menjadi panggung tumpuan saya. Setelah saya menjajah kuih, saya akan terus ke Panggung Roxy, kadang-kadang kalau sudah kehabisan tiket, saya sanggup berdiri di luar pintu besar panggung Roxy hanya mendengar lagu dan suara pelakon-pelakon dari filem yang sedang ditayangkan itu.

Pada suatu hari sedang saya menjaja kuih di daerah Paya Lebar berdekatan dengan station pump najis (dulu terkenal dengan nama enjin tahi) saya dapati satu penggambaran filem sedang berlaku di tepi jalan itu. Dengan tidak menghiraukan kuih jualan itu, saya terus ke tempat itu. Alangkah terkejutnya saya rupa-rupanya bintang filem yang saya minati P. Ramlee dan S. Romai Noor berada di situ. Scene yang sedang dijalankan ketika itu ialah filem *Bakti* arahan seorang India (L. Krishnan). Shotnya ialah P. Ramlee sedang menyanyi sebuah lagu sambil menyandarkan dirinya di sebuah pokok besar di tepi jalan itu dan S. Romai Noor pula berada di atas sebuah lori. Tiba-tiba P. Ramlee terpekek "Adoh!" saya terdengar perkataan "Cut!". Waktu itu saya tidak faham apakah maksudnya pekekan itu, rupa-rupanya shooting terpaksa dihentikan, kerana P. Ramlee digigit semut kerengga di pokok itu. Semua yang berada di situ ketawa melihat telatah P. Ramlee. Saya tunggu sehingga selesai.

Di dalam hati kecil saya berkata, "Aku nak salam tangan dia, tapi takut dan malu". Begitu juga akhirnya peluang terlepas.

2

Pengalaman Berlakon Dengan Dacing Idris

Kira-Kira awal tahun lima puluhan, ketika itu saya sudah mula berminat dengan filem-filem Melayu. Saya masih bersekolah, dan sering berlakon di kampung dengan kawan-kawan bermain sandiwara. Pada suatu hari saudara Hassan Yadi yang memang sering berlakon dan berkawan dengan P. Ramlee menemui saya dan beberapa kawan-kawan sekolah dipelawa untuk berlakon sebagai murid-murid sekolah. Peluang itu tidak saya tolak, seorang kawan saya bernama Na'am (kini menjadi guru sekolah) dan Nordin telah dipilih sebagai leading, saya hanya menjadi kawan mereka.

Syarikat yang menerbitkan filem itu ialah Nusantara Film Company. Filem itu berjudul *Hati Mulia* dan antara pelakonnya ialah Dacing Idris, R. Suraini, A.R. Tompel yang bertindak sebagai guru yang mengajar kami menyanyi lagu "Kami Murid-Murid Sekolah". Lokasinya selain di dalam studio di Bukit Timah termasuk juga lokasi luar di Bukit Timah. Saya masih ingat bagaimana A.R. Tompel mengajar kami bernyanyi dan bagaimana kamera mengambil lakonan kami. Waktu itu saya masih tidak faham tentang sesebuah filem dibuat.

Bayaran yang kami terima kira-kira \$1.50 seorang kecuali kawan saya Na'am yang agak lebih sedikit kerana beliau menjadi *hero* semasa kecil. Saya masih ingat ketika di studio di Bukit Timah, kami agak nakal, panjat pokok buah kedondong,

kemudian dimarahi oleh S. Kadrisman dan diperambat oleh A.R. Toppel sebab masa shooting dah bermula, tetapi kami masih leka lagi di pokok. Dari situlah minat saya untuk menceburkan diri dalam bidang perfileman bermula.

3

Pengalaman Pertama Bersama Jimmy Asmara



Allahyarham Jimmy Asmara

Satu lagi peristiwa yang saya anggap bertuah adalah pertemuan antara saya dengan P. Ramlee di studio Jalan Ampas. Jimmy Asmara (Almarhum) ialah seorang wartawan dan pengarang dalam Angkatan Sasterawan 50 di Singapura. Beliau juga pengarang majalah Bintang yang beribu pejabat di Onan Road, antara sidang pengarangnya ialah Fatimah

Murad (isteri Allahyarham Pak Asraf). Pada suatu hari, beliau mengajak saya ke studio Jalan Ampas untuk bertemu dengan P. Ramlee. Saya dengan amat gembira mengikut Jimmy ke studio. Sampai di Jalan Ampas, kami terus masuk ke studio 9A. Alangkah gembiranya saya kerana dapat melihat satu penggambaran yang sedang berjalan di situ. Penggambaran itu ialah satu daripada adegan filem *Bujang Lapok* yang melibatkan P. Ramlee, S. Shamsudin dan Aziz Sattar. Adegan yang saya lihat hari itu menunjukkan ibu Sudin (Makcik Saamah) datang berjumpa Sudin anaknya, sementara Aziz Sattar pula cuba menahan S. Shamsudin supaya jangan masuk ke biliknya, kerana P. Ramlee sedang berada dengan tuan rumah (Normadiah). Ia juga

menunjukkan aksi P. Ramlee memegang tangan Aziz Sattar yang disangkanya tuan rumah, lalu mencium pipi Aziz Sattar, di mana dengan segera Aziz Sattar menolak P. Ramlee dari tempat tidurnya. Saya masih ingat dialog Aziz Sattar ketika itu, "Eh! Ramlee pipi aku yang karat ni kau cium". Seronok betul saya berada di situ, tiba-tiba P. Ramlee ternampak Jimmy Asmara, lalu dia memberi syarat kepada Jimmy Asmara supaya tunggu sebentar, akhirnya Jimmy Asmara mengajak saya keluar dan duduk di kedai kopi Lam. Kami duduk menunggu P. Ramlee di kedai kopi Lam. Tidak lama kemudian P. Ramlee muncul hanya dengan bersinglet leher bulat dan berselipar. Beliau terus duduk di meja kami dan saya diperkenalkan oleh Jimmy kepada P. Ramlee. Alangkah gembiranya saya apabila P. Ramlee bersalaman dengan saya dan duduk berhadapan dengan saya.

P. Ramlee hanya minum kopi beng (kopi ice) dan roti bakar bersama telur setengah masak. Saya dipelawanya minum kopi. Sebenarnya Jimmy Asmara membawa sebuah makalah tentang filem, makalah ini sebenarnya adalah hasil tulisan Jimmy dengan berpandukan cerita lisan yang P. Ramlee ceritakan kepada Jimmy. Satu ruangan majalah *Bintang* memaparkan makalah bersiri mengenai filem, oleh kerana nama P. Ramlee digunakan sebagai penulisnya, Jimmy terpaksa membacakan dahulu kepada P. Ramlee hasil tulisannya itu sebelum diterbitkan. Saya dapati banyak juga teguran dan pembetulan yang dibuat oleh P. Ramlee. Itulah hari pertama saya sua muka dengan bintang pujaan saya. Sekembalinya saya ke rumah, boleh dikatakan penuh dalam buku harian saya yang saya tulis tentang P. Ramlee yang saya jumpa pada ketika itu, baik dari cara makannya, cara duduknya dan cara berbualnya, dan saya memberitahu kawan-kawan rapat di kampung bagaimana saya berpeluang bertemu P. Ramlee. Di sinilah bermulanya saya sebagai penulis lirik, sejak itu saya sering ke studio Jalan Ampas.

Peristiwa Gelanggang Filem

Majalah *Gelanggang Filem* penerbitan P. Ramlee pada satu ketika dahulu pernah menghadapi masalah tentang gambar hiasan muka depan (*front page*) yang terpaksa ditarik balik dan diganti dengan gambar lain untuk mengelakkan daripada disaman malu oleh seorang model yang terlibat. Begini ceritanya: Sejak *Gelanggang Filem* berpejabat di Tembeling Road, saya sering ke sana untuk bertemu dengan Aimi Jarr, salah seorang pengarangnya. Kadang-kadang, saya juga menyumbang sajak atau cerpen di dalam majalah tersebut. Pada satu petang Aimi Jarr memberitahu saya yang dia terpaksa ke rumah P. Ramlee di MacPherson Road pada ketika itu. Saya amat gembira dan menyatakan kepada Aimi Jarr yang saya ingin turut serta. Pada mulanya beliau agak keberatan, tetapi akhirnya beliau mengajak saya bersama. Kami terus pergi dengan menaiki motor Lambreta. Waktu itu saya semakin rapat dengan Aimi Jarr. Ini kerana Aimi Jarr sedang menyiapkan sebuah drama pentas berjudul *Anak Yang Belum Lahir* yang akan dipentaskan oleh Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura atau 4PM di Panggung Victoria. Saya sendiri bertindak sebagai pengarahnya sementara Kassim Masdor ditugaskan mencipta sebuah lagu untuk drama tersebut. Lagu yang berjudul "Anak Yang Belum Lahir" akhirnya dirakamkan oleh syarikat rakaman EMI dan dinyanyi oleh Rafach Buang. Apabila sampai di rumah P. Ramlee di Macpherson Road, Aimi Jarr menyuruh saya tunggu di luar. Hati saya agak sedih, kerana tidak peluang bertemu P. Ramlee. Mujurlah Kassim Masdor berada di situ dan P. Ramlee bertanya Aimi Jarr, siapa yang di luar. Dengan serta merta P. Ramlee dan Kassim Masdor menjenguk di tingkap dan men-



yuruh saya masuk. Di sini saya faham, mungkin Aimi Jarr tidak mahu saya tahu tentang sesuatu yang berlaku yang menjadi kemarahan P. Ramlee. Rupa-rupanya keluaran muka depan yang ditarik balik itu ialah hiasan gambar Cliff Richard bercium dengan seorang model Singapura (seorang Melayu). Menurut P. Ramlee dia telah dinasihatkan oleh seorang peguam dari Johor supaya gambar itu diganti dengan gambar lain. Kerana itulah P. Ramlee agak marah sedikit. Akhirnya terbitan pada bulan itu terlambat sedikit dan terpaksa digantikan dengan hiasan gambar lain.

5

P. Ramlee Tidak Menghampakan Sahabatnya

Sahabat P. Ramlee, Sahari Sulaiman dan isterinya Cik Norkiah Hj Ahmad, mengundang saya, P. Ramlee, Saloma, Rahimah Alias (seniwati yang menjadi isteri Hj Bakhil dalam filem *Labu Labi*, juga ibu kepada seniwati Suraya Haron) bersama suaminya Peter dan Suraya Haron (bekas seniwati) ke majlis makan malam dan tarian (*Dinner & Dance*) anjuran Polis Republik Singapura (ketika itu Encik Sahari Sulaiman masih di dalam angkatan Polis Republik Singapura). Majlis itu diadakan di Sekolah Latihan Polis (*Police Training School*) di Upper Thomson Road.

Sayalah manusia yang paling gembira pada hari itu. Selain daripada menjadi tamu Encik Sahari Sulaiman, saya juga berpeluang duduk semeja dengan P. Ramlee. Pada malam itu, saya bersama Sahari Sulaiman dan isterinya Norkiah Hj Ahmad ke rumah P. Ramlee di Cedar Avenue. Sesampai di situ, saya, Saloma dan Norkiah Hj Ahmad (isteri Sahari Sulaiman)



Sahabat rapat P. Ramlee, Lt. Col. Sahari Sulaiman bersama isterinya, Cik Norkiah Hj Ahmad dan anak sulong mereka Norenshah

menaiki kereta (dodge) P. Ramlee yang dipandu oleh beliau sendiri, sementara Sahari Sulaiman membawa Rahimah Alias berserta suaminya, Peter (seorang Inggeris). Pada mulanya, Suraya Haron turut bersama, tetapi oleh kerana sesuatu perkara penting, beliau tidak dapat mengikutinya. Jadi, sayalah yang tidak mempunyai *partner* pada malam itu.

Malam itu merupakan majlis yang amat meriah, penyanyi yang menghiburkan kita malam itu ialah penyanyi Rahim Hameed (Net King Cole Singapore), suami seniwati Mariam dan ayah kepada penyanyi Rahimah Rahim. Saloma juga telah diundang bersama P. Ramlee untuk mendendangkan sebuah lagu. Majlis tarian pada malam itu kebanyakannya dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan polis. Ada juga beberapa orang



*Dari kiri: Rahim Hameed (Net King Cole Singapore)
Tengah: Rahimah Rahim, S. Shamsudin dan Yusnor Ef
dalam satu rancangan TV Singapura*

yang cuba mempelawa Saloma untuk menari bersama, tetapi Saloma menolak dengan hormat. Saya rasa tentu Saloma faham dengan sifat P. Ramlee yang tidak mahu melihat isterinya dikepit orang. Saya sendiri terpaksa menari seorang diri tanpa menghiraukan apa yang berlaku di sekeliling malam itu kerana telah begitu gembira sehingga P. Ramlee sendiri menyuruh Norkiah Hj Ahmad untuk menari bersama saya dan membawa saya duduk semula di meja.

Kira-kira dua jam kemudian, akhirnya P. Ramlee dan Saloma hendak pulang. Sayalah orang yang mengiringi mereka sehingga ke kereta P. Ramlee. Pada ketika itu saya mempunyai bej (medal) gambar P. Ramlee berbentuk bulat lunjung yang menunjukkan bahagian kepala P. Ramlee sahaja. Bej ini hanya kepada ahli Gelanggang Filem (P. Ramlee Fan) dan saya sempat menunjukkan kepada P. Ramlee. Beliau hanya menunjukkan tanda O.K. dengan ibu jarinya dan menepuk belakang saya. Setelah kereta beliau beredar dari situ, saya sendiri agak tak tentu hala, kerana saya dah lupa tangga mana yang saya harus ikuti. Mujurlah salah seorang mata-mata yang bertugas di situ membawa saya ke atas semula. Itulah kisah lucu saya bersama mereka.

6

Perkenalan Pertama Dengan Kassim Masdor

Pada akhir tahun-tahun lima puluhan saya bergerak cergas (aktif) dalam kegiatan-kegiatan seni budaya di Singapura. Saya juga menjadi pengerusi dalam bidang kebudayaan Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura atau 4PM. Ketika itu persatuan ini dipengerusikan oleh Encik Yatim Duhon se-

orang bekas jurubahasa dan pesuruhjaya sumpah di Singapura, sementara Prof Taib Osman (bekas Naib Canselor Universiti Malaya) menjadi setiausahanya. (Prof Taib Osmanlah orang yang membawa saya masuk ke dalam persatuan 4PM) ketika itu.

Saya juga sering mengarah drama pentas di panggung Victoria (Kalau sekarang disebut teater). Satu daripada drama yang pernah saya pentaskan waktu itu berjudul *Siapa Bersalah* karya A. Shukor Haron. Ketika inilah saya bertemu Kassim Masdor untuk mencipta sebuah lagu yang akan saya gunakan di dalam drama tersebut, saya cuba membuat satu pembaharuan dalam drama pentas dengan menggunakan lagu (*playback*) dalam satu adegan seperti di dalam filem. Akhirnya Kassim Masdor mencipta sebuah lagu dan saya sendiri menulis liriknya berjudul "Kasih Sepanjang Masa". Lagu itu telah dirakamkan oleh penyanyi Fazidah Juned dengan syarikat EMI Singapore. Sejak dari saat itulah hubungan saya dengan Kassim Masdor bertambah rapat, dan sejak itulah saya diberi peluang oleh beliau untuk menulis lagu-lagu ciptaannya yang dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi terkenal ketika itu, seperti lagu "Aku Dia dan Lagu" (dendangan asal Saloma, dinyanyikan semula oleh Wan), "Gelisah" (nyanyian asal Ahmad Jais, dinyanyikan semula oleh Sanisah Huri) dan banyak lagi (kira-kira tiga ratus senikata lagu yang telah saya hasilkan bersama pencipta-pencipta terkenal seperti P. Ramlee, Zubir Said, Ahmad Nawab, S. Atan, Yusof B dan lain-lain), tetapi pencipta Kassim Masdorlah yang banyak saya hasilkan senikata untuk lagu-lagu ciptaan beliau. Kerana itulah saya sering bersama Kassim Masdor. Selain bekerja di studio Jalan Ampas sebagai penjaga kesinambungan (*continuity clerk*) dan pembantu P. Ramlee dalam bidang muzik, beliau juga merupakan seorang penerbit (*producer*) sambilan(*part-time*) dengan syarikat rakaman EMI



Yusnor Efsedang bincang tentang lirik dengan Kassim Masdor



Biduanita Sanisah Huri bersama Yusnor Efbincang lagu "Gelisah"

di Singapura. Di sinilah saya mendapat peluang menemui Kassim Masdor di studio Jalan Ampas, saya sering ke studio melihat penggambaran sesebuah adegan oleh pengarah-pengarah seperti Jamil Sulong, Omar Rojik, Roman Estella dan P. Ramlee.

Hubungan saya dengan pekerja, pelakon dan juga pengarah semakin rapat, kecuali P. Ramlee, kerana saya belum berani mendekatinya lebih-lebih lagi beliau tidak begitu ingat kepada saya, walaupun pernah bersua bersama-sama Jimmy Asmara. Pergaulan saya di studio Jalan Ampas semakin bebas dan mudah. Oleh kerana saya bekerja sebagai guru, jadi saya akan ke studio sebelah pagi kalau saya mengajar sebelah petang dan begitu sebaliknya, dan saya lebih rapat dengan kawan-kawan dari golongan pekerja studio (*kru*) seperti jurulampu (*lighting-man*), jururakam (*soundman*) *property boy*, dan juga pelakon-pelakon ternama. Nama-nama pekerja yang berkerja di belakang *screen* seperti Aziz Yusof (penolong *cameraman*) Isnin (*lightingman*), Koming (Almarhum), Salim panjang (Almarhum), Ahmad Suradi, Kadir pendek, A.Galak (pelakon dan penolong pengarah ketika ini bersama Yusof Aslam). Waktu itu, A. Galak ialah orang yang bertanggung jawab dalam urusan persolekan (*make-up*) dan pakaian (*costumes*). Di samping mereka ini, saya juga sering bersembang dengan Mustafah Yassin (*Art Director*), A.V. Bapat (*Art Director*) dan A. Bakar Ali (*Cameraman*). Tidak ketinggalan juga dengan pekerja-pekerja yang bukan Melayu. Mereka lebih mesra memanggil saya dengan panggilan "Cikgu".

Pendek kata kemesraan dan pergaulan saya di studio itu bertambah erat dan bebas, sehingga pengurus studio Mr Kwek Chip Jian cukup kenal dengan saya, dan tidak ada masalah untuk saya kalau terus masuk ke studio sewaktu shooting. Begitu juga Nyonya dan Mr Lam, penjual kopi di Jalan Ampas,

mereka juga amat kenal dan mesra dengan saya. Gerai minuman (sarbat) seorang Benggali (Latif namanya) di tepi hadapan pintu besar studio sering menjadi tempat saya bersembang dengan Kassim Masdor dan kawan-kawan lain. Kadang-kadang kita menjamah capati yang beliau masak untuk makan malam.

Saya masih ingat semasa saudara Jamil Sulong menjalankan uji lakon (*screen test*) untuk seniwati Noor Azizah, saya juga berada di studio melihat keadaan uji lakon dijalankan. Ada satu ketika saya nampak P. Ramlee dengan hanya bersinglet putih leher bulat dan berselipar duduk di kerusi jaga (seorang Benggali) di hadapan pintu besar (*gate*) studio No 8. Benggali itu sedang memicit-micit badan P. Ramlee, apabila saya bertanya kepada Kassim Masdor kenapa P. Ramlee dipicit oleh Benggali itu, Kassim Masdor menjawab, "Singh itu tukang picit P. Ramlee". (Kita dapat lihat Singh itu dalam filem *Seniman Bujang Lapok*, yang menjadi jaga semasa P. Ramlee, Aziz Sattar dan S. Shamsudin datang untuk minta kerja sebagai pelakon filem (*film star*)).

Saya sudah mula berjinak-jinak dengan P. Ramlee, kadang-kadang saya turut serta di dalam studio ketika beliau melakukan shooting. Saya perhatikan dengan sungguh-sungguh, orang yang selalu saya bertanya sesuatu ketika itu ialah penolong pengarah P. Ramlee, S. Sudarmadji. Di sini saya perhatikan kadang-kadang sambil P. Ramlee mengarah, anak matanya sering meninjau ke arah saya, mungkin beliau terfikir waktu itu siapa agaknya yang sering ikut shooting. (Ini dinyatakan oleh P. Ramlee sendiri apabila saya sudah berkenal rapat dengannya), kata beliau, "Abang sangkakan engkau ni dulu mana punya mamak yang suka tengok gambar Melayu, setiap kali aku shooting, engkau mesti ada, rupa-rupanya engkau ni cikgu Melayu ya!"

Satu lagi kesempatan saya sehingga akhirnya dapat bertemu dan terus belajar dengan seniman P. Ramlee ialah melalui sepasang suami isteri sahabat karib saya bernama Sahari Sulaiman dan isterinya Norkiah Hj Ahmad, (Sahari Sulaiman adalah seorang pegawai tinggi tentera Republik Singapura berjawatan Leftenen Kolonel dan pakar dalam bidang senjata api dan beliau pernah terlibat sebagai penasihat kepada pengarah Jamil Sulong semasa Jamil Sulong mengarah filem *Gerak Kilat* sementara isteri beliau Cik Norkiah pula menjadi pengurus Rumah Kebajikan Perempuan-perempuan Islam di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat di Singapura (*Muslim Womens Welfare Home*). Pada suatu hari, pihak rumah kebajikan mengadakan majlis hari kebajikan dan rumah terbuka. P. Ramlee dan Saloma diundang oleh pengurusnya Cik Norkiah Hj Ahmad. P. Ramlee sempat bermain accordin sambil menyanyi di dewan rumah penginapan itu. Oleh kerana kuares Encik Sahari Sulaiman berdekatan dengan rumah kebajikan, maka P. Ramlee dan Saloma berkunjung pula ke rumah Encik Sahari Sulaiman. Di sinilah saya turut serta di dalam kunjungan itu, saya masih ingat beberapa patah perkataan yang saya lafazkan kepada P. Ramlee.

Akhirnya Sahari Sulaiman berterus-terang memberi tahu P. Ramlee yang saya sahabatnya ingin belajar menulis skrip dengan nya, saya agak terkejut, takut dan malu, P. Ramlee hanya memandang ke arah saya, kira-kira beberapa saat kemudian beliau terus menjawab, "Bila senang datang rumah abang". Itulah kalimat yang saya nanti-nantikan sekian lama. Dengan serta merta saya menjawab, "Baiklah".

Kerana rapatnya persahabatan Sahari Sulaiman dan Norkiah Hj Ahmad dengan P. Ramlee, maka P. Ramlee telah menggunakan nama kedua-dua temannya itu di dalam filem *Masam-*

Masam Manis lakonan P. Ramlee dan Sharifah Hanim dengan panggilan Cikgu Sahari dan Cik Norkiah. Itulah sifat P. Ramlee yang cuba mengabadikan nama sahabatnya di dalam karyanya.

7

Malam Pertama Bertemu P. Ramlee Di Rumahnya

Setelah mendapat keyakinan daripada sahabat saya Sahari Sulaiman, dan P. Ramlee sendiri menyuruh saya datang ke rumahnya, saya tidak ingin melepaskan peluang ini. Dengan tekad dan hati yang berani serta cekal, pada satu petang, sekembalinya saya dari mengajar di Sekolah Melayu Kampung Selabin, Pulau Tekong Besar, saya menaiki teksi dari Changi Point ke Aljunied Road, kemudian menyambung perjalanan dengan menaiki bas Tay Ko Yat menuju ke arah Cedar Avenue di Upper Al-Junied Road, saya terus menuju ke rumah P. Ramlee di Cedar Avenue. Hati saya gembira dan berdebar-debar. Saya tiba pada kira-kira pukul 8 malam. Apabila tiba di pintu, pembantu rumahnya, seorang lelaki dari Terengganu bernama Ngah bertanya, "Nak jumpa siapa?" "Nak jumpa abang Ramlee", jawab saya. "Abang Ramlee tak ada, ada buat janji". "Ya!" kata saya. Ngah pun menyuruh saya masuk, dan saya duduk sambil menonton televisyen. Ketika itu anak-anak P. Ramlee, Normah, Betty, Sazali dan Nasir serta anak Saloma, Armali (hasil perkahwinannya dengan A. R. Tompel) juga menonton televisyen. Sebentar kemudian, Ngah membawa secawan kopi untuk saya.

Dengan tidak disedari, jam sudah hampir pukul dua belas malam. Semua yang berada di situ sudah masuk tidur, hanya tinggal saya bersama Ngah. Dalam hati kecil saya bertanya,



*Rumah P. Ramlee di Cedar Avenue (Singapura).
Kelihatan Nasir berdiri di pintu pagar*

"Patutkah aku tunggu, ataupun pulang sahaja, hatiku sudah mula gelisah, takut-takut P. Ramlee tak pulang, ataupun mungkin bila dia pulang, dia tak dapat menerima aku, kerana hari dah jauh malam", berkecamuk fikiranku. Dalam aku berkhayal itu, saya terkejut, apabila Ngah memberitahu, "Ah itupun abang balik". Aku semakin panik, lampu kereta yang memancar ke dalam gate telah membuatkan aku lebih gamam, apakah tidak, jam sudah hampir pukul satu malam, hati masih nak tunggu, tapi tak tahu, kalau-kalau P. Ramlee tak mahu layan aku". Tiba-tiba P. Ramlee tercegat di pintu, melihat wajahku yang kaku, dia terus bertanya kepada Ngah, "Siapa ni?" "Cikgu Mat Noor nak jumpa abang". Saya terus berdiri bersalaman tanpa berkata apa-apa. P. Ramlee terus ke atas dan berkata kepada saya, "Tunggu ya! Abang mandi dulu".

Betapa leganya hati saya apabila dia suruh tunggu. Kira-kira setengah jam, P. Ramlee dengan hanya berkain pelek


turun dan mengajak saya makan bersama-samanya di meja makan, saya semakin tak tentu arah, maklumlah P. Ramlee yang pertama kali bertemu sua alih-alih mengajak makan semeja. Saya cuba merendah diri, "Tak apa bang, saya dah makan". Sebenarnya memang belum makan. P. Ramlee mengajak lagi secara sungguh-sungguh, tanpa berfikir lagi, saya terus duduk dihadapannya dan makan.

Lauk-pauk yang terhidang itu ialah kari kepala ikan, ikan tenggiri asin, sayur kangkong dan sambal belacan bersama timun". Hati saya berkata, "Eh! Simple betul makanan P. Ramlee ni, macam makanan di rumah aku juga". Yang anehnya P. Ramlee berkali-kali menyuruh saya mengambil lauk-pauk itu, tetapi saya hanya mengambil kangkong yang betul-betul di hadapan saya, tak berani rasanya nak merandau segala lauk-pauk itu, sebab pertama, gembira kedua, takut dan ketiga hormat. Maklumlah, bila kita berhadapan dengan orang besar dan popular.

Setelah makan kami duduk di sofa. P. Ramlee bertanya, "You Cikgu sekolah ya!" "Ya !" jawab saya. "Dah jadi cikgu nak belajar apa lagi?" Dalam hati saya terkejut, dan terus saya jawab, "Saya nak belajar tulis skrip filem".

"Ada bawa skrip", dengan cepat saya mengeluarkan sehelai kertas yang sudah bertaip ringkasan cerita (sinopsis) cerita "Sangkar Emas" yang saya hasilkan sendiri. Diambilnya dan terus dibacanya, dengan bergoyang lututnya dan jarinya memegang ke kepala. P. Ramlee membaca dengan serius. Setelah selesai beliau membaca yang hanya sehelai sahaja itu, beliau terus berkata, "Ini skrip kalau cikgu nak buat novel, tapi nak buat screenplay, bukan begini, bagi saya kertas". Dengan pantas saya terus memberi kertas kosong, lalu beliau menulis secara kasar susunan jalan ceritanya atau *sequence of events (scene by scene)* cerita

itu. Dan diberi kepada saya disuruhnya saya habiskan cara demikian. Begini contohnya:



(Tulisan pertama P. Ramlee ini masih saya simpan)

Setelah itu P. Ramlee mengalihkan ceritanya tentang diri saya dan kisah-kisah dalam filem, kira-kira jam tiga pagi, saya minta izin pulang, soalan pertama yang beliau ajukan ialah, "Berani balik seorang?" Dengan pantas saya jawab, "Berani bang". Beliau hanya mengiringi saya hingga ke pintu (*gate*) sahaja. Malam itu adalah satu malam yang amat gembira dan bertuah. Saya berasa besar hati, kerana layanan pertama yang diberi kepada saya. Hanya satu pesanannya kepada saya pada malam itu, katanya, "Nak tulis skrip filem tak boleh hangat-hangat tahi ayam, nanti skrip kamu kena masuk dekat reban ayam". Begitulah gurauannya P. Ramlee. Saya terus pulang dengan seribu kenangan di malam pertama. Malam itu juga saya terpaksa menempuh beberapa rintangan semasa perjalanan pulang, apakah tidak, rumah P. Ramlee jauh ke dalam dari jalanraya, sedangkan saya tidak berkenderaan, hanya berjalan kaki di dalam lorong yang berkeliaran dengan anjing-anjing garang. Kadang-kadang saya terpaksa berhenti dan cuba mem-beranikan diri dengan merenung ke arah anjing-anjing itu. Akhirnya saya terpaksa berjalan cepat dengan perasaan yang amat takut.

8

Keyakinan P. Ramlee Kepada Saya Bertambah

Sejak hari pertama, saya sudah mula membayangkan sesuatu yang cerah untuk saya. Malam itu saya tidak sabar lagi untuk menghabiskan skrip pertama saya itu. Keesokan harinya, saya datang lagi dengan skrip yang telah saya jadikan *scene by scene* (*Sequence of events*) seperti hari sebelumnya, saya terpaksa

menunggu P. Ramlee pulang. Apabila beliau pulang dengan tersenyum berdiri di hadapan muka pintu beliau bertanya kepada saya, "Ah dah habis dah skrip?" Saya menjawab secara sepontan, "Sudah". Setelah berehat sebentar, saya terus menunjukkan skrip yang telah saya siapkan itu. P. Ramlee agak terkejut, dan memberitahu saya, "Wah! Cepat betul engkau habiskan, engkau pakai magicke?"

Kini, P. Ramlee sudah mula minat dengan usaha yang saya lakukan. Boleh dikatakan setiap hari kecuali kalau beliau mempunyai shooting malam, saya tidak jemu-jemu menemuinya. Ada beberapa kaedah (tips) yang diberi kepada saya untuk melahirkan sesebuah skrip yang baik, antaranya ialah, kita harus memulai untuk menulis sebuah cerita dengan perkataan "Mengapa?" atau "Why?", di dalam sesuatu babak (*scene*) harus mempunyai insiden, dan perwatakan di dalam sesebuah cerita harus jelas juga mempunyai peranan yang mencabar.

Sebarang mesej atau nilai-nilai moral yang baik harus diselitkan secara tidak dipaksa, dan kita perlu peka dengan motif yang akan disampaikan. Dialog yang akan disampaikan oleh pelakon tidak perlu berjela-jela, harus tepat dan mudah (*simple*). Kalau jalan ceritanya mengkehendaki dialog bahasa berirama, perlulah dibuat secara tersusun, sebagai contoh:

"Adik bukan, abang pun bukan, tersentuh Puspawangi, celaka padahnya" (dari filem *Musang Berjanggut*)

"Aku pukul kerana engkau biadap, aku dah jelak dengan budak-budak biadap" (dari filem *Damaq*)

"Daripada hidup bergelumang dosa, biar mati dijilat nuraka" (dari filem *Semerah Padi*)

Sementara dialog dalam filem-filem komidi pula beliau sering mengingatkan saya bahawa jawapan untuk satu-satu dialog yang dilafazkan oleh pelakon pertama harus ada kesan lucunya (*humour*) dan pantas dijawab secara bersahaja. Misalnya:

“Aziz baca bunyi syair, Sudin baca bunyi Arab, Ramlee baca tak bunyi langsung” (dari filem *Pendekar Bujang Lapok*)

“Siapa kau?” “Sultan punya abang ipar dahhh” (dari filem *Nujum Pak Belalang*)

Itulah beberapa contoh yang selalu beliau mengingatkan saya kalau menulis cerita-cerita komidi. Satu lagi yang diajarnya ialah, semasa kita merangka jalan cerita dan menyusun plotnya, kita harus tentukan atau bayangkan siapakah yang sesuai dengan peranan dalam karektor yang kita wujudkan itu, kalau cerita komidi, jangan diberi kepada pelakon yang tidak ada *sense of humour* langsung atau pelakon yang memang serius.

Apabila hubungan kami bertambah rapat, beliau sanggup pulang lebih awal untuk bersama-sama saya membincangkan skrip-skrip yang saya usahakan. Saya masih ingat pada satu malam, agak-agak jam sepuluh malam, saya sedang menanti beliau pulang di rumahnya, dan saya ditemani oleh pembantu rumahnya, Ngah. Tiba-tiba telefon berbunyi, Ngah pembantu rumahnya memberi telefon itu kepada saya dengan berkata, “Abang hendak cakap dengan cikgu”. Saya agak gementar seketika, kerana saya sangka tentu P. Ramlee tidak dapat pulang, dan mungkin menyuruh saya pulang malam itu. Apabila saya menjawabnya, beliau berkata, “Mat Noor, jangan pulang, tunggu ya! Abang pulang sekarang”. Lega rasanya apabila P. Ramlee memberitahu yang beliau akan pulang demi saya.

Sebentar lagi beliau pulang, dan kami meneruskan perbualan malam itu dengan satu lagi skrip yang telah saya tulis susunan jalan ceritanya atau *scene by scene* bertajuk *Doktor Gila* cerita ini hasil tulisan bersama, dan ia merupakan sebuah cerita drama masyarakat moden. Walaupun tajuknya beliau memberi nama *Doktor Gila* tetapi jalan ceritanya agak luar biasa. Ia mengisahkan seorang doktor yang mempunyai beberapa kebolehan lain selain daripada menjadi doktor, kejayaanya dalam bidang muzik yang luar biasa dengan lagu-lagu ciptaannya, sehingga dikritik dan dicemuh oleh masyarakat, kerana itulah mereka menggelarnya *Doktor Gila*. Idea-idea beliau agak luar biasa dan tidak diterima oleh masyarakat pada mulanya, tetapi setelah dia mati di dalam kliniknya sendiri, maka barulah masyarakat tahu akan prinsip hidupnya yang sebenar.

Oleh kerana seronok, dan beliau juga begitu prihatin dengan skrip itu akhirnya kami bersembang fasal skrip itu sehingga jam tiga setengah pagi. Sampai waktunya saya akan pulang, P. Ramlee faham yang saya ini penakut anjing sedangkan di lorong rumahnya itu iaitu di Cedar Avenue memang banyak anjing berkeliaran di waktu malam, dia tidak bertanya apa-apa, cuma disuruhnya Ngah (pembantu rumah) mengambil sebatang kayu panjang (belantan) dan kainnya diikat secara Benggali susu, lalu diajaknya Ngah dengan berkata, "Ngah, mari ikut abang kita hantar budak penakut ni sampai dapat teksi". Saya pura-pura beranilah kononnya, "Tak apa bang! Saya boleh balik sendiri". Akhirnya dihantarnya saya sampai ke hujung jalan menghala ke Aljunied Road. Amat tersentuh sekali perasaan saya waktu itu. Hari saya berkata, "Seniman besar begitu mulia hatinya, saya yang kerdil ini sanggup dihantarnya secara begitu". Dari sejak peristiwa itu, saya sudah tidak gamam lagi, tidak gementar lagi dan tidak malu-malu lagi, dan saya bertekad pada suatu hari nanti

mudah-mudahan saya akan jadi penulis skrip yang di bawah asuhannya.

Seterusnya saya diberi bimbingan secara informal, beliau lebih suka bersembang dan mencari idea-idea baru apabila berbincang dengan saya, kadang-kadang kita berbincang sehingga pukul dua tiga pagi, dan ada kalanya saya terpaksa tidur di rumahnya (kalau hari Sabtu atau Ahad). Di samping berbincang skrip, ada juga masanya beliau memikirkan sesuatu yang aneh dan diberitahu kepada saya, antaranya kata beliau, "Abang nak buka bisnes," "Bisnes apa bang?" "Jual pisau cukur, semua orang lelaki mesti perlu pisau cukur, tentu kita jadi taukeh pisau cukur".

Kadang-kadang saya ke rumahnya pada hari Ahad. Pada hari itu ramai yang berada di rumahnya, anak saudaranya, isteri Ahmad Rejab (Ahmad Joko) dan Kak Joyah (ibu kepada cucu angkat P. Ramlee yang dijadikan anak angkat diberi nama Zazaloma). Kak Joyah dan suami serta anak-anaknya memang duduk bersama P. Ramlee. Kak Joyah akan sibuk memasak, tetapi kalau hari minggu biasanya P. Ramlee akan masak mee kegemarannya. Setelah makan tengah hari, kadang-kadang beliau berbaring di tengah rumah, dan beliau biasanya gemar menonton filem kartun di hari minggu. Pada beliau filem kartun banyak memberi idea kepada kita, terutamanya cerita-cerita komedi. Selain daripada filem-filem kartun, beliau juga gemar menonton filem-filem Hindustan.

Saya masih ingat dengan satu peristiwa mengenai sebuah filem Hindustan yang sangat diminati oleh P. Ramlee. Filem itu berjudul *Gunga Jamuna* lakonan Dilip Kumar dan Vijayanthimala. Filem ini membawa kisah dua adik-beradik di mana akhirnya terpaksa si bang membunuh si adik kerana keselamatan dan keamanan negara. Lagu-lagu filem ini di-

P. RAMLEE YANG SAYA KENAL



Vijayanthimala dan Dilip Kumar dalam filem "Gunga Jumna" yang diminati oleh P. Ramlee



Dua penyanyi Hindustan yang diminati oleh P. Ramlee

nyanyikan Mohamad Rafi dan Lata Mangeshkar. Saya disuruh oleh P. Ramlee untuk menonton filem ini yang ditayangkan di panggung Odeon (yang lama di North Bridge Road). Beliau memberitahu saya bahawa filem ini mempunyai jalan cerita yang baik dan lagu-lagunya amat menyayat hati. Beliau sendiri sudah menonton dua kali katanya. Akhirnya saya menonton tiga kali. Memang ceritanya baik, lagunya sungguh menyayat hati dan lakonan Dilip Kumar memang baik. Di sini, saya lebih faham tentang minat P. Ramlee dengan satu-satu filem yang ditontonnya, beliau memberitahu saya, "Orang macam kita menonton filem bukan hanya seronok dengan ceritanya sahaja, tetapi tentukan yang kita tonton itu apa dia, karektornya ke, jalan ceritanya ke, sudut kamera ataupun satu-satu babak yang penting dan diiringi pula dengan sesebuah lagu (*playback*) dan background muzik, kerana kata P. Ramlee, "Muzik adalah nadi untuk sesebuah filem" Sejak ketika itu, saya menonton filem lebih menjurus kepada banyak aspek, terutamanya *playback scene* (maksud saya filem-filem Hindustan) kerana filem-filem Hindustan mempunyai berpuluh-puluh shot dalam satu babak menyanyi dan menari. Mengikut kiraan saya, terdapat lebih daripada seratus shot, disertai pula dengan persalinan baju serta penukaran lokasi. Inilah kenapa filem Hindustan itu dikatakan kaya dengan seninya.

Banyak skrip yang saya hasilkan bersama Allahyarham P. Ramlee yang masih ada lagi di dalam simpanan saya, antaranya skrip "Dunia Terbalik" (komidi). Dalam cerita ini, P. Ramlee cuba menjangkau sesuatu yang mungkin akan terjadi – bukan cerita fantasi, tetapi kejadian sebenar bagaimana kehidupan suami isteri di dalam rumahtangga apabila kaum wanita (isteri) telah mengambil alih tempat lelaki (suami) dalam segala urusan kehidupan seharian. Satu lagi cerita ialah *Kisah Tuah dan Tijah*. Beliau ingin menjadikan cerita ini satu cerita romantik antara

Tun Tijah dengan Hang Tuah dan beliau inginkan cerita ini seakan-akan *Samson and Dilaila*. Katanya, "Kalau Samson kekuatannya di rambut, kita fikirkan di mana pula terletaknya kekuatan Hang Tuah" (Skrrip ini masih dalam simpanan saya). Sebuah lagi skrip ialah *Antara Dua Dunia*. Cerita ini mengisahkan seorang pencipta lagu yang hilang akal (*lost memory*) sehingga dia tidak dapat mengenali isterinya sendiri yang bekerja di pejabatnya. Kisah ini merupakan suatu drama musical tragedi.

Apabila saya dapat menghasilkan skrip-skrip yang diberinya, akhirnya saya disuruh datang ke studio untuk melihat bagaimana beliau mengarahkan sesebuah filem itu. Saya rasa bertuah kerana sering dapat mengikutinya di dalam studio. Pernah saya disuruh melihat dari sudut kamera (*Viewfinder*) dengan shot yang akan diambilnya. Ketika itu saya berasa seolah-olah seperti penolong pengarah. Kadang-kadang saya bertanya juga sesuatu yang kurang pasti kepada S. Sudarmadji, penolong pengarah P. Ramlee. Begitulah mesra dan komitednya saya dengan kerja-kerja yang diusahakan oleh P. Ramlee.

Pada satu hari, saya menunggu beliau kembali dari *Asia Filem Festival* di Hong Kong di rumah beliau. Setibanya sahaja di rumah, dan terlihat saya di situ, beliau terus berkata, "Mat Noor tunggu abang mandi dan tukar pakaian, ada cerita baru kisah cinta di Hong Kong". Setelah beliau selesai mandi dan makan, beliau terus menyuruh saya tulis ringkasan cerita *Asmara Di Hong Kong* atau *Love in Hong Kong*. Saya begitu serius mendengarkan ceritanya, saya bertanya kepadanya, "Ini nak kena shooting di Hong Kong bang?" Jawabnya, "Mesti, engkau habiskan sequencenya, kita bincang lagi".

Setelah saya pulang, saya tidak ke rumahnya dalam tiga empat hari, kerana menghabiskan cerita itu. Apabila saya bawa skrip yang telah siap itu, kepadanya beliau membacanya dan

ASAL

95-00000000

1000 10 100000000

✓ 1. ✓ Sekolah Panch...

Cawara manfokus bebung sekalah.

Suber... kredit titles, ...

Sekolah saya credit titles, lancheng pin bebung.

Cawara manfokus bebung sekalah. ...

✓ 2 ✓

...

... di atas ...

... Che Gu

... Hand ...

... Che Gu ...

✓ 3 ✓

... yang ...

... yang ...

dan ...

... Che Gu ...

...

ASMARA DI HONGKONG

Cheritra : P. Ramlee
Jalan Cheritra : TUNONG KP

BABAK 1. SCHOOL PUNCH

Camera secepat locheng sekolah.
Superimposed kepingan2 credit Titles sehingga akhir.
Sehala sahaj credit title locheng pun berbunyi
Camera track back ternasuk seorang pem sedang
mengeyang locheng dengan kuatnya, Suara batak2 yin
berlari menuju ke padang

BABAK 2. PADANG SEKOLAH

Ramai murid2 sekolah sedang beratur dengan ergonomya,
berakalan seragam.
Guru2 juga sedang berdiri di satu sudut yang dihormati.
Ketua murid2 memberi perintah pada murid2 supaya
memberi hormat pada guru2.
Murid2 dengan serentak mengucapkan Selamat pagi
Che Gu.
Guru besar pun datang menuju pada murid2.
Ketua murid2 memberi perintah supaya murid2 memberi
hormat kepada guru besar.
Murid2 serentak mengucapkan Selamat pagi che Gu
Besar.
Che Gu Besar mengumuhkan apakah naik bandera.
Murid2 semua menyanyi SONG NO. 1. (NEGARA KU)
Setelah selesai upacara naik bandera, guru besar
menyuruh murid2 masuk ke darjah masing2.
Murid2 pun beratur dengan tata tertib.

BABAK 3. SEKOLAH (DALAM DARJAH)

Ramai murid2 sedang duduk menunggu gurunya.
Ada yang bergurau2 sama sendiri, ada yang menaruh
mata sendiri.
Tiba2 seorang murid ketua darjah memberi perintah
bangun dan hormat. Murid2 berdiri dan mengucapkan
"Selamat pagi Che Gu Hajed. Kepada guru yang baru
masuk tadi.
Che Gu Hajed suruh murid2 duduk dan membuka buku maya
nyian masing2. Che Gu Hajed ke piano yang teredua
di situ, dan memberi nasihat belajar baik2 jangan
malas dan lagat apa yang di ajar.
Che Gu Hajed mulakan dengan I Do, He, Ni, dan seterusnya.
SONG NO. 2. Setelah saja murid2 menyanyi tiba2
terdengar bera kereta dari outfield.
Che Gu Hajed bangun dengan cepat menjengah keluar
jendela.

Scrip "Asmara Di Hong Kong" yang di taip sendiri oleh P. Ramlee

berjanji akan menghalusnya dan menjadikannya filem segera. (Inilah satu-satunya skrip yang saya terima sebagai kenang-kenangan setelah beliau meninggal dunia). Kisahnya begini – setelah beberapa minggu beliau meninggal dunia, saya melawat ke Petaling Jaya sekali lagi hanya untuk berjumpa Saloma. Disamping itu saya inginkan suatu tanda mata untuk disimpan. Apabila Saloma hendak beri saya coat P. Ramlee, saya kata, “Kalau saya pakai coat abang Ramlee ni nampaknya saya tenggelam dalam coat, kerana coat tu besar sangat buat saya”. Kemudian Saloma teringat akan skrip saya, terus dia mengambilnya di atas, katanya, “Ah! I rasa skrip you dengan abang Ramlee ada di atas”. Sebentar lagi Saloma turun dan memberi saya sebuah fail merah dimana terkandung di dalamnya cerita *Asmara Di Hong Kong* yang telah ditaip oleh P. Ramlee. Di bahagian atas hujung sebelah kanan skrip itu tertulis: Cheritera: P. Ramlee dan jalan ceritera Yusnor Ef dengan warna biru. Saya memandang skrip itu dengan tenang, dan tidak disedari berlinang air mata, saya katakan kepada Saloma: “Walaupun abang dah tak ada, usaha saya bersama abang ini akan saya jadikan dorongan dan khazanah yang tidak ternilai kepada saya”.

Semua dialog di dalam skrip itu ditaip dengan warna merah, dan penerangan jalan ceritanya ditype dengan warna biru. Biar saya turunkan beberapa dialog komidi yang kami usahakan bersama:

“Cerita babak Cikgu Majid dengan Cik Rosini (Anak Cikgu Besar)

Lokasi di garden. Tiba-tiba terdengar suara music di outfield:

C.G. Majid: “Muzik apa ni di dalam garden...?”

(Sambil memandang ke arah suara, 20 murid-murid Che gu Majid berjalan dengan teratur sambil memukul gendang)

C.G Majid: "Eh... itu nampaknya macam murid-murid darjah saya... Apa mereka buat di sini...

(Murid-murid sambil berjalan teratur sambil menyanyi)

Murid-murid: Bapa pergi misjid... ibu pergi pasar.
Kesah Che gu Majid... dengan anak che gu Besar.

(Rosini ketawa melihat tengah laku murid-murid Che gu majid naik radang)

C.G. Majid: Chilaka murid-murid... engkau usik aku ya...

(Che gu Majid turun dari kereta dan mengejar budak-budak... Budak-budak lari lintang pukang)

(Begitulah petikan skrip yang kami hasilkan
bersama cerita *Asmara di Hong Kong*)

Beliau juga pernah membincangkan cara beliau meletakkan karektor atau peranan untuk seseorang artis itu juga bersama saya. Katanya, "Pelakon yang akan membawa watak di dalam cerita engkau itu, mesti bertenaga dan popular, kerana kalau skripnya agak lemah, pelakon yang bertenaga itu boleh membawakan skrip itu kepada berjaya, dan tentukan, biarpun peranan itu kecil, tetapi cuba kita dapatkan pelakon yang ter-nama sebagai pelakon undangan, kerana ini penting. Peranan pelakon tambahan (*part extras*) juga amat penting di dalam sebuah filem. Sebagai contoh, dalam satu adegan, filem *Labu-Labi*, di mana peraduan ratu kebaya diadakan, Aziz Sattar



Yusnor Ef bersama Jamil Sulong



Yusnor Ef bersama Omar Rojik

diberi peranan sebagai juruacara dan mereka yang menjadi pengadil dalam peraduan itu kecil, tentu sahaja beliau boleh menggunakan pelakon-pelakon tambahan (*extras*) tanpa dialog. Tetapi P. Ramlee meletakkan Omar Rojik (pengarah), Ahmad Mahmood (pelakon), Dayang Sofiah (pelakon), Sarimah (pelakon) dan A. V. Bapat (pengarah seni atau *Art Director*) sebagai pengadil. Ini menunjukkan betapa telitinya kerja beliau.

9

Penulisan Skrip Bertambah

Hari demi hari, bulan demi bulan, hubungan kami semakin erat. Penulisan skrip saya bertambah. Lebih banyak idea-idea dan cerita-cerita yang dikirim oleh sahabat atau peminatnya diserahkan kepada saya untuk dijadikan adegan demi adegan. Sebagai contohnya, salah seorang sahabatnya dari Kelantan yang bernama Gol Bajuriah mengirimkan cerita berjudul *Empat Amanat*.

Antara skrip-skrip yang kami hasilkan bersama, ada yang telah selesai dan ada juga yang masih belum siap. Yang masih ada dalam simpanan saya, antaranya ialah *Dunia Terbalik* (komidi), *Antara Dua Dunia* (musical drama) dan *Syaitan Ke Shurga* (ini adalah nama asal yang diberi oleh P. Ramlee). *Syaitan Ke Shurga* mengisahkan percintaan antara anak gadis Cina dengan teruna Melayu. Semasa saya dan P. Ramlee menyusun babak-babaknya, timbul satu insiden yang P. Ramlee sendiri menceritakan kepada saya.

Pada suatu hari, sedang kami membincangkan jalan cerita, tiba-tiba beliau menyebut tajuknya secara spontan, walaupun

ceritanya belum bermula ataupun belum selesai. Saya bertanya, "Jalan cerita belum habis bang, dan tajuk ini agak sensitif". Jawab beliau, "Tajuk perlu yang mencabar dan harus mempunyai kesan (*impact*)". Akhirnya saya dapat menghabiskan hanya sebahagian cerita ini sahaja. Setelah beliau berpindah ke Kuala Lumpur, tiba-tiba suatu hari apabila beliau turun ke Singapura, beliau memberitahu saya, "Mat Nor, cerita ini Mr Ghosh (Pengarah Dires Ghosh) kata dia punya". Saya agak terkejut dan memandang ke arahnya dengan kurang pasti, beliau faham perasaan saya, lalu beliau cuba meredakan perasaan saya dengan berkata, "Tak apalah, dia dah nak buat, dengan tajuk *Dajal Suci*". Saya terkejut dan berasa agak kesal, tetapi P. Ramlee tegur. "Jangan susah, cerita banyak lagi ada, Mat Noor teruskan saja cerita lain". Walau bagaimanapun, saya gunakan nama tajuk itu apabila saya bersama-sama Kassim Masdor mengarahkan sebuah drama pentas (*teatre*) yang bertajuk *Syaitan Ke Syurga* di Panggung Negara Singapura untuk memungut dana pembinaan Masjid Muhajirin di Toa Payoh. Pementasan itu mendapat kecaman dan teguran daripada beberapa orang ulamak ternama, antaranya Allahyarham Ustaz Kiayi Zohri Mutammim. Beliau agak kurang senang dengan tajuk itu. Sepatutnya saya harus menambah di akhir perkataan *Ke Syurga* dengan tanda soal (*Syaitan Ke Syurga?*)

Pada sambutan tahun Hijriah 1400, saya diminta oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk menulis sebuah drama di televisyen. Saya kemukakan cerita ini, dengan tajuk baru *Iman*. Tuan mufti yang menyemak skripnya, dan ia diarahkan oleh Allahyarham Bani Buang. Sambutan penonton sangat baik dan mendapat pujian.

Usaha saya bersama P. Ramlee diteruskan dengan menghasilkan beberapa skrip sehingga beliau berpindah ke Kuala



Dari kanan: P. Ramlee, Yusnor Ef (Penulis), Kassim Masdor (Pencipta Lagu) dan Diresh Ghosh (Pengarah) sedang bersembang di Studio Merdeka sebelum rakaman lagu-lagu dari filem "Tunggal"

Lumpur, walau pun sudah ke Kuala Lumpur, namon saya masih berualng-alik mengirim skrip-skrip yang telah saya siapkan, antaranya ialah skrip "Haris Fazillah", "Bapak Mertuaku", "Tiga Menantu", "Empat Amanat", "Bapakku Kahwin Lagi" dan lain-lain.

10

Menjadi Guru Tuisyen Anak-Anak P. Ramlee

P. Ramlee semakin berminat dengan usaha saya. Beliau sering berbangga dengan apa yang saya hasilkan selama itu. Beliau pernah dia memberitahu kawan-kawannya sama ada di studio ataupun di luar, bahawa dia mempunyai seorang murid, tetapi diatu cikgu katanya.

Pada suatu hari, P. Ramlee memberitahu saya, "Mat Noor sementara engkau tunggu sampai abang pulang, apakata kalau engkau ajar budak-budak di rumah ni". Saya tidak berlengah lagi terus menjawab, "Boleh bang". Kemudian beliau memanggil Nasir, Normah, Betty dan Armali, mereka semua diberitahu di hadapan saya, "Mulai esok malam engkau orang semua belajar dengan uncle Mat Noor". Kemudian dia beritahu saya, "Kalau dia orang ni main-main beritahu abang"

Akhirnya saya menjadi guru tuisyen. Saya mengajar mereka dengan kerja-kerja sekolah seperti Bahasa Melayu, Matematik dan lain-lain. Boleh dikatakan prestasi mereka dalam bidang pelajaran tidaklah begitu cemerlang, tetapi mereka belajar bersungguh-sungguh. Cuma yang saya risaukan ialah tulisan mereka, terutamanya Armali. Ada satu ketika oleh kerana saya



*Dari kiri: Normah, Ramli Kecil, Yusnor Ef, Cikgu Aziz,
Nasir dan Sazali*

tidak begitu mahir dengan pelajaran matematik, saya terpaksa mempelawa kawan saya Cikgu Aziz Fakir Mohamad untuk membantu saya dalam urusan mengajar ini.

Ada satu cerita yang agak lucu mengenai Cikgu Aziz ni, Beliau belum pernah bertemu dengan P. Ramlee, jadi beliau memberitahu saya yang dia ingin ikut saya ke rumah P. Ramlee. (Ketika itu beliau belum membantu mengajar anak-anak P. Ramlee). Saya memberitahunya yang saya berbual dengan P. Ramlee kadang-kadang sampai jam dua pagi, nanti awak mengantuk, tetapi cikgu Aziz begitu ghairah dan ingin sangat hendak berjumpa P. Ramlee. Akhirnya saya membawanya ke rumah P. Ramlee dan saya perkenalkan kepada P. Ramlee pada suatu malam.

Semasa saya dan P. Ramlee berbincang fasal skrip, Cikgu Aziz begitu minat dan mendengar dengan teliti. Saya dan P. Ramlee asyik berbual mengenai skrip. Sesekali P. Ramlee menoleh ke arah Cikgu Aziz, kelihatan Cikgu Aziz menguap beberapa kali. Kemudian P. Ramlee tegur, "Cikgu ngantuk kah!" "Tidak!" jawab Cikgu Aziz lalu P. Ramlee Ngah dan menyuruh Ngah membawa segelas air dengan sebiji pil (ubat) Kemudian P. Ramlee memberi pil dan air itu kepada Cikgu Aziz sambil berkata, "Cikgu telan pilni, nanti segar dan tak ngantuk". Cikgu Aziz pun dengan cepat menelannya.

Kami terus berbual dan berbincang tentang skrip, malam itu kami berbincang skrip berjudul "Dunia Terbalik". Kira-kira setengah jam kemudian, tiba-tiba P. Ramlee menoleh ke arah Cikgu Aziz, didapatinya cikgu Aziz terlentuk di sofa dan berdengkur. Dengan spontan P. Ramlee melafazkan kata-kata ini: "Sial punya Cikgu, pil pun tidur". Inilah dialog yang sepontan yang kerap dikeluarkannya semasa shooting di dalam set. Perkataan yang dilafazkan itu bukan bermakna atau

mempunyai erti yang serius, tetapi ia merupakan dialog lawak (lucu). Esok harinya Cikgu Aziz memberitahu saya yang dia tidak boleh tidur pada malam keduanya.

11

Asal Nama Yusnor Ef

Setelah hampir setahun saya bersama P. Ramlee belajar cara penulisan lakon layar (*screenplay*) yang baik, pada suatu hari, beliau bertanya kepada saya, "Mat Nor apa nama samaran yang kau pakai selama ini"? Saya menjawab dengan bersahaja, "Nama samaran saya banyak bang". Beliau menjawab, "Itu fasal lambat popular". Saya menyambung lagi, "Sebenarnya nama yang selalu saya gunakan semasa menulis sajak dan cerpen ialah M. Nor Afandi". Dengan pantas P. Ramlee menjawab, "Engkau bukan orang Arab, nak pakai Afandi, nanti abang kasi kau nama baru". Selepas itu perkara nama ini tidak dibincang lagi hampir seminggu.

Seminggu selepas itu, lamanya, saya melawat ke rumahnya awal suatu hari minggu. Tidak lama kemudian, P. Ramlee turun dengan tidak memakai baju dan hanya dengan berkain pelekot (baru bangun pagi) sambil menghisap rokok *Lucky Strikenya* sambil berdiri di pintu memandang ke arah jalan raya. Kira-kira lima belas minit kemudian, beliau masuk dan menuju ke arah saya sambil berkata, "Bagi abang pen engkau," lalu ditulisnya di atas fail saya dengan nama "YUSNOR EF" dan beliau berpesan, "Gunakan nama ini, nanti naik". Sejak hari itulah saya mula menggunakan nama Yusnor Ef dalam apa sahaja karya yang saya hasilkan sehingga hari ini. Pada saya nama ini boleh dikatakan ada sesuatu yang luar biasa. Saya tidak pasti

sama ada "Yus-Nor" itu cantuman antara nama saya dengan bapak saya (M Noor dan M Yusofe) sementara huruf "EF" itu mungkin beliau tertarik dengan nama "Afidah" yang saya gemari itu ataupun nama "Fatimah" bekas mata air saya waktu muda-muda dahulu, entahlah. Yang nyata nama ciptaan beliau itu memang mempunyai erti yang berharga dan membawa tuah kepada saya.

12

Seniman Berilmu Batin

Ada satu lagi hal yang agak luar biasa mengenai P. Ramlee – ilmu batin. Pada mulanya, saya sendiri agak was-was kerana takut sesuatu akan mengecewakannya atau merugikan saya. Kisahnya begini:

Pada suatu malam ketika saya sampai di rumahnya, beliau memanggil anak-anak saudaranya Kak Joyah (isteri Ahmad Joko, pemain tennor-seksefon), isterinya Saloma, anak-anaknya Normah, Sazali, Betty, Armali (anak Saloma dengan A. R. Tompel), Nasir, Ramli Kecil, Ngah (pembantu rumah) dan saya. Tiba-tiba P. Ramlee bersuara, "Mari kita duduk keliling dan tengok Mat Nor," katanya. Saya tercengang dan panik, dalam hati saya bertanya, "Tengok apa pula?" Lalu beliau menyuruh Nasir yang baru berada di sekolah rendah untuk mengambil wuduk.

Beliau duduk bersila dan menyuruh Nasir duduk membelakangannya dan menghadap kami yang berada di ruang tamu itu. Nasir disuruh buka baju. Beliau diam sahaja, sambil memegang badan dan menundukkan kepala Nasir, sementara



Anak saudara P. Ramlee, Ahmad Rejab (Ahmad Joko) bersama isterinya, Zauyah (Kak Joyah)



Keluarga P. Ramlee. Dari kiri (berdiri): Ibu Saloma, Kak Joyah, Yusnor Ef, Ramlee Kecil, (duduk): Normah, Ahmad Rejab, Sazali, Dian, Rosita, Haslinda, Nasir, Zazaloma

ibu jarinya ditekankan pada tulang tongking Nasir. Beberapa minit kemudian, beliau berkata, "Nasir, tengok uncle Mat Nor. Apakah dia datang sini jujur atau tidak?"

Nasir pejam mata dan selepas beberapa ketika baru dia bercakap, "Daddy, uncle betul-betul nak belajar dengan daddy." Lepas itu P. Ramlee bertanya lagi dengan lama menekan Nasir sehingga anak itu lemah. Akhirnya, beliau menepuk badan Nasir sehingga anak itu sedar. "Pergi cuci muka," beliau menyuruh Nasir. Nasir bingkas, terpinga-pinga dan terus mencuci muka. Ketika itu saya melinangkan air mata kerana gembira. Apa yang berlaku di luar dugaan saya. Rupa-rupanya, P. Ramlee mempunyai sesuatu yang dikurniakan Tuhan. Beliau memanggil saya dan memeluk saya sambil berkata, "Belajar betul-betul, satu hari kau akan jadi penulis skrip yang baik",

katanya. Saya sangat terhutang budi kepadanya. Malah saya seperti tidak mahu berpisah dengannya kerana terlalu banyak membimbing tanpa mengharap sesen pun. Oleh itu, apabila sampai saat beliau hendak meninggalkan Singapura, hati saya sedih bukan kepalang. Saya sedar waktu itu dunia perfileman di Singapura mulai melabuhkan tirainya. P. Ramlee terpaksa mencari nafkah di Kuala Lumpur.

13

Majlis Pernikahan Seniwati Mariani

Pada suatu malam, setelah kami berbincang fasal skrip dan sebelum saya pulang, P. Ramlee berkata kepada saya, "Mat Nor, besok malam engkau datang cepat, agak-agak petang, kita tak belajar, nanti engkau tolong sini, Mariani nak nikah". Saya merasa satu penghormatan, kerana majlis di rumah P. Ramlee ini saya mendapat undangan khas, dan saya besar hati sebab dalam hati saya berkata, "Wah besok tentu ramai filem star datang, untung aku".

Pada keesokan harinya, saya sampai pada sebelah petang. Di depan rumah sudah dibentang tikar, dan kerusi meja sudah diatur. Apabila P. Ramlee ternampak saya, beliau berkata, "Ah Mat Nor, engkau tolong Wahid banco minuman di dalam". Saya pun terus menemui Wahid (Wahid adalah seorang pekerja studio sebagai wiremen) dan saya membantu beliau menghidangkan minuman. Kira-kira selepas maghrib, rombongan pihak lelaki dari Johor sampai, pengantin lelakinya bernama Encik Alias. Wah! Malam itu amat sibuk dan riuh dengan tetamu yang hadir. P. Ramlee sebagai tuan rumah juga sibuk melayan tamu. Pada lewat malamnya pula, P. Ramlee turut



P. Ramlee sedang menyanyi dengan Saloma

bermain accordian dan menyanyi dengan kombo kawan-kawannya dari studio. Bila dah agak-agak lewat malam sedikit, saya disuruh oleh P. Ramlee memukul bonggo bersama-sama. Semasa saya memukul bonggo, tiba-tiba P. Ramlee memandang ke arah saya dan berkata, "Eh! Engkau pukul bonggo tu terbalik tempohnya dah!" Itulah satu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan.

14

Cerita Biasa Jadi Luar Biasa

Oleh kerana sudah menjadi satu tugas saya untuk bersama P. Ramlee setiap hari, maka saya sering ke rumahnya untuk

meneruskan usaha menulis skrip. Kami banyak menghasilkan skrip bersama. Yang paling menyentuh hati saya ialah apabila P. Ramlee mengatakan bahawa semua skrip-skrip yang saya hasilkan sangat baik, walaupun belum ada kesempatan untuk difilemkan. Beliau selalu memberitahu saya, "Satu hari nanti bila abang jadi producer, abang akan filemkan cerita-cerita kita ini. Tunggu perusahaan di Kuala Lumpur". Tanpa mengharapkan bila saatnya akan tiba, saya tetap terus menulis.

Satu keistimewaan beliau ialah cara beliau meletakkan nama pada setiap watak. Caranya agak luar biasa. Judul sesebuah cerita juga dipilih secara tersendiri. Contohnya filem *Tiga Abdul*, biasanya kita sebut *Tiga Orang Abdul*, kemudian *Madu Tiga* bukan *Tiga Orang Madu*. *Nujum Pak Belalang* pula iaitu kisah legenda lama orang Melayu dimana Nujum bertugas untuk menilik. Cerita asal tidak seperti yang digambarkan dalam filem beliau. Begitu juga dengan filem *Ali Baba Bujang Lapok* yang berasal dari kisah *Ali Baba dan Empat Puluh Penyamun* (berdasarkan hikayat Seribu Satu Malam). Ia sudah banyak difilemkan oleh syarikat-syarikat Hollywood dan Bollywood, tetapi anehnya P. Ramlee menggunakan ilham "Ali Baba" bagi siri filem *Bujang Lapoknya*, dan dikomidikan pula.

Jadi ini jelas menunjukkan betapa kreatifnya P. Ramlee dalam menghasilkan idea luar biasa daripada kisah biasa. Saya teringat ketika saya berwawancara dengan pengarah veteran Dato' L. Krishnan. Beliau memberikan pandangannya tentang idea-idea P. Ramlee. Katanya, "*P. Ramlee adalah seorang yang very kreatif, dan P. Ramlee juga is a great copy, ciplak dan tiru, tetapi kita tidak tahu apa yang telah dia buat, that is cleverness and excellent*". P. Ramlee sering berkata kepada saya, "Sesuatu yang kita nak cari atau hasilkan bukan mesti apa sahaja yang

terlintas, terus kita tulis, kita harus cari dan berfikir sehingga dapat sesuatu yang baru dan luar biasa”.

Dari segi judul filem, beliau memberitahu, “Jangan gunakan judul yang agak kabur atau bersastera atau pun sesuatu yang serius, tapi gunakan kata-kata seharian yang mudah orang fahami. Misalnya judul *Anakku Sazali* iaitu kisah mengenai anak bernama Sazali, atau satu lagi *Ibu Mertuaku, Madu Tiga*, jelas bermakna sesuai dengan isi ceritanya dan begitu juga dengan filem *Labu dan Labi* dengan dua wataknya yang luar biasa”.

Bagi P. Ramlee, memilih judul cerita mestilah kena dengan keadaan atau cita rasa penonton filem. Begitu juga dengan nama watak atau pelakon – perlu luar biasa atau unik sehingga dikenang orang. Contohnya nama Neng Yatimah, seniwati air mata yang terkenal, gelaran nama asalnya ialah Buntat, tentulah tidak *glamour*. Jadi P. Ramlee yang mencadangkan nama Neng Yatimah. Begitu juga dengan nama anak Neng Yatimah, beliau berikan nama Roseyatimah, dan seniwati Dayang Sofia, bahkan nama saya sendiri adalah hasil ciptaannya, Alhamdulillah nama itu telah menonjolkan saya sebagai insan seni dalam perbagai bidang, ia juga “nama cari makan”. Kata orang. Dalam filem *Tiga Abdul* terdapat nama-nama Hamidah, Rashidah dan Qashidah. Beliau mengadakan satu adegan di mana Ahmad Nisfu (Sidek Shigaraga) membawa ketiga-tiga anak perempuannya ke majlis jamuan Ismet Ulam Raja, Khadam yang menyebut ketiga-tiga nama itu menambahkan perkataan “Jalandah!” di hujungnya. Ini semua dilakukan dengan spontan. Begitu juga, nama-nama dalam filem *Panca Delima* dan *Semerah Padi* agak aneh, tetapi indah bahasanya. P. Ramlee tidak hanya menumpukan pada cerita, arahan, jalan cerita, malah nama dalam sesebuah filem itu juga dianggap penting. Misalnya nama Kassim Selamat, mengapa tidak di-



Dato' L. Krishnan sedang menunjukkan piala penghargaannya kepada Yusnor Ef

gunakan Kassim Masdor? Nama Kassim Selamat kekal sehingga kini bak satu peribahasa. "Orang yang pakai cermin mata hitam atau buta sering dikaitkan dengan Kassim Selamat". Inilah yang banyak diajarnya kepada saya, sehinggakan apabila saya menulis drama pentas atau televisyen saya akan ikut cara beliau.

15

Menulis Lirik Lagu-Lagu P. Ramlee



Apabila hubungan saya sudah begitu erat, beliau sering memberitahu saya yang beliau amat tertarik dengan lagu ciptaan Kassim Masdor yang senikatanya ditulis oleh saya sendiri. Lagu itu berjudul "Gelisah" dan dinyanyikan oleh Ahmad Jais. Pada

suatu hari minggu, beliau membuat rakaman di studio EMI di Mac Donald House, Orchard Road, Singapura. Beliau memberitahu saya sebelumnya yang dia mengkehendaki saya menulis dua lirik untuk lagu yang akan dinyanyikan, satu lagu beliau sendiri dan satu lagi ciptaan Kassim Masdor. P. Ramlee adalah orang yang amat payah untuk menyanyikan lagu-lagu pencipta-pencipta lain, kecuali lagu ciptaannya sendiri, tetapi beliau ingin pula menyanyi lagu ciptaan muridnya Kassim Masdor. Saya disuruh datang ke studio sebelah pagi, kemudian saya diberikan melodi yang dicipta oleh beliau dan sambil beliau bermain piano, beliau menghendaki lagu itu siap sebelum waktu rakaman, kira-kira dua setengah petang. Saya agak gamam sedikit, kerana inilah pertama kali beliau menyuruh saya menulis senikata lagunya dan masa yang diberi agak terhad, tetapi saya berminat dan bercita-cita besar untuk berdamping dan belajar dengan beliau, jadi saya teruskan kerja saya itu, sementara beliau sibuk berlatih dengan pemuzik-pemuzik lain di studio, antaranya yang masih saya ingat Kassim Masdor, Allahyarham Yusof B, Allahyarham A. Rahim, saudara Ali dan beberapa orang lain. P. Ramlee yang berseluar panjang putih dengan kemeja T. berwarna merah begitu ceria dan seronok semasa latihan itu. Kira-kira satu jam kemudian dia datang ke tempat saya dan bertanya tentang lirik itu, saya terus menunjukkan lirik yang telah siap itu, diambilnya dan dibacanya. Saya bertambah gelisah. Dengan serta merta di memberitahu saya, "Palatlah! Cuba lagi yang lebih baik". Saya pun terus mencuba, selepas waktu makan, sebelum dia mulakan rakaman, saya tunjukkan kedua-dua lirik itu, "Ah! Inilah yang abang mahu, bagus! Mari ikut masuk studio, kita rekod." Inilah kata-katanya setelah beliau membaca lirik yang telah saya baiki itu. Itulah lagu "Senjakala" ciptaan beliau sendiri, dan lagu "Lanang Tunang Tak Jadi" ciptaan Kassim Masdor.

P. RAMLEE YANG SAYA KENAL

Lagu Oleh: Kassim Masdar
Seri Kato, Temar 91

Gelisah



Lagu "Gelisah" yang diminati oleh P. Ramlee

Saya masih ingat di hari itu juga ada beberapa lagu lain yang dirakamkan sekali, antaranya lagu "Aci-Aci Buka Pintu" dan "Dengarlah Rayuanku" kedua-duanya cipraan beliau.

16

Ingin Hidup Bebas Dan Simple

P. Ramlee tidak suka hidup dikongkong, dikawal atau diarah, tetapi beliau lebih suka hidup bebas dan simple. Kalau kita jumpanya di studio sama ada semasa shooting ataupun bersembang-sembang dengan kawan-kawan di kedai kopi Lam atau kedai kopi Siput, P. Ramlee sering bersinglet leher bulat, berselipar, tidak seperti setengah-setengah pengarah masa kini dengan bertali leher, bertopi dan kadang-kadang sentiasa duduk di kerusi pengarah, lebih-lebih lagi kalau ada jurugambar dan wartawan. Semasa P. Ramlee mengarah, beliau sendiri akan berlakon dengan gadis yang diarahkan itu, agar gadis itu dapat menjiwai lakonan yang dilakonkan itu. Pernah seniwati Saadiah berkata kepada saya yang Abang Ramlee selalu mengingatkan beliau, "Di dalam studio mata yang melihat engkau berlakon hanya beberapa kerat, tetapi filem ini akan ditonton oleh beribu mata yang akan menilai lakonan engkau, oleh itu berlakon bukanlah satu perkara yang main-main atau asal boleh."

Kerana tidak mahu dikongkong jiwanya, maka jodohnya dengan Norizan tidak berpanjangan, walaupun mungkin ada sebab-sebab tertentu. Kassim Masdor pernah menceritakan kepada saya tentang P. Ramlee dengan Norizan. Menurut Kassim Masdor, P. Ramlee mendapat layanan yang agak istimewa daripada Norizan. Setiap hari, *driver* (Hamdi namanya)



P. Ramlee bersama Saloma

akan menghantar mangkok tingkat (Tepen) yang berisi nasi, lauk kari ikan, termasuk ikan tenggiri asin dan lain-lain untuk makan tengaharinya. Di samping itu, sehelai sapu tangan, sehelai seluar dalam dan sehelai singlet juga dihantar untuk ditukarnya setelah habis shooting. Beliau juga harus pulang pada pukul 8 malam. Walaupun ini adalah satu cara yang baik, bagi P. Ramlee menganggapnya sebagai satu kawalan, entahlah! Tetapi setelah berkahwin dengan Saloma, hidup beliau agak bebas lepas, dan kadang-kadang Saloma bekerja di luar negeri sebagai penyanyi kelab malam, sementara P. Ramlee pula sibuk dengan urusan shooting, rakaman dan lain-lain. Ini juga saya kira satu cara hidup berumahtangga yang tidak digalakkan.

Satu lagi sifat beliau ialah beliau tidak suka dibantah atau dipotong cakapnya semasa beliau sedang seronok bercerita, kita harus menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap perbualan itu dan mendengar dengan teliti, sesudah itu barulah boleh ditanya atau diberi pendapat sendiri.

17

Pergaulan Mencetuskan Idea

Semasa di studio Jalan Ampas, tempat P. Ramlee berjenaka, bergurau-senda, bertukar-tukar idea dan mencari idea-idea baru adalah di kedai kopi Lam dan kedai kopi Siput (Kedua-dua kedai kopi Cina ini adalah serupa sebagaimana yang kita lihat di dalam filem *Seniman Bujang Lapok*). Allahyarham pencipta lagu Yusof B, Osman Ahmad, Kassim Masdor adalah orang-orang yang sentiasa membantu dan memberi rangsangan kepada beliau dalam urusan muzik. Begitu juga, idea-idea dialog yang sering digunakan di dalam filem-filem beliau seperti, "Eh...Apadahl!",



*Dari kiri: Kassim Masdor, Osman Ahmad, Yusof B
bersama P. Ramlee*

Berapa punya lama dahh!" adalah dialog yang sering digunakan oleh Allahyarham Yusof B.

Selepas shooting, beliau juga sering bersama-sama pekerja-pekerja bawahannya bermain sepaktakraw, bermain mahjong dan kadang-kadang berteka-teki dan bercerita kisah-kisah lucu. P. Ramlee bukan berjudi semasa bermain mahjong, tetapi hanya berseronok. Kadang-kadang dalam masa bermain mahjong itu sering beliau mengeluarkan idea-idea baru yang akhirnya terdapat di dalam filem-filem arahnya (Sebuah lagu ciptaan beliau ialah "Kisah Mahjong"). Walaupun shootingnya berakhir pada pukul lapan malam, beliau lebih suka menghabiskan masanya di studio dengan kawan-kawan dan pekerja-pekerjanya. Inilah sebabnya kadang-kadang saya terpaksa menunggu dirumahnya sehingga pukul 12 atau satu malam untuk belajar. Beliau

tidak pernah merungut dan menyatakan penat. Bagi P. Ramlee, lagi jauh malam, lagi seronok perbualannya. Inilah sifatnya.

Jadi, pergaulan P. Ramlee dengan teman dan pekerja-pekerja di studio yang sentiasa saling bantu-membantu merupakan kombinasi yang jitu. Mungkin inilah yang tidak terdapat di tempat lain.

18

Kegemaran Semasa Lapang

Satu daripada kegemarannya P. Ramlee ialah memasak. Setiap hari minggu biasanya kalau beliau berada di rumah, beliau akan masak mee goreng kicap. Ada satu ketika saya melawatnya pada hari minggu untuk berbincang dan belajar penulisan skrip. Setelah beberapa jam saya berbincang bersamanya, kira-kira pada pukul 11 pagi, beliau memberitahu saya, "Hari ini Abang nak goreng mee kicap, engkau rasa, mesti sedap".

Dia terus ke dapur, kira-kira 45 minit kemudian, dia memanggil saya, anak-anaknya serta bersama anak saudaranya, Ahmad Joko dan Kak Joyah. Kami beratur masing-masing memegang pinggan atau mangkok. Beliau memberi mee tersebut secara bergilir-gilir. Kemudian semua duduk bersamanya sambil makan. Dia akan bertanya, "Sedap tak?" Semua menjawab, "Sedap". Kemudian dia bergurau, "Mesti sedap, tak sedap pun mesti bilang sedap".

Perkara ini bukan sahaja berlaku di rumah. Pada setiap petang, Mamak mee akan datang ke Jalan Ampas, dan ramai pekerja-pekerja studio dan ahli-ahli Panca Sitara yang membelinya. Menurut cerita Kassim Masdor, apabila P. Ramlee

datang. Mamak mee sudah tahu yang P. Ramlee sendiri akan menggoreng mee yang hendak dimakannya. Begitulah keanehannya P. Ramlee.

19

Jasa Dan Keikhlasannya

P. Ramlee bukan seorang yang mementingkan diri sendiri, segala curahan dan sumbanganya adalah demi kepentingan ramai, terutama kawan-kawannya. Sebagai contoh, beliau tidak mahu mengecewakan pelakon-pelakon tambahannya yang datang untuk penggambaran, walaupun beliau terpaksa batalan penggambaran itu. Saya diberitahu cerita ini semasa kami berbincang tentang pelakon-pelakon tambahan.

Kepada pelakon-pelakon ini beliau arahkan supaya memakai pakaian dalam babak yang akan buat penggambaran, walhal beliau tahu hari itu beliau tidak ada mood untuk shooting. Kalau mengikut peraturan, jika shooting dibatalkan (*cancel*), maka pelakon-pelakon tambahan akan pulang tanpa dibayar. Tetapi P. Ramlee sedar kebanyakan pelakon-pelakon tambahan itu adalah mereka yang kurang berkemampuan. Beliau menyuruh mereka memakai pakaian shooting kerana kalau pengarah sendiri membatalkan penggambaran, maka setiap pelakon tambahan itu akan dibayar.

Satu lagi usaha beliau semasa di Boon Teck Road, ialah mendapatkan jasa baik daripada majikan (Shaw Brothers) untuk membenarkan satu daripada barik kosong di rumah bintang-bintang filem di Boon Teck Road itu untuk dijadikan surau dan tempat belajar (mengaji) untuk anak-anak bintang

filem yang tinggal di Boon Teck Road. Surau itu dikelolakan oleh Allahyarham Mustafah Yassin dan Allahyarham Wak Mustarjo.

P. Ramlee juga tidak ketinggalan menghulurkan dermanya kepada sesiapa sahaja sama ada dari masjid, surau ataupun anak-anak yatim. Saya masih ingat apa yang berlaku apabila beberapa orang jawatankuasa dari masjid Alkaf datang untuk mendapatkan sumbangannya bagi majlis sambutan Maulud. Beliau begitu senang memberinya. Sambil bergurau di pintu beliau mengusik mereka dengan berkata, "Jangan lupa hantar nasi beriyani ya... jangan marah ya!"

Rumah beliau sentiasa ada sahaja pemuda-pemuda dari Semenanjung datang untuk menumpang tidur. Mereka ini ada diantaranya menjadi pembantu rumah, tetapi ada juga yang lesap dengan kasut-kasut P. Ramlee. Beliau tidak merungut, tetapi hanya berkata, "Kasihani mereka tak ada sepatu agaknya" dengan ketawa.

20

Saya Dapat Bertemu Dengan Ibu Kandung P. Ramlee

Tidak saya sangka yang pada suatu hari saya akan berjumpa dengan ibu kandung seniman P. Ramlee. Setiap kali saya ke rumah P. Ramlee saya selalu mendengar cerita-cerita tentang ibu P. Ramlee daripada anak saudara P. Ramlee yang saya panggil Kak Joyah, isteri kepada Ahmad Rejab (Almarhum) (Ahmad Joko). Mereka selalu menceritakan tentang kebaikan budi pekerti ibu P. Ramlee dan katanya orang tua ini bernama

Che Mah sangat lemah lembut, badannya kurus lampai dan sentiasa tersenyum. Cakapnya loghat Pulau Pinang. Nasir (anak P. Ramlee) biasa duduk bersama neneknya ini semasa di Pulau Pinang hanya untuk beberapa waktu.

Pada suatu hari apabila saya sampai di rumah P. Ramlee di Cedar Avenue seperti biasa untuk belajar skrip. Tiba-tiba saya ternampak seorang perempuan tua kurus lampai sedang duduk disofa dan saya memberi salam seperti biasa. Orang tua itu mempelawa saya masuk, sangkanya mungkin saya ini seorang tamu yang baru datang. Setelah saya duduk seketika, Kak Joyah keluar dan memperkenalkan saya kepada orang tua itu. Kata-nya, "Nek, yang ni Cikgu Mat Nor yang belajar tulis skrip dengan Pak Kecil (gelaran P. Ramlee untuk mereka).

Saya hanya ketawa, kemudian Kak Joyah sambung lagi, "Cikgu Mat Nor, yang inilah emak abang Ramlee yang baru sampai dari Pinang". Terus saya menegurnya, "Apa khabar makcik?" Dia menjawab "Khabar baik nak". Saya lihat pipinya ada bekas tanda, rupa-rupanya dia sedang mengalami sakit pipi.

Dia mula bertanya kepada saya, "Hang berasal dari Pinang ke?" Jawab saya "Tidak, saya orang Singapura". Sambungnya "Ah... aku ingat hang orang Pinang, muka macam mamak Pinang". Kak Joyah ketawa dan saya turut ketawa. Tiba-tiba P. Ramlee turun dengan memakai kain tanpa berbaju lalu P. Ramlee menyambung cakap-cakap emaknya, "Dia ni guru sekolah, tapi dia suka nak kerja macam Ram".

Emak P. Ramlee hanya tersenyum dan berkata, "Apa faedahnya". Di sinilah saya dapat melihat bagaimana P. Ramlee bergurau dan mengusik-ngusik emaknya dengan loghat Pulau Pinang. Emaknya hanya memandang dan sekali-sekali menjeling sayang. Begitulah telatah P. Ramlee bersama emaknya



Ibu P. Ramlee, Che Mah bt Hussain

dengan penuh manja dan seolah-olah P. Ramlee itu bukan lagi sebagai seniman besar, cukup mesra dan usik-mengusik ibunya, sambil bergurau dan berjenaka dengan ibunya. Sekali-sekali ibunya berkata, "Apa hang ni, Cikgu ni dok tergelak dia".

21

Tidak Lokek Dengan Ilmu

Semasa di Singapura, P. Ramlee tidak sunyi dengan peminat-peminat seni terutama mereka yang berkecimpung dalam bidang drama pentas (waktu itu tidak dipanggil teatre). Berbagai-bagai badan seni budaya setempat mempersembahkan drama pentas di panggung Victoria. Saya masih ingat lagi drama pentas berjudul "Anak Yang Belum Lahir" yang di anjurkan oleh Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura atau 4PM. Disamping berlakon sebagai ketua pemogok, saya juga bertindak sebagai pengarah. Penulis ceritanya ialah Aimi Jarr. Antara pelakon-pelakonnya ialah pencipta lagu Salamah Basiron dan bekas seniwati Suraya Haron. Apa yang membanggakan saya ialah tidak saya sangka pelawaan saya dan Aimi Jarr kepada P. Ramlee dan Saloma untuk datang menonton hasil arahan saya telah diterima. Malam itu adalah malam yang paling istimewa buat saya, dan saya berkata dalam hati kecil, "Kalau panggung tak penuh pun ta'apalah, asalkan P. Ramlee datang menonton usaha saya itu cukuplah". Kebetulan pula, seorang lagi murid beliau, Kassim Masdor yang bertanggung jawab menyediakan lagu dan muzik latar dalam drama tersebut. Pada kira-kira pukul lapan malam, ramai penonton sudah kelihatan. Riu di panggung kerana persembahan belum bermula. Beberapa pelakon saya telah resah dan menggesa saya

supaya mulakan persembahan, tetapi saya berdegil, kerana saya masih menanti kedatangan P. Ramlee. Akhirnya saya menelefon P. Ramlee di rumahnya. Saloma yang menjawab. Saya bertanya, "Abang datang tak?" Saloma menjawab, "Datang, ini kita baru nak keluar". Lega hati saya. Akhirnya saya terintai-intai dan terjenguk-jenguk menerusi tirai pentas, kelihatan P. Ramlee bersama Saloma dan anak-anaknya masuk ke panggung, riuh penonton bertepuk tangan memberi penghormatan kepada beliau. Setelah itu barulah persembahan dimulakan.

Setelah selesai persembahan, saya dan pelakon-pelakon keluar kepentas memberi hormat. P. Ramlee dengan ketawa memberitahu saya, "Bagus! Cuma satu saja, kalau engkau betul-betul jadi ketua pemogok, pakai nampak ramai orang yang tak mogok". Itu guraunya kepada saya.

Satu lagi peristiwa ketika beliau telah berpindah ke Kuala Lumpur. Hubungan saya dengan beliau masih seperti murid dengan guru dan kami kerap berjumpa. Ada satu ketika semasa saya di dalam Taman Bacaan Pemuda Pemudi Melayu Singapura (pengasas Taman Bacaan sekarang) saya telah diundang oleh Persatuan Trengkas Melayu Semenanjung untuk mempersembahkan sebuah drama yang berjudul "Senja Merah" karya A. Shukor Harun. Saya sendiri bertindak sebagai pengarah, Kassim Masdor sebagai pengarah muzik dan Allahyarham Mustafah Yassin (Bekas art director di Jalan Ampas) bertindak sebagai jurusolek; antara pelakon-pelakon nya ialah S. Rossley dan Cikgu Habibah Haron (seorang yang aktif sebagai kaunselor penagih dadah di Singapura ketika ini). Saya menelefon P. Ramlee sehari sebelum kami berangkat ke Kuala Lumpur, dan saya nyatakan saya ingin mengadakan latihan terakhir di rumah beliau. Dengan tidak berfikir panjang beliau menjawab, "Datang pukul lapan malam setelah kau sampai K.L. terus ke



Kassim Masdor (sedang bermain accordeon) sebagai pembantu P. Ramlee



P. Ramlee sedang mendengar penerangan Yusnor Ef dalam satu latihan drama pentas (teater) di rumahnya di Jalan Bunga Kantan. Drama ini berjudul "Senja Merah" dari Singapura. P. Ramlee sendiri membenarkan latihan akhir di rumahnya



*P. Ramlee sedang menjamu makan kepada rombongan dramatis dari Singapura yang berlatih di rumah beliau.
Kelihatan di kiri Yusnor Ef dan di sebelah kanan Mustafah Yassin (Almarhum) Art Director dari studio Jalan Ampas*



P. Ramlee menerangkan sesuatu kepada Yusnor Ef

rumah abang, abang nak tengok arahan engkau". Betapa leganya hati saya dan semua kawan-kawan saya. Rombongan kami berasa amat bertuah dan beruntung kerana dapat berlatih di rumah P. Ramlee (rumah yang mula-mula beliau tinggal setelah tibanya di Kuala Lumpur). Semasa berlatih di rumah beliau, banyak juga pembetulan dari segi arahan yang ditunjukkan kepada saya. Pada malam pementasan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (ketika itu di sebelah Mahkamah Tinggi K.L.), P. Ramlee sanggup datang ketiga-tiga malam menyaksikan pementasan itu, walaupun pihak penganjur mengundangnya sebagai penyanyi untuk satu malam. Apabila ditanya mengapa beliau datang ketiga-tiga malam, beliau menjawab, "Saya nak tengok kerja murid-murid saya," maksudnya Kassim Masdor dan saya sendiri. Setelah pementasan hari yang terakhir, beliau membawa rombongan kami makan besar di Brickfield. Begitu-lah sifatnya kalau beliau sudah meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada sesiapa sahaja yang dididiknya.

22

Luar Biasa Cara Mencari Idea Dan Bersembang

Cara P. Ramlee bersembang, menulis dan mencari idea memang agak luar biasa dan tidak menentu. Pernah ketika saya beriya-ya untuk belajar menulis skrip, tiba-tiba beliau berkata, "Mat Nor, malam ini ada cerita bagus, kita tengok saja *Twilight Zone* di TV". Memang waktu itu siri *Twilight Zone* yang agak luar biasa itu mendapat sambutan baik. Cerita-ceritanya memang agak aneh.

Pada malam itu, ceritanya mengenai patung (*mannequin*) di gedung pakaian. Patung-patung itu tidak begitu dipedulikan oleh orang-orang yang lalu-lalang. Tetapi apabila gedung ditutup dan lengang, patung-patung tadi mula bergerak dan berinteraksi sesama sendiri. Dinihari, patung-patung itu kembali ke tempat asal, kecuali sebuah patung yang tertinggal di dalam lif. Heboh pekerja gedung mendapati patung itu di dalam lif. Begitulah kisahnya yang dapat saya ingat.

Malam itu kami semua menonton TV, dan saya belajar mengenai "pantang" P. Ramlee, iaitu beliau tidak suka orang mencelah dan bertanya itu dan ini semasa menonton. P. Ramlee menonton dengan penuh tumpuan untuk melihat teknik penggambarannya, seperti sudut jauh, sudut dekat pudar dan sebagainya. Sejak itu saya juga mengikut pantang seperti beliau. Cuma bezanya saya lebih banyak tengok filem Hindi. P. Ramlee juga suka menonton filem Hindi, antara yang diperhatikan beliau di dalam sesebuah filem Hindi itu ialah bilangan shot dalam setiap hidangan muzik (*playback*). Ada kalanya terdapat hampir 150 shot dalam satu nyanyian wira dan wati (*hero dan heroine*) dengan memakai pelbagai pakaian di berbagai-bagai lokasi.

P. Ramlee memberitahu, kita perlu melihat titik suntingan (*editing point*) filem Hindi, katanya, "Hollywood angkat topi kepada Bollywood kerana hebatnya *editing point* mereka. teknik *dissolve* atau resap (lawannya jelma, menurut istilah P. Ramlee) memang digunakan dalam filem-filem di tahun-tahun lima puluhan. Misalnya, setelah selesainya satu adegan, timbul perkataan "Resap" bermakna (*dissolve*) dan untuk babak (*scene*) yang berikutnya ditulis pula dengan perkataan "Jelma" (ini saya dapati daripada skrip asal P. Ramlee yang saya simpan sebahagiannya).

Beliau pernah mengajar saya bagaimana membuat *cutting dialog to dialog* seperti dalam filem *Pendekar Bujang Lapok*. Apabila orang-orang Ahmad Nisfu bergaduh dengan Wak Mustarjo, P. Ramlee menunjukkan imbas balik berdasarkan pertuturan watak setiap dialog. Contohnya:

Orang upahan Ahmad Nisfu: "Aku tangkap"

CUT

Wak Mustarjo: "Wak ketis"

CUT

Orang upahan Ahmad Nisfu: "Aku tumbuk, dia kena berpusing"

CUT

Wak Mustarjo: "Macam gasing dahlh!"

Dengan teknik begini, kebosanan dapat diatasi. Kebanyakan filem-filem P. Ramlee beliau sering menggunakan teknik begini.

Ideanya Sering Tersembul Ketika Lepaskan Hajat Di Tandas

Pada suatu hari, P. Ramlee menyuruh saya menulis skrip cerita "Dunia Terbalik" dengan babak yang bermula dengan kelas urusan rumahtangga. Saya terkebil-kebil bingung. Akhirnya saya pun mulakan skrip dengan penggambaran di kelas rumahtangga di mana pelakon-pelakonnya ialah para suami, sementara pembimbing kelas itu ialah seorang ibu. Ibu itu sedang mengajar bagaimana hendak menjaga isteri yang baru bersalin. Baru setengah babak sahaja saya bermula, kelihatan P. Ramlee berligar-ligar di seluruh rumah ke dapur, ke ruang tamu, hisap rokok, goyang kaki. Akhirnya beliau memberitahu saya, "Ah... kau dah dapat lubang kecil ini, nanti abang besarkan, lepas itu

kau sambung". Akhirnya beliau panjangkan ceritanya, semakin disambung, idea lebih banyak mencurah, beliau berpesan, "Bila kau menulis cerita, dalam otak kau bayangkan (bahasa sekarang *visualise*) siapa bakal pelakon yang boleh memegang watak yang kau adakan itu, bila sudah nampak dalam kepala, baru kau dapat habiskan cerita ini berdasarkan orang yang akan pegang peranan itu". Jadi inilah satu cara beliau menulis cerita.

Kadang-kadang, kami seronok berbincang tentang skrip dan cerita yang akan ditulis sehingga ke jauh malam. Semua yang berada di rumah sudah tidur, kecuali pembantu rumah sahaja. Keadaan sekeliling sepi. Tiba-tiba beliau berkata, "Mat Nor tunggu sekejap, abang naik atas". Saya hairan, pembantu rumah memberitahu, "Abang buang airlah tu". Lepas itu beliau turun dengan hanya memakai kain tanpa baju, beliau bersiul dan terus menuju ke piano. Beliau mula bermain piano dan membuat note lagu, diketuk-ketuk mata piano, tulis lagi, ini berlaku buat beberapa minit. Kemudian P. Ramlee menoleh ke arah saya dan berkata, "Waktu berak tadi aku dapat idea lagu," katanya. Beliau mengaku sewaktu lepaskan hajat sering idea lagunya tersembul.

23

Cara-cara Idea Disempurnakan

P. Ramlee biasanya menyambung idea yang telah ditulisnya selang beberapa hari. Jadi penciptaan lagu atau penulisan beliau skrip tidak berlaku dalam satu masa, tetapi bersambung-sambung. Proses penulisan lagunya agak luar biasa, "Tetapi di studio, lain pula caranya," kata Kassim Masdor. P. Ramlee pantang orang membantah ideanya tanpa mendengarnya ter-


lebih dahulu. Beliau lebih suka orang mendengar ideanya sampai puas, selepas itu baru beri pandangan.

Beliau senang menerima idea orang lain, misalnya dialog dalam beberapa filemnya berlaku bukan diskripkannya dahulu, tetapi secara spontan. Pelawak S. Shamsudin memberikannya dialog semasa membuka pintu gua dalam filem *Ali Baba Bujang Lapok*. Saya masih ingat dua peristiwa dalam filem *Nasib Labu Labi* di mana beliau menyuruh saya ke studio untuk menyaksikan penggambaran. Lazimnya, apabila saya pergi ke studio saya tidak terus berjumpa beliau, sebaliknya saya berjumpa dengan kakitangan studio, seperti Aziz Yusof (penolong jurugambar), Neng (jurulampu) dan lain-lain termasuk Kassim Masdor. Pada suatu hari, apabila saya tiba bagi penggambaran filem *Nasib Labu Labi*, P Ramlee terus memanggil saya.

Ada satu adegan – bagaimana P. Ramlee dan M. Zain menghendap Cikgu Murni berbual dengan Haji Bakhil. Penggambaran asalnya di tepi pantai, tetapi *scene* di tepi pantai dengan perahu nelayan dan jala dilakukan semula di studio. Kedua-dua Labu dan Labi mengintai dari celah perahu. Jadi ada *CUT* (potongan gambar antara tepi laut dengan lokasi di studio). Satu lagi ialah semasa Mariani menyanyikan sebuah lagu sedih selepas kematian ibunya. Shot dibuat dalam studio. P. Ramlee menggunakan trick shot bulan – bulan itu digerakkan dengan camera shot menunjukkan jarak bulan dari dekat ke jauh (*zoom-out*) mengikut rentak lagu. Beliau memanggil saya melihat shot bulan di *viewfinder*. Inilah caranya saya belajar secara praktikal atau amali agar saya tahu mengenai teori dan cara mewujudkannya. Waktu itu saya berasa “penting” kerana diberi peluang keemasan oleh P. Ramlee. Saya



*Yusnor Ef bersama S.
Shamsudin di Studio
Jalan Ampas*



P. Ramlee dan M. Zain di dalam filem "Nasib Labu Labi"


diberikan peluang itu kakitangan studio sedang memberulkan kedudukan lampu.

Ketika filem *Tiga Abdul* siap, beliau mengadakan pra-tonton dengan pegawai Shaw di Robinson Road (Pejabat Rume Shaw). Beliau menyuruh saya datang selepas waktu maghrib. Selepas makan, kami naik kereta Triumph. Beliau memandu dan Saloma duduk di hadapan, saya duduk di belakang bersama pelakon tambahan Darus, yang jadi koboi dalam filem *Labu Labi*. Dari Cedar Avenue, beliau masuk ke Aljunied Road, kemudian beliau masuk ke pump kiosk (Caltex) di situ, setelah mengisikan minyak, beliau keluar semula. Tiba-tiba, seekor kucing melintas lalu dilanggarnya tidak disengajakan. "Hey daddy, you langgar kucing," kata Saloma. Jawab P. Ramlee, "Sudah ajalnya, I perlu isi minyak, jadi suratan Tuhan, kucing itu kena langgar, apa boleh buat sudah takdir". Itulah jawapannya.

24

P. Ramlee Menghargai Jasa Guru Dan Sahabatnya

Semasa P. Ramlee mula bertapak di Singapura pada tahun 1948 hanya sebagai penyanyi latar untuk filem-filem yang dibintangi oleh S. Romai Noor. Ketika itulah beliau mendapat bimbingan muzik secara kolektif daripada pengarah-pengarah dan pencipta-pencipta lagu seperti Zubir Said (Allahyarham), Ahmad Jaffar dan Osman Ahmad (Allahyarham). Kalau bercakap fasal muzik, beliau tidak pernah lupa memuji dan menghargai jasa mereka itu. Walaupun lagu-lagu ciptaan P. Ramlee telah dapat melebihi popularitinya daripada lagu-lagu Zubir Said, namun belum pernah saya dengar komen atau kritiknya terhadap



Pencipta lagu Zubir Said yang di hormati oleh P. Ramlee

lagu-lagu Zubir Said. Malahan apabila saya bertanya kepadanya tentang lagu-lagu Pak Zubir, beliau menjawab, "Pak Zubir pencipta yang kuat keperibadian Melayunya". Beliau sangat menghargai gurunya. Sebagai contoh, kita tahu Allahyarham Osman Ahmad adalah guru dan sahabat karibnya. Ketika saya berada di rumahnya di Jalan Bunga Kantan Setapak, di pagi itu beliau mendapat panggilan telefon dari Singapura yang mengatakan Osman Ahmad meninggal dunia. Dengan tidak berfikir panjang beliau memberitahu Saloma, "Sally, Abang Man meninggal, I mesti pergi ke Singapura". Kira-kira empat puluh lima minit kemudian, beliau bersama Saloma, saya sendiri dan Ramlee Kecil (seorang pembantu di rumahnya) terus ke lapangan terbang lama.

Di sinilah beliau menceritakan kisah Osman Ahmad bersamanya semasa beliau mula-mula menceburi dunia filem. Saya nampak air matanya yang berlinang menunjukkan kesedihannya yang amat sangat.

25

Kejayaan Dan Kecemerlangannya Di Singapura

Sejak tahun 1948 P. Ramlee hanya merupakan penyanyi latar untuk seniman S. Romai Noor, sehinggalah beliau berjaya menjadi seorang pelakon dan akhirnya sebagai pengarah, P. Ramlee berpindah ke Kuala Lumpur dalam tahun 1967, beliau telah meninggalkan khazanah seni yang diusahakannya semasa beliau di Singapura. Beratus-ratus lagu, berpuluh-puluh filem dan bertimbun-timbun idea yang dicetuskan beliau semasa hayatnya terutama di Singapura, telah terpahat sebagai hasil

karya seninya yang ulung dan bermutu. Siri *Bujang Lapok*, siri *Labu-Labi* dan filem-filem drama muzikal serta filem-filem yang berunsur sosial kritik, dan nilai-nilai moral masyarakat Melayu masih diperkatakan, dibuat kajian dan dianggap sebagai hasil yang unggul. Begitu juga dengan filem-filem *Ibu Mertuaku*, *Semerah Padi*, *Antara Dua Darjat* dan lain-lain.

Apakah Sebabnya Terjadi Demikian?

Semasa di Singapura, P. Ramlee hidup dengan begitu ceria, seronok, dan penuh gelak ketawa. Kawan-kawan di sekelilingnya tidak henti-henti menemuinya, baik di studio, di rumah mahupun di tempat-tempat awam. Dengan hanya bersinglet leher bulat baik di studio mahupun di rumah, P. Ramlee sering menganggap segala sentuhan di sekelilingnya adalah satu idea yang diilhamkan oleh Allah. Kerana itulah dia memberi saya kata-kata falsafah sewaktu saya berguru dengan beliau, katanya, "*Karya Seni Adalah Satu Daripada Kerja Tuhan, Olehitu Buatlah sungguh-sungguh Dengan Penuh Kejujuran*".

Pada saya, kata-kata ini adalah satu hikmat dan tinggi nilai ertinya. Biasanya jika P. Ramlee mencetuskan sesuatu idea, beliau sering berulang-ulang kali menceritakan ilhamnya kepada kawan-kawan dan rakan-rakan sekerjanya. Beliau ingin tahu apakah reaksi kawan-kawannya jika idea itu direalisasikan.

Pengalaman yang saya ceritakan ini bertujuan untuk mengimbas kembali detik-detik kejayaan filem hasil karyanya di Singapura, bagaimana cara beliau bekerja dan menimba ilmu semasa di Singapura.

Dalam Bidang Muzik

Selain daripada Abang Yusof, Abang Man (Panggilan mesra P. Ramlee kepada Yusof B, Osman Ahmad) dan Kassim Masdor adalah kombinasi yang paling ikrab kepada P. Ramlee dalam bidang muzik. Kadang-kadang, Ahmad Wan Yet juga menjadi teman muziknya. Tetapi Kassim Masdorlah yang ditugaskan khusus dalam urusan menulis semula (Copy) susunan gubahan muzik untuk Panca Sitara. Pernah Kassim Masdor tertidur di piano kerana terlalu penat menulis sehingga jauh malam. Bagi P. Ramlee, walaupun esok akan membuat rakaman di studio ataupun di radio, malam itu dia lebih gemar bersembang dan bercerita dengan kawan-kawan. Jadi Kassim Masdor terpaksa menunggu sehingga hampir tengah malam. Kassim juga orang yang bertanggung jawab memilih lagu-lagu untuk rakaman di radio, dan melatih penyanyi-penyanyinya. P. Ramlee hanya memberi arahan terakhir sahaja. Begitu juga apabila rakaman dilakukan di studio Jalan Ampas untuk lagu-lagu filemnya, Kassim Masdor akan bertindak sebagai pembantunya, dan akan melatih penyanyi-penyanyinya. Beliau juga akan bermain alat-alat muzik seperti accodian, piano dan gitar. Di sini jelas P. Ramlee mempunyai seorang yang benar-benar memahami apa yang dikehendakinya dalam bidang muzik. Begitu juga semasa rakaman dijalankan, Yusof B dan Osman Ahmad akan memberi beberapa idea dan cadangan kepada beliau untuk mencantikkan lagi karya muziknya. Inilah satu kombinasi yang membuat P. Ramlee segar dalam muziknya semasa di Singapura. P. Ramlee adalah manusia yang tidak menolak mentah-mentah tetapi menghormati idea dan cadangan dari teman-temannya.



*P. Ramlee termenung di atas tangga Studio EMI (Singapura)
di Mac Donald House, Orchard Road dalam satu rakaman*



Kumpulan 'The Veteran', pimpinan P. Ramlee di Singapura



P. Ramlee bersama Ahmad Wan Yet

Dalam Bidang Cerita/Arahan



A. Bakar Ali memenangi hadiah sebagai juru kamera yang terbaik

Sebelum sesuatu adegan atau segmen difilemkan, biasanya Jurugambar (A. Bakar Ali) bersama *lightingman* akan bertungkus lumus menyediakan lampu dan sound dalam satu-satu scene di studio, sedangkan P. Ramlee kadang-kadang masih asyik bermain dam di kedai kopi Lam atau kedai kopi Siput di studio Jalan Ampas. Rupa-rupanya semasa beliau bermain dam

itu telah tercetus idea-idea yang akhirnya dilaksanakan semasa shooting. Penolong pengarah, S. Sudarmadji akan memberitahunya yang studio telah ready dan P. Ramlee akan terus menuju ke studio. Di sinilah P. Ramlee akan mencantikkan lagi scene dari sudut (*angle*) penggambarannya. Ini menunjukkan bahawa beliau juga faham tentang kedudukan *lighting* dan keadaan cahaya di dalam set itu. Orangnyanya lebih tenang semasa menjalankan tugas sebagai pengarah, tidak gopoh dan tergesa-gesa untuk habis cepat, malah setiap artis yang diarahkannya diulang beberapa kali kadang-kadang sampai sepuluh kali untuk memberikan kepuasan kepadanya. Sebagai contoh, Allahyarhama Mak Dara terpaksa berkali-kali turun naik tangga dalam filem *Ibu Mertuaku* kerana P. Ramlee belum puas mendapat apa yang dikehendakinya. Begitu juga semasa S. Shamsudin, Aziz Sattar bersama beliau menyanyikan lagu "Pok-Pok Bujang Lapok", cara *step* kaki itu sahaja mereka terpaksa berlatih berkali-kali. Satu lagi keistimewaannya ialah kadang-kadang semasa latihan atau rehearsal, tiba-tiba beliau

take. Begitu juga semasa membincangkan cerita, nama-nama watak dan insiden-insiden yang akan diadakan di dalam sesebuah cerita itu. Beliau lebih berhati-hati dan kadang-kadang berfikir selama berminggu-minggu untuk mendapatkan sesuatu yang belum pernah orang lain buat. Saya sendiri pernah memberikan nama seorang gadis yang saya minati iaitu Afidah. Tidak saya sangka tiba-tiba nama itu terdapat di dalam filemnya *Sumpah Orang Minyak* untuk seniwati Sri Dewi tanpa memberitahu saya terlebih dahulu.

Kassim Masdor kerap dipilihnya untuk menjadi penjaga kesinambungan atau continuity filem yang diarahkan. Ada kalanya Kassim Masdor juga turut berlakon seperti di dalam filem-filem Seniman *Bujang Lapok*, *Ibu Mertuaku* dan *Antara Dua Darjat*. P. Ramlee pernah memberitahu saya, "Setiap penonton yang menonton bertujuan untuk mendapat keriang-an, keseronokan dan kegembiraan serta menghilangkan penat lelah setelah bekerja, jadi tugas kita untuk memberi mereka kepuasan dengan babak-babak yang lucu, nyanyian dan kegembiraan. Dari situ bolehlah kita bawa penonton ke dalam masalah yang akan dikupas di dalam sesebuah cerita itu.

Sehingga membuat penonton merasa tidak puas dan bertanya, misalnya, "Kenapa isterinya mesti mati? Mengapa emak mertuanya segarang itu?" Inilah yang dikatakan filem itu harus menjiwai penonton, dan beliau memberikan kata-kata falsafah yang saya pegang hingga ke hari ini, "*Membuat filem haruslah dari idea dan feeling*".

26

Sifat-Sifat Aneh P. Ramlee

Tidak ada manusia yang *perfect*. P. Ramlee juga mempunyai ciri-ciri peribadinya yang tersendiri. Kita sering mendengar cerita-cerita P. Ramlee yang semuanya memberi gambaran seolah-olah P. Ramlee tidak ada kelemahannya. Biarlah saya memberi sedikit komen berdasarkan pengalaman saya bersama beliau semasa saya belajar menulis skrip di rumahnya di Cedar Avenue. Dalam soal pengurusan rumah tangga, beliau hanya menyerahkan segalanya kepada pembantu rumah, dan sewaktu di Cedar Avenue, anak saudaranya Kak Joyah dan Ahmad Rejab (atau dikenali dengan panggilan Ahmad Joko) menguruskan segala urusan rumah tangga, sama ada pelajaran anak-anaknya mahupun perbelanjaan seharian. P. Ramlee hanya menyerahkan wang perbelanjaan seharian kepada pembantu rumah ataupun Kak Joyah. Kadang-kadang, beliau tidak begitu serius dengan wang yang ada dengannya. Biasanya manusia sentiasa berhati-hati dan amat mengambil berat dengan wang yang mereka ada, tetapi P. Ramlee agak aneh sedikit, malah pernah Mr Kwek Chip Jian bekas pengurus Studio Jalan Ampas menceritakan kepada saya yang P. Ramlee sering menyuruhnya simpan beribu-ribu ringgit tanpa dikiranya terblebih dahulu. Walaupun Mr Kwek agak kurang senang, tetapi beliau menyatakan, "Ini duit kita tidak bawa mati, kalau dia mahu hilang, hilanglah". Inilah sifat beliau, mungkin kerana itulah beliau sering memberi pertolongan kepada sesiapa sahaja yang datang mengadu kepadanya, selain daripada sumbangannya kepada surau dan masjid.



*Mr Kwek Chip Jian, Pengurus studio di Jalan Ampas
bersama P. Ramlee*

P. Ramlee juga lekas percaya kepada orang. Kadang-kadang temannya sendiri cuba menikamnya dari belakang. Inilah yang berlaku kepadanya di saat-saat akhir hayatnya.

P. Ramlee Tidak Gemar Membaca

Satu lagi sifat beliau ialah beliau tidak gemar membaca, terutamanya membaca novel. Beliau hanya membaca surat-khabar, itu pun secara sekali lalu, tidak serius. Kadang-kadang beliau tertinggal dengan berita-berita mutakhir. Tetapi beliau gemar menggoyang-goyangkan kedua-dua kakinya semasa duduk dengan menghisap rokoknya sebatang dan berfikir terus berfikir. Dalam keadaan inilah beliau dapat mencetuskan teori-teorinya. Semasa saya belajar menulis skrip "Tuah dan Tijah", beliau mahukan cerita itu saya jadikan jalan ceritanya (*screen-play*) yang menjurus tentang kisah cinta antara Hang Tuah dengan Tun Tijah (skripnya masih di tangan saya). Beliau memberikan teorinya, katanya, Hang Tuah itu berasal dari Aceh, Hang Jebat pula berasal dari Melaka, sementara Hang Lekir dan Hang Lekiu itu berasal dari Cina dan Hang Kasturi pula berasal dari India. Beliau telah memikirkan lebih awal mengenai masyarakat yang berbilang bangsa agar hidup bersaudara. Pernah saya kemukakan teori ini kepada bekas Pengarah Kebudayaan Melayu Melaka semasa pertemuan Dunia Melayu di Melaka. Beliau tidak menolak teori ini, tetapi beliau mengingatkan saya bahawa ini adalah satu teori yang sensitif.

Piknik Pekerja Dan Artis Studio Jalan Ampas

Seniman, seniwati dan para pekerja dari Studio Jalan Ampas menganjurkan pesta bertemasya ramah mesra bersama peminat-peminat pada setiap tahun. Piknik ini biasanya diadakan di pantai Pasir Ris (Changi Point). Ramai peminat yang turut serta dalam piknik ini. Orang yang bertanggung jawab sebagai pengurus dan pengelola temasya itu ialah saudara Ahmad Zakariah (Almarhum adalah abang ipar kepada Kassim Masdor). Beliau adalah seorang pemandu di Studio Jalan Ampas dan sahabat rapat kepada seniman P. Ramlee. Disamping mengelolakan piknik, beliau juga terlibat dengan pengurusan pasukan sepaktakraw Sangga Buana di mana P. Ramlee sendiri adalah salah seorang pemainnya. Kalau kita tonton filem *Ibu Mertuaku*, Ahmad Zakariah berlakon sebagai driver kepada Mami Combi. Ketika mereka pulang, mereka bertemu dengan P. Ramlee yang buta itu sedang terlantar di pintu besar rumah Mami Combi.

Pada suatu hari pagi hari Minggu, saya ke rumah P. Ramlee seperti biasa untuk menyambung perbincangan mengenai skrip yang saya hasilkan sebagai latihan. Setibanya saya melihat P. Ramlee sedang duduk di sofa membaca suratkhabar, saya masuk dan terus duduk di sampingnya. Beliau menegur saya, "Kau dah minum air pagi?" "Sudah", jawab saya. "Duduk dulu, abang nak baca suratkhabar di atas". Kemudian beliau memanggil pembantunya, "Ngah, kasi Mat Nor kopi". Sebentar lagi Ngah bawa keluar kopi O. Saya masih membaca skrip yang saya tulis itu kira-kira empat puluh lima minit, P. Ramlee turun dengan berkain dan mula melihat skrip saya untuk beberapa ketika. Tiba-tiba beliau berkata, "Eh! Kita ada



*P. Ramlee sedang menyanyi di perkelahan
artis-artis Jalan Ampas*



*P. Ramlee bersama peminat di perkelahan
artis-artis Jalan Ampas*

piknik hari ini Mat Nor, tak payah buat skrip hari ini, Mat Nor ikut abang pergi piknik”.

Beliau terus memanggil Saloma dan menyuruh siap. Ketika itu jam sudah pukul 10 pagi, beliau terus naik dan bertukar pakaian. Saya terus berbual dengan Ngah. Akhirnya P. Ramlee turun dengan T. Shirt (berleher bulat) dan memakai topi. Saloma pula memakai seluar dan baju pendek dengan topi. Kami menaiki kereta Triumph Herald hijau dan terus bergerak menuju ke Pasir Ris (Changi Point).

Di dalam perjalanan, beliau memberitahu, “Sekali-kali kita pergi piknik bagus, makcik dan pakcik yang tengok wayang tu, nak tengok kita, jadi apa salahnya kita jumpa dia orang?” Saloma menyampuk, “Ada peraduan nyanyi, you tentu jadi pengadil, kalau ada muzik I kena nyanyilah, apa salahnya?” sambil beliau mengusik saya, “Engkau tak bawa seluar mandike? Ah! pakai kain pun boleh”. Begitulah seronoknya sambil kami menuju ke Pasir Ris.

Setibanya kami di situ, orang ramai sudah mula berkerumun dan melambai-lambai serta gembira melihat P. Ramlee dan Saloma. Kami terus ke khemah yang disediakan. Ahmad Zakariah berbisik kepada P. Ramlee. Saya tidak dengar apa yang dikatakannya tetapi yang saya dengar jawapan P. Ramlee, “Ai! Baru aku sampai, nantilah dulu”. Rupa-rupanya beliau diminta menyanyi. Kelihatan ramai seniman dan seniwati yang hadir, antaranya yang saya ingat ialah Salleh Kamil (Almarhum), Kassim Masdor, Rahmah Rahmat (Almarhumah), Sharif Dol (Almarhum), Kamsani (Almarhum), Jaffar Abdullah (Almarhum) dan ramai lagi. P. Ramlee turut menyumbangkan beberapa buah lagu untuk peminat-peminatnya sambil bermain accordian. Berbagai-bagai permainan darat dan laut yang di-

adakan, boleh dikatakan kemeriahan piknik itu bertambah lagi dengan sumbangan P. Ramlee dan Saloma.

Akhirnya kami pulang pada kira-kira pukul empat petang, dan dalam perjalanan pulang P. Ramlee memberitahu saya, "Abang Mat tu, pandai dia, macam-macam dia boleh buat, urus sepaktakraw boleh, buat piknik boleh, bawa lori pun boleh". Saya mencelah bersahaja, "Peminat-peminat abang seronok betul, dapat menyanyi dengan abang". P. Ramlee menjawab, "Ingat pesan abang, kita tak jadi masyhur kalau mereka semua tak tengok wayang, jadi kita mesti sekali-sekali jumpa mereka".

Kesimpulan yang saya dapati daripada cakap-cakap P. Ramlee itu ialah beliau adalah manusia yang tidak berbangga dengan pencapaiannya, malah beliau masih merendah diri dan bertemu-mesra dengan peminat-peminatnya. Inilah satu sifat P. Ramlee yang bersedia di mana sahaja kalau diperlukan.

28

Lagu Jalak Lenteng

Satu lagi kisah yang agak luar biasa tentang P. Ramlee ialah ketika beliau merasa kecewa, sedih ataupun menghadapi masalah. Cerita ini diceritakan oleh Dato' Abdullah Hussain, bekas editor majalah *Gelanggang Filem* terbitan P. Ramlee. P. Ramlee menganggap beliau adalah tempat mengadu dan menyelesaikan masalah. Boleh dikatakan sebagai penasihat peribadi. Menurut Dato' Abdullah Hussain, mula-mulanya *Gelanggang Filem* berpejabat di Race Course Road, salah sebuah rumah yang betul-betul bersebelahan dengan kuil Buddha. Rumah ini masih ada lagi, dan menurut Dato' Abdullah rumah

itu adalah kepunyaan ibu mertua Rahman B dan ketika itu Rahman B adalah editor kepada *Gelanggang Filem*. Begini cerita Dato' Abdullah Hussain seterusnya:

Pada suatu hari, P. Ramlee menelefon Dato' Abdullah Hussain kerana ingin berjumpa dengannya. P. Ramlee merayu kepada Dato' Abdullah kerana beliau sedang menghadapi keadaan yang agak mencemaskan tentang perniagaannya. Dia berharap Dato' Abdullah dapat membetulkan perkara yang tidak betul. Pada mulanya, Dato' Abdullah agak keberatan, tetapi kerana desakan P. Ramlee yang mengatakan, "Cik Lah mesti tolong I, kalau tidak Gelanggang terpaksa ditutup." Dato' Abdullah dengan segera menemui P. Ramlee. Setibanya di rumah P. Ramlee, kelihatan P. Ramlee sedang duduk termenung dengan menghadapi peti gramophonnya dengan lagu "Jalak Lenteng". Dato' Abdullah menegurnya, dia menyuruh Dato' masuk, dan dia terus mendengar lagu "Jalak Lenteng" sampai habis. Mukanya kelihatan muram. Setelah selesainya lagu itu, Dato' Abdullah bertanya, "Kenapa you main lagu ni?" P. Ramlee menjawab, "Inilah lagu kegemaran saya kalau menghadapi masalah dan kecewa serta bersedih". Lagu itu adalah nyanyian asal oleh biduanita Rubiah. Begitulah cerita P. Ramlee dengan lagu kegemarannya semasa bersedih. Setelah berbincang panjang, akhirnya Dato' Abdullah bersetuju menerajui *Gelanggang Filem* sehingga ia berpindah ke Tembeling Road. Ketika itu, Aimi Jarr adalah penolong Dato' Abdullah sebagai pengarang dan pemberita. Sementara sidang pengarang yang lain antaranya ialah A. S. Amin, Masnawi, Shukor Haron dan beberapa pekerja lain. Kalau saya tak silap, bekas penyanyi Pop Yeh-Yeh M. Osman juga bekerja dengan P. Ramlee. Ketika itu, M. Osman bersama isterinya, Afidah S. tinggal di rumah dua tingkat di belakang pejabat *Gelanggang Filem* di Tembeling

Road. Saya sendiri ketika itu pernah juga menulis cerpen, sajak dan juga kritik filem dengan bantuan saudara Aimi Jarr.

Satu lagi peristiwa yang tidak dapat saya lupakan berlaku ketika saya bersama-sama beberapa orang, termasuk seorang sahabat bernama Farid (adik seniwati Zaiton). Kami sering membantu melipat *Gelanggan Filem* apabila sudah siap dicetak. Ketika itulah saya dapati beberapa orang India (penjual suratkhbar dan majalah) datang mengambil naskah tersebut terlebih dahulu pada kira-kira pukul lapan malam, walaupun tarikh keluarannya belum tiba. Disinilah mungkin ada beberapa orang yang terlibat dengan sikap tidak jujur dan mengambil kesempatan dengan keyakinan yang diberikan oleh P. Ramlee. Saya bertanya kepada salah seorang yang bersama-sama melipat, "Kenapa mamak ni dah ambil dahulu?" Jawab salah seorang yang sedang melipat majalah itu, "Saya pun tak faham, kerja kita melipat, lipat sajalah cikgu," katanya dengan ketawa. Begitulah hidup P. Ramlee yang sering dikelilingi dengan mereka yang berpura-pura dan tidak jujur.

29

P. Ramlee Tulis Kertas Kerja Seminar Kebudayaan Melayu 1962 Di Singapura

Satu seminar Kebudayaan Melayu telah diadakan pada tahun 1962 di bilik kuliah Universiti Malaya (Singapore) bertempat di Bukit Timah (Sekarang telah dikenali dengan nama NIE atau *National Institute of Education*). Di dalam seminar ini, beberapa kertas kerja mengenai bahasa, budaya dan seni termasuk seni filem telah dibincangkan. Pada malam itu, tiga kertas kerja tentang bahasa dan budaya telah dibentangkan oleh Cikgu

Mohamed Arif Ahmad, dua kertas kerja mengenai seni tari oleh Tengku Hussaini dan kertas kerja mengenai Perkembangan Filem Melayu oleh P. Ramlee yang disampaikan sendiri. Pada siang hari, saya berada di rumah P. Ramlee. Beliau memberitahu saya, "Malam ini ada seminar, abang akan cakap fasal filem Melayu, Mat Nor boleh ikut". Saya terus bersetuju tanpa fikir panjang. Akhirnya, malam itu saya bersama seorang teman Wahid (*wireman*) dari studio Jalan Ampas mengiringi P. Ramlee. Kami sampai dengan menaiki kereta dogenya. Jelas kelihatan bahawa bilik kuliah yang dikhaskan untuk P. Ramlee di universiti itu telah penuh sesak menanti kedatangan beliau, sehingga tidak terdapat tempat kosong. Pengerusi pada malam itu ialah Cikgu Hamid Abdol (Bapa kepada dramatis Kalam Hamidi). Antara tetamu yang hadir pada malam itu ialah karyawan filem dari Indonesia Usmar Ismail. Sambutan memang amat luar biasa, majlis yang sepatutnya tamat pada pukul sebelas malam terpaksa dilanjutkan sehingga hampir pukul satu. Banyak perbincangan dan soalan yang telah dikedemukakan. Telatah P. Ramlee dalam menyampaikan kertas kerjanya yang hanya sehelai kertas tetapi telah membuat pendengar seronok dan tidak kering gusi. Saya sendiri mengambil kesempatan mengemukakan satu soalan, "Adakah masyarakat harus mengikuti perkembangan filem, atau filem yang harus mengikuti perkembangan masyarakat?" Dalam masa menjawab soalan saya itu, P. Ramlee sempat beliau berseloroh, "Ah! ini soalan dari seorang cikgu, tapi dia tu murid saya". Penonton ketawa, katanya lagi, "Masyarakat harus mengikuti perkembangan filem, kerana pembuat filem adalah orang-orang yang kreatif dan dapat membentuk masyarakat, apa yang diadakan di dalam filem, akan diikuti oleh masyarakat, sebagai contoh, kalau sesuatu yang buruk kita paparkan, maka keburukan itu akan diteladani oleh penonton, sebaliknya kalau kita mendidik

masyarakat dengan sesuatu yang baik, lama-kelamaan masyarakat akan terpengaruh dengan cara yang baik itu."

Setelah seminar berakhir, hadirin berebut-rebut menemui P. Ramlee dan bersalaman dengan beliau, ada juga yang mengambil kesempatan bergambar, saya masih ingat bahawa karyawan filem Indonesia Usmar Ismail datang menemui beliau mengucapkan tahniah dengan berkata, "Kamu memang manusia hebat". Walaupun hanya sehelai nota, namun isinya padat dan para hadirin tidak kering gusi serta berpuas hati. Saya perturunkan kertas kerja P. Ramlee yang masih saya simpan tulisan asalnya (*originalnya*), dan orang yang ditugaskan untuk menaip kertas kerja beliau itu ialah saudara S. Sudarmadji, penolong pengarah beliau:

KERTAS KERJA.

Untuk: SEMINAR KEMUDAYAAN MELAYU - SERIOAPURA (1962)

T E M A

Oleh: P. RAMLEE A. M. N.

1. Film, adalah satu alat yang memegang peranan penting di-sisi masyarakat.
2. Sifat-sya, ibarat gadis yang berkecimpung di-alam maya.
 - (a) Ada yang chantek
 - (b) Ada yang buruk
 - (c) Ada yang sederhana
 - Dari masing2 mempunyai maruah yang tersendiri
 - (a) Ada yang chantik bermarwah rendah
 - (b) Ada yang chantik bermarwah tinggi
 - (c) Ada yang buruk bermarwah rendah
 - (d) Ada yang buruk bermarwah tinggi.
3. Pribadi-sya, ibarat Penchinta.
 - (a) Iaitu, menyatakan perkara2 yang ada dan mengadakan perkara2 yang tiada.
 - (b) Film Scientific - *film ilmiah - di mana...*
 - (c) Film Hantu Shaitan
 - (d) Film Fehyul
4. Hasil-sya, ibarat buah yang patih. *- dan buah yang patih...*
5. Penggunaan-sya, ibarat bahan yang memahail segala selera.
 - (a) Manis - *film ilmiah - di mana...*
 - (b) Pahit - *film ilmiah - di mana...*
 - (c) Asam - *film ilmiah - di mana...*

(2)

- (d) Guru Maksiat
(e) Guru Pendidik - *berada dalam...*
(f) Guru Seni Budaya dll. - *... dan ...*

8. Kesimpulan-nya.

Film., ibarat kain putih yang bersih
Kalau diwarnakan merah, maka merahlah dia
Kalau diwarnakan hijau, maka hijaualah dia.

Kain Putih banyak gunanya.

- (a) Pelukis mewujudkan lukisan-nya
(b) Pak Haji membuat serban - *Pak Haji*
(c) Mak Haji membuat telekung - *Mak Haji*
(d) Tukang kapal, mengupenkan mayat
(e) Soldadu yang kalah menjadikan
bendera menyerah. - *Apakah ... idea kerahulan*

Gebagaisana banyak gunanya Kain Putih untuk
keperluan masyarakat.

Demikian Pula banyak guna-nya Film untuk santapan
Rohani Masyarakat.

ooooo000oooo

4RR/DPT.

M-taip di-Dewan Pustaka Tuah,
No. 32B, Great Eastern Park,
Singapore. 14

Pasukan ...
... dan ...

Dapat ...
...

Begitulah kertas kerja asal yang diceramahkan oleh P. Ramlee di dalam seminar itu. Memang agak anih kertas kerjanya, tetapi beliau dapat memberi kepuasan dan huraian yang amat bermutu.

30

Pemergian Beliau Ke Kuala Lumpur

Berita tentang P. Ramlee akan berpindah ke Kuala Lumpur telah mula kedengaran di kalangan para seniman, seniwati dan pekerja-pekerja studio Jalan Ampas. Berita ini agak mengejutkan, malah saya sendiri yang masih berulang-alik ke rumah beliau belum dapat kepastian sama ada betul-betul P. Ramlee akan berpindah ke sana. Pada suatu pagi Ahad, seperti biasa, saya ke rumah beliau di Cedar Avenue. Sesampainya saya, P. Ramlee masih belum turun. Setelah beberapa ketika, beliau turun dan seperti biasa menegur saya dan bertanyakan tentang skrip yang di suruh saya habiskan itu. Setelah beliau berbincang seketika, tiba-tiba beliau memberitahu saya yang beliau terpaksa naik mandi, kerana sebentar lagi, katanya, Kak Onggek (seniwati Musalmah) akan datang mengajak beliau keluar. Tapi saya disuruh tunggu sehingga beliau pulang. Saya sempat bertanya, "Abang nak kemana?" Beliau menjawab, "Kak Onggek nak ajak ke Kris filem". Seterusnya beliau naik mandi.

Kira-kira satu jam, beliau turun dengan berpakaian lengkap dengan bertali leher menunggu di pintu. Sebentar lagi, sebuah kereta sampai. Beliau terus pergi sambil memesan saya, "Tunggu sampai abang pulang". Saya mengiringinya ke pintu. Sementara menanti beliau pulang, saya bersembang dengan anak-anak beliau dan Ngah, pembantu rumahnya sambil menonton tele-

vision. Pada kira-kira pukul lima petang, beliau pulang dan terus memberitahu saya, "Mat Nor ada berita baik, nanti abang cerita". Pada malam itulah saya diberitahu oleh P. Ramlee bahawa beliau mungkin akan ke Kuala Lumpur mengikat perjanjian dengan Tuan Ho Ah Loke dan beliau akan ke sana tidak lama lagi. Dengan perasaan yang amat terkejut dan agak sebak di dada, saya merenung mukanya dan bertanya, "Macam mana saya nak belajar bang?" Beliau menjawab secara spontan, "Kalau abang ajak, engkau nak ikut tak?" Dengan cepat saya menjawab, "Ikut ke Kuala Lumpur?" "Ya!" jawabnya, "Tapi Mat Nor mesti berhenti kerja guru". Tanpa memikirkan panjang lalu menjawab dengan confiden, "Boleh bang, saya boleh berhenti mengajar". Itulah kali pertama beliau mempelawa saya mengikutinya ke Kuala Lumpur.

Malam itu saya pulang dengan seribu tanda tanya. Sebenarnya saya memang bercita-cita bekerja di dalam filem production sejak kecil lagi, tetapi entah macam mana sudah termasuk bekerja dalam lapangan pendidikan (guru). Saya sempat berbincang dengan ibu saya. Beliau tidak membantah kerana beliau tahu yang saya amat minat dengan P. Ramlee dan sanggup pulang malam asalkan dapat bersama belajar dengan P. Ramlee, beliau hanya memberitahu, "Kalau rezeki engkau dah habis dekat guru, apa boleh buat, pergilah". Saya bertambah ghairah dan sudah mula memikirkan sesuatu yang indah di Kuala Lumpur.

Selang beberapa hari, saya datang seperti biasa, P. Ramlee menceritakan satu mimpi yang beliau alami dalam tidurnya, katanya, "Studio ini akan tutup, abang melihat ramai mereka yang meninggalkan studio, dilangit kelihatan bulan sudah mula dilindungi awan, dengan segera abang naik ke atas sebuah batu tinggi, lalu melaungkan azan, dengan tiba-tiba bulan yang



*Yusnor Ef bersama Yusman (duduk di sebelah kiri sekali)
bergambar bersama P. Ramlee dalam satu jamuan khas perpisahan
beliau dengan P. Ramlee*

diliputi awan itu, sedikit demi sedikit berlalu". Saya bertanya apa maknanya bang, beliau memberitahu mungkin kalau beliau meninggalkan Jalan Ampas, penutupan akan berlaku segera (Ini adalah ramalan secara gurauan sahaja).

Tidak berapa lama sesudah atau sebelum berita itu saya ketahui, ada satu tulisan di akhbar bertajuk, "Apa Untungnya P. Ramlee Membuat Filem di Hong Kong?" oleh *Bintang Kecil*. Rencana itu telah diminta oleh P. Ramlee untuk saya menjawabnya dan saya telah menyediakan sebuah article sebagai jawapan kepada *Bintang Kecil* dengan nama pena "Bintang Sederhana" (Idea ini pun diberi oleh P. Ramlee). Rencana itu saya tunjukkan kepada P. Ramlee, tetapi tidak dapat disiarkan, kerana P. Ramlee menganggap perkara itu tidak serius, "Lupakan sudah Mat Nor", katanya.

31

Pagi Hari Keberangkatan P. Ramlee
Ke Kuala Lumpur


Pada hari P. Ramlee berpindah ke Kuala Lumpur, saya pergi ke rumahnya lebih awal dari biasa. Saya bersama-sama yang lain menolong mengemas dan membersihkan bilik beliau di tingkat atas. Di sinilah saya terjumpa sehelai kertas kosong yang mempunyai satu logo berwarna hijau dan kuning, dimana terdapat tulisan: "Perusahaan Filem P. Ramlee" dan lukisan gambar seorang yang bertanjak sedang mengangkat sembah. Dibawahnya tertulis "Setia". Ini menunjukkan beliau bersedia menjadi seorang usahawan filem, tetapi sayang cita-citanya gagal tanpa sokongan yang diharapkan. Harapan yang diletakkan kepada pihak-pihak di Kuala Lumpur akhirnya terkubur dan beliau kecewa serta kesal dengan apa yang berlaku. Ini pernah di-



*Letterhead Perusahaan Filem P. Ramlee
yang tidak kesampaian*

suarakan kepada saya di saat-saat terakhir dua minggu sebelum beliau kembali ke rahmatullah ketika kunjungan terakhirnya ke rumah saya di Tao Payoh.

Permergian beliau ke Kuala Lumpur mungkin dengan harapan beliau akan mendapat sesuatu yang belum pernah dinikmatinya semasa di Singapura, keriangian dan harapannya dapat dilihat. Saya sendiri agak terperanjat dan sedih kerana manusia yang membimbing saya akan berpindah jauh, saya rasakan seolah-olah satu kehilangan pada ketika itu. Rupa-rupanya P. Ramlee tahu dan mengerti akan perasaan saya. Pada suatu hari, beliau menanya saya sama ada saya mahu mengikutnya ke Kuala Lumpur sebagai penulis skrip tetap untuknya. Alangkah terkejut dan gembiranya saya apabila ditawarkan demikian. Walaupun pada masa itu saya sedang mengajar dan terikat dengan kerajaan sebagai pegawai kerajaan, saya sedia meletakkan jawatan guru hanya untuk memenuhi cita-cita untuk bekerja di studio filem. Setelah dua minggu, P. Ramlee memberitahu saya yang dia telah memberitahu pihak studio tentang diri saya dan beliau bertanya berapakah pendapatan saya setiap bulan sebagai guru. Harapan saya semakin cerah, kerana setelah seminggu beliau ke Kuala Lumpur, saya sempat mengunjunginya. Ketika itu beliau sibuk dengan filem pertamanya, *Si Tora Harimau Jadian*. Beliau memberi saya layanan mesra, dan saya dibawanya ke Merdeka Studio dengan menaiki kereta dodgenya. Dalam perjalanan ke studio, kami melalui hadapan pegawai polis yang bertugas di situ. Sempat beliau memberitahu saya, "Engkau tengok Mat Nor, polis ini tabik kat abang, di Singapura polis tak tabik dengan abang." Beliau merasa itu merupakan satu penghormatan yang belum pernah dinikmatinya sebelum ini. Setibanya kami di studio, dengan bangga beliau memperkenalkan saya kepada manager dan pekerja-pekerja di studio. Saya masih ingat kata-katanya



*Yusnor Ef bersama seniwati Fazliyaton, seniwati filem pertama
P. Ramlee "Si Tora Harimau Jadian" di Kuala Lumpur*

kepada mereka, "*This is my student Yusnor Ef, tapi he is a teacher.*" Saya sempat melihat beliau membuat penggambaran *Si Tora Harimau Jadian*. Saya masih ingat sebelum shooting di studio, Ramlee Kecil (pembantu rumah beliau) memperkenalkan saya kepada seniwati *Si Tora Harimau Jadian*, Fazliyaton, dan kami sempat mengambil gambar bersama.

32

Skrip Damaq

Setelah pertemuan pertama di Studio Merdeka itu, saya datang lagi menemui P. Ramlee di Kuala Lumpur, ketika beliau sibuk dengan penggambaran filem *Ragam P. Ramlee*. Saya berada di rumahnya beberapa malam. Pada suatu malam, sedang beliau menaip dialog film *Damaq*, beliau berhenti seketika kerana penat dan mengantuk agaknya. Lalu beliau berbaring di atas lantai sambil menghisap rokok. Saya dengan cepat duduk di meja taipnya dan membaca dialog yang sudah ditaipnya itu. Apabila beliau ternampak saya sedang membaca dialognya itu beliau terus memberitahu saya, "Mat Nor (panggilannya kepada saya) cuba engkau habiskan dialog itu". Tanpa berfikir panjang, saya pun menjawab, "Boleh bang!" lalu saya menyambung agak-agak dalam dua tiga muka surat. Apabila saya perhatikan beliau sedang terlena, saya menganggap ini sebagai satu peluang dan keyakinan beliau kepada saya. Saya pun menulisnya dengan bersungguh-sungguh. Apabila beliau terjaga, beliau membacanya. Dengan memandang ke arah saya beliau berkata, "Kalau dah murid P. Ramlee, abang tak payah susah-susah lagi". Kepercayaan beliau kepada saya amat besar, dan saya bertambah ghairah untuk bertugas di bawah arahannya.

Apabila filem itu ditayangkan, saya kenal betul dengan dialog-dialog yang saya tulis, tetapi memang nama saya tidak tertera di *credit title*, ini kerana sumbangan saya yang terlalu sedikit secara kebetulan.

33

Menulis Senikata Lagu Filem *Si Tunggai*

Setelah P. Ramlee berpindah ke Kuala Lumpur, hubungan kami masih rapat. Pada suatu hari beliau mengkehendaki saya ke Kuala Lumpur untuk menulis senikata lagu-lagu ciptaan beliau dalam filem *Si Tunggai*, arahan S. Kadarisman. Saya agak terkejut dan gembira. Pada keesokan harinya saya terus ke Kuala Lumpur. Setiba saja dirumahnya di Jalan Bunga Kantan (rumah pertama yang beliau tinggal setibanya dari Singapura). Disambutnya saya dengan begitu ceria, boleh dikatakan kami bersembang, keluar ke studio, dan pulang malam makan di rumah sehingga pukul dua belas malam. Saya agak cemas, kerana sebanyak tiga buah lagu harus ditulis, sedangkan melodinya masih belum saya dengar. Saya bertanya, "Abang lagu yang saya nak tulis ini macam mana melodinya?" Jawabnya, "Ah! Nanti boleh, kita sembang-sembang dulu, besok cuma rekod muziknya saja, dubbing belum lagi." Saya terpaksa ikutkan sahaja kehendak beliau. Akhirnya pada kira-kira jam dua malam, beliau ke piano dan memanggil saya untuk mendengar dan menulis suku katanya. Saya dengan cepat menulis dan cuba meresapkan lagu-lagu itu ke dalam jiwa dan perasaan saya. Ini adalah perkara yang biasa saya lakukan – apabila pencipta lagu inginkan senikata saya, saya harus dapat melodinya dahulu saya jiwai lagu itu. Malam itu saya terus menulis,

Gurindam Lagu2 dari filem



"TUNGGAL"



Musik chiptaan P. Ramlee • Gurindam Yusnor Ef. • Nyanyian Norli Ismail

"JOGET ISTANA"

Sepuluh jari datang berisut
Untuk mengadap duli baginda
Raja yang mulia tetap bertakhta
Panjangkan usia selamanya 2 kali

Perik buah peria, kapu2 di atas peti
Patek akan setia pada Tuanku sampai mati

Dalam majlis temasha ria
Teruna darta turut berserta
Sampul teris pada negeri
Ingin berkhidmat jaya 2 kali

Perik buah peria, kapu2 di atas peti
Patek akan setia pada Tuanku sampai mati

Raja yang adil rakyat gembira
Memanjang duli pada baginda
Negeri merdeka semua bahagia
Pimpinan baginda maju jaya 2 kali

Perik buah peria, kapu2 di atas peti
Patek akan setia pada Tuanku sampai mati

"TARI PANGLIMA"

Sipih di-lipat, diti di-liput berbetuk riga
Untuk kiriman,
untuk kiriman-jika Linggi
Hai kami menyembah,
kami menyambah hari bahagia
Panglima di-lantik,
Panglima di-lantik berpangkat tinggi

Berharu raya,
berharu raya di-bulan Shawwal

Berharu raya,
berharu raya di-bulan Shawwal
Jalan berbanding,
jalan berbanding berpegang pula
Hai berbudi tinggi,
berbudi tinggi maruah terkawal
Hari gelaran seni,
Hari gelaran seni,
gelaran seni Mahkota Lela

Anak-lah Tong,
anak tong di-timpur batu
Jatoh terhempak,
jatoh terhempak di-tengah lamas

Hai kami semua,
kami semua sedia membantu
Hai mengawal katong,
mengawal katong dari ancaman
Mengkap ikan,
menangkap ikan di-pulau tiga
Mem bawa pekar,
membawa pikat berserta jala
Hai kami berdo'a,
kami berdo'a panjang-lah usia
Hai Datuk Panglima,
Datuk Panglima Mahkota Lela

"BERMANDI MANDA"

La la la la la la
Mari bersuka ria
Sambil bermandi manda
Di-sungai chantek indah
La la la la la la
Jangan kita berduka
Alam yang indah untuk kita semua-nya

Alang-kah chantek-nya sungai
Amboi sungguh indah permai
Terbayang-lah suasana damai
Di-ayer yang permai

Alang-kah riang hati
Burong burong menyanyi
Udara sejuk nyaman sekali
Tak dapat ku lupai

La la la la la la
Mari bersuka ria
Sambil bermandi manda
Di-sungai chantek indah
La la la la la la
Jangan kita berduka
Alam yang indah untuk kita semua-nya

Awan bergerak indah
Gunung gunung menjulang
Ayer laut membiru
Tanah sampah darab-ku
Sungguh chantek negeri ku
Negeri yang subur aman
Alam ku chinta pada mu
Hingga ke-akhir zaman

La la la la la la
Mari bersuka ria
Sambil bermandi manda
Di-sungai chantek indah
La la la la la la
Jangan kita berduka
Alam yang indah untuk kita semua-nya

Alang-kah chantek-nya sungai
Amboi sungguh indah permai
Terbayang-lah suasana damai
Di-ayer yang permai

Alang-kah riang hati
Burong burong menyanyi
Udara sejuk nyaman sekali
Tak dapat ku lupai

dan esok paginya saya terpaksa sambung lagi ke studio, akhirnya dapat saya hasilkan ketiga-tiga lagu itu, berjudul "Joget Istana", "Tari Panglima", "Bermendi-manda" dan kesemuanya nyayian Norli Ismail.

Saya masih ingat apabila filem itu ditayangkan di Singapura, saya menonton di Panggung Singapura. Saya begitu ghairah hendak melihat nama saya di layar perak, tetapi agak kecewa sedikit, kerana *credit title* yang tertera nama saya itu mempunyai *background scene* pergelutan, dan saya menganggap konsantrasi penonton tentu pada *scene* pergelutan itu. Apabila saya bertemu P. Ramlee, beliau bertanya, "Ah! Kau dan tengok nama kau dekat screen?" Saya jawab, "Sudah bang, tapi dalam *scene* pencak-silat, jadi orang tak dapat tumpukan sepenuhnya". P. Ramlee menjawab secara gurau, "Lain kali engkau suruh operator projektor tu berhenti bila nama engkau tu keluar". Begitulah lucunya jawapan beliau.

Satu lagi kisah lucunya yang masih saya ingat. Setelah habis rakaman hampir tengah malam, beliau membawa saya, Kassim Masdor, Ahmad Nawab serta dua orang yang agak sudah berumur sedikit (mereka adalah pemain gendang rebana) makan *supper* di Brickfields. Semasa kami makan, kedua-dua pemain rebana itu kelihatan mengantuk dan menguap. Apabila P. Ramlee terlihat mereka, P. Ramlee memberitahu, "Kita semua malam berjaga, buat muzik, kamu malam hendak tidur, itu fasallah kamu dok main rebana saja." Kedua-dua pemain rebana itu ketawa besar.

34

Cita-Cita Saya Ke Kuala Lumpur Tak Kesampaian

Ada satu ketika semasa beliau turun ke Singapura, saya sempat menemui beliau. Di ketika inilah beliau bertanya kepada saya sama ada saya telah berhenti daripada jawatan saya sebagai seorang guru. Apabila saya memberitahunya yang saya belum mengambil keputusan, beliau terus memberitahu saya, "Jangan berhenti dari jawatan guru dahulu kerana ada sesuatu yang abang tidak senang, engkau hantar sahaja skrip dan sering turun ke Kuala Lumpur". Pada mulanya saya agak terkejut dan merasa hampa kerana cita-cita dan hajat saya untuk bekerja di bawah arahan P. Ramlee nampaknya terbengkalai, tapi saya cekalkan hati, dan memberitahunya yang saya akan kerap turun berjumpa beliau. Satu lagi perkara yang membuat saya tidak begitu hampa pada masa itu ialah saya telah pun terpicat dengan seorang gadis Pakistan. Sekurang-kurangnya walaupun P. Ramlee tidak selalu bertemu muka, namun gadis Pakistan yang bernama Jamila sentiasa di samping saya yang akhirnya menjadi isteri saya. Jadi, nampaknya tarikan gadis itu lebih kuat daripada P. Ramlee.

Satu lagi perkara yang menyentuh perasaan saya ketika hari perkahwinan saya, boleh dikatakan ramai artis-artis dari Studio Jalan Ampas turut hadir di majlis makan malam. Antaranya ialah Jins Shamsudin (Dato'), Saadiah, Ahmad Daud (Dato'), Zaiton, Omar Rojik dan ramai lagi. Walaupun P. Ramlee tidak dapat bersama, tetapi awal pagi beliau telah menelefon saya, mengucapkan "Selamat Pengantin baru Mat Nor, abang tak dapat turun kerana ada shooting, satu saja abang pesan, naik pelamin duduk diam-diam, tangan jangan meraba, lepas

kahwin bawa bini kau jumpa abang". Itulah gurau P. Ramlee menerusi telefon di pagi hari perkahwinan saya.

Kira-kira dua minggu selepas tarikh hari perkahwinan saya, saya membawa isteri saya ke Kuala Lumpur. Setibanya saya di rumah beliau, beliau menyambut kami dengan begitu gembira. Saya memberinya gambar persandingan saya, beliau melihat dan memberitahu isteri saya, "Milah, muka engkau masam saja atas pelamin, engkau tak suka Mat Nor ke?" Beliau sambung lagi gurauannya, "Bini engkau ni macam bintang filem Hindustan, jaga Mat Nor jangan sampai dia terbang". Itulah gurau mesra P. Ramlee kepada kami suami isteri.



Persandingan Yusnor Ef dan isterinya, Jamila yang di komen oleh P. Ramlee tentang muka isterinya yang masam

35

Tamu Di Malam Hari Raya

Saya masih ingat kali pertama P. Ramlee datang ke rumah saya setelah beliau pindah ke Kuala Lumpur, iaitu pada malam Hari Raya. Lawatan itu berlaku selepas beliau menziarahi sahabatnya Kassim Masdor di Boon Teck Road. Ketika itu saya tinggal di Toa Payoh, saya sudah pun beristeri dan tinggal di flat satu bilik. P. Ramlee tidak sempat menghadiri majlis walimah kami. Selepas memberi salam, P. Ramlee masuk bersama Kassim Masdor.

"Ahah, aku dah sampai ke mahligai kau," beliau mengusik lalu terus masuk ke bilik air (tandas) dan dapur. Apabila beliau ke bilik air beliau berkata, "Eh! Engkau orang tak boleh mandi berdua, tak muat dua orang ni", usiknya lagi. Kemudian beliau masuk ke bilik tidur dan melihat tingkap, "Eloklah ni untuk dua orang, buat apa nak besar-besar?" katanya. Beliau masuk ke dapur sekali lagi dan melihat "mop" tergantung. "Ini aerial televisyenlah ni", katanya. Kami semua ketawa.

Malam itu malam Hari Raya, terasa syahdu dan menusuk. "Apa Milah nak kasi abang makan?" usiknya kepada isteri saya yang bernama Jamila. Ketika itu isteri saya sedang menyiapkan makanan untuk Hari Raya, nasi minyak, daging masak merah, ketupat dan lain-lain. Isteri saya segera menyediakan makanan dan kami berempat makan dengan seronoknya. Ketika inilah saya memberitahu P. Ramlee, "Bang, ini malam Hari Raya, esok ialah hari abang dilahirkan, semoga kehadiran abang ke rumah saya ini membawa berkat Allah kepada saya terutama dalam bidang seni." Jawabnya, "Insya-Allah, aku ni datang bawa berkat, tapi esok pagi jangan lupa kita pergi sembahyang raya". Kami bersembang dengan seronok. Di koridor rumah saya

penyuh dengan anak-anak dan remaja yang berulang-alik melihat P. Ramlee. Saya memberitahunya, "Bang saya tutup pintu, ya?" Jawabnya, "Kenapa?" Saya jawab, "Ramai yang ulang alik di pintu ni nak tengok abang". "Engkau takut dia orang bawa lari aku?" jawabnya dengan bersahaja. Akhirnya beliau keluar di koridor dan melambai-lambai dengan peminat-peminatnya, riuh saya dengar suara dari bawah block meneriak nama "P. Ramlee! P. Ramlee!".

Kira-kira hampir pukul 5 pagi, saya turun menghantarnya bersama Kassim Masdor mengambil teksi terus ke Boon Teck Road. Saya temani mereka ke bawah. Apabila saya naik ke flat sekitar jam 5.30 pagi, isteri saya memberitahu, "You lupa nak beli bunga". Aduhai, saya pun terus pergi ke Geylang untuk membeli bunga, maklumlah pagi Hari Raya"

36

Apa Kata P. Ramlee Tentang Azizah

Saya masih teringat pada suatu malam, saya bersama S. Rossley (pelakon *Anak Buluh Betong* dan *Lampung Karam* juga seorang penyanyi) berada di rumah Kassim Masdor di Boon Teck Road. Ketika itu sudah hampir pukul sepuluh malam dan kami sedang membincangkan tentang beberapa lagu untuk ditulis liriknya yang diserahkan kepada saya oleh Kassim Masdor untuk rakaman Sanisah Huri. Tiba-tiba Kassim memberitahu saya yang P. Ramlee akan sampai malam ini, "Kau jangan pulang," katanya. Saya sungguh gembira kerana agak lama juga kami tak bertemu beliau.

Kira-kira pukul sebelas malam, beliau tiba seorang diri dengan menaiki kereta Holden puth. Sesampainya beliau,



Yusnor Ef bersama S. Rossley

kami sambutnya di pintu. Kami bersalaman dan terasa amat gembira kerana kedatangannya yang tak diduga. Dengan tiba-tiba beliau bertanya kepada saya, "Milah mana?" (maksudnya isteri saya Jamila). Saya menjawab, "Milah dekat rumah, tak ikut". Beliau mengarahkan saya, "Pergi balik bawa Milah sini, abang nak belanja makan malam ni". Saya jawab, "dia dah tidur bang, dah malam ni". Lalu dia memberitahu S. Rossley, "Rossley bawa kereta abang dan ajak Mat Nor pergi ambil Milah, balik kau pergi beli makan, Nah! Ini duitnya". S. Rossley dengan pantas menjawab, "O.K. Bang, abang percaya saya drive ya". "Kau jangan langgar pokok sudah", guraunya.

Saya pulang mengambil isteri saya yang sedang tidur. Terpaksa dia bangun dan ikut saya, walaupun ibu mertua saya bertanya, "dah malam-malam ni hendak ke mana?" Isteri saya menjawab, "Nak jumpa P. Ramlee". Tanyanya lagi, "Malam-malam buta ni, P. Ramlee ada dekat mana?" Saya menjawab,

“Ada di rumah Kassim Masdor mak!” Akhirnya, kami terus pergi membeli makanan dan kemudian pulang ke rumah Kassim Masdor. Sesampainya kami di rumah Kassim, P. Ramlee terus memberitahu isteri saya secara gurau, “Apa engkau ni, siang-siang dah tidur, tunggu Mat Nor balik baru tidur sama-sama”. Kami semua gembira bergurau dan makan bersama. Isteri Kassim Masdor juga bernama Jamilah sibuk menyediakan makanan. Ketika inilah P. Ramlee membuka rahsianya tentang Azizah, dia memberitahu Kassim Masdor dengan disaksikan oleh isteri saya ketika mereka di dapur, “Kassim kalau tidak, bini engkau ni jadi adik ipar aku, mata air aku kakak dialah Azizah, anak Pak Hameed”. Itulah kata-kata beliau pada malam itu sebagai pengesahan beliau tentang Azizah.

Malam itu kami semua tidur di rumah Kassim Masdor. P. Ramlee tertidur di atas sofa, kami semua melengkar di ruang tamu sementara Kassim sendiri tidur di atas katilnya kerana kesejukan. Pada keesokan paginya, P. Ramlee memberitahu, “Macam nak patah leher aku Kassim, engkau seronok atas katil”. Itulah guraunya.

37

Saya Terharu Dengan Kepulangannya

Pada suatu hari, saya bersama-sama isteri dan sahabat baik saya, Kadir dan isterinya Zubaidah (Kedua mereka ini saya tulis sebuah lagu di hari perkahwinan mereka berjudul “Zunika”). Kedua-dua mereka adalah ayah dan ibu kepada Dr Suzainah, pensyarah di NUS. Ketika kami sampai di rumah P. Ramlee yang sudah menjadi muzium ketika ini, hanya Saloma, anak-anaknya serta pembantu rumah yang kelihatan. Kedatangan

kami disambut oleh Saloma. Saya bertanya, "Mana abang Ramlee?" Saloma menjawab sambil menyuruh pembantunya membuat minuman, "Abang Ramlee di tempat biasalah, kalau dah di sana, melekatlah tu. Mat Nor beritahu nak datang?" Saya jawab, "Tidak". Kemudian saya minta izin untuk menelefon P. Ramlee. Apabila saya telefon, seorang menjawab bertanya siapa saya. Saya jawab, "Cikgu Mat Noor". Sebentar lagi P. Ramlee terus menjawab dengan loghat Penang, "Apa hang tak beritahu nak mai, aku dok sibuk ni". Saya tahu P. Ramlee salah orang, sangkanya mungkin Cikgu Mat Noor yang dari Pulau Pinang. Saya terus jawab, "Abang, ini Cikgu Mat Nor Singapore, Yusnor Ef",

Dengan pantas dia menjawab, "Apa punya putar alam kauni, kenapa tak cakap dari tadi?" Saya juga cuba bergurau, "Kenapa abang tak tanya dari tadi?" "O.K. engkau datang dengan siapa, dengan Milake, O.K. tunggu nanti abang pulang".

Saloma memberitahu saya, "Jangan harap dia pulang Mat Nor". Seketika kemudian kelihatan kereta Holden masuk ke pintu pagar. Saloma dengan cepat berkata, "Eh! Eh! dia balik Mat Nor!" Saya terus ke pintu menyambutnya, bersalaman serta memperkenalkan sahabat saya Kadir dan Zubaidah.

Begitulah mesra dan prihatinnya kepada saya dan sahabat saya. Dengan apa yang saya tahu kalau beliau sudah berada di tempat itu memang agak payah untuk pulang. Tetapi saya merasa seolah-olah satu penghormatan yang saya diutamakan.

Di saat-saat akhir beliau di Kuala Lumpur, memang terdapat banyak cerita-cerita yang amat memilukan. P. Ramlee telah dapat merasakan bagaimana beliau dipermainkan oleh kawan-kawan pada satu ketika dahulu mengharapkan pertolongan beliau. Cita-citanya untuk menubuhkan Rumpun Melayu terhenti, beliau merasa kecewa, patah hati, kesal dan

sedih. Beliau sering menceritakan perasaannya kepada beberapa kawan rapatnya sahaja, antaranya ialah Dato L. Krishnan. Tetapi beliau masih berjenaka, masih tersenyum dan masih mengingat kawan-kawan yang berpura-pura itu. Inilah sifat beliau yang amat tinggi budi bicaranya.

38

Seniman Besar Berhati Mulia

P. Ramlee telah di tempatkan di kalangan orang-orang ternama dunia dalam filem industri. Ini terbukti dengan adanya penyelidikan dan kajian yang dibuat oleh beberapa pengkaji dan penyelidik barat tentang ketokohan P. Ramlee, seperti beberapa orang profesor dari Canada, Amerika Syarikat, British, Chekoslovakia dan Jepun. Salah seorang Associate Profesor yang berasal dari Chekoslovakia, Prof. Dr Jan Uhde, Ph.D, pensyarah Jabatan Fine Arts (Film Studies), University of Waterloo Canada, pernah menemui saya ketika beliau bertugas sebagai pensyarah undangan dalam bidang Media dan Filem di Ngee Ann Polytechnic Singapore. Beliau berkata, "Kami orang-orang kajian filem dari Barat sentiasa membuat penyelidikan tentang karyawan-karyawan filem Hong Kong, Jepun dan India, tetapi rupa-rupanya di dunia Melayu juga ada tokoh filem yang dapat kami banggakan kerana itulah saya sendiri tertarik dengan kebijaksanaan P. Ramlee dalam karyanya dari segala bidang yang dia punyai".

Ini menggambarkan betapa besarnya penghormatan dan pengiktirafan orang-orang Barat terhadap P. Ramlee walaupun beliau telah tiada. Sifat-sifat beliau yang begitu mulia dan

simple tidak dapat saya lupakan, sebagai contoh begini ceritanya:

Setelah beliau berpindah ke Kuala Lumpur, ada kala beliau berkunjung ke Boon Teck Road untuk bertemu dengan kawan-kawan lama. Ada satu kali, beliau sempat mengunjungi ke rumah saya di Toa Payoh bersama Kassim Masdor dan Saloma. Seperti biasa, saya dan isteri saya menyambut mereka dengan penuh mesra, dan dihidangkan beberapa jenis makanan yang beliau gemari, antaranya ialah ketam goreng dan ikan bilis goreng, ketika isteri saya menghidangkan ketam goreng yang digoreng dengan tepung itu, tiba-tiba beliau bertanya, "Ini ketamkah apa?" Isteri saya menjawab, "Ini ketam digoreng dengan tepung bang, makanlah". Tiba-tiba dia menggeleng-geleng kepala, sambil bergurau, "Ini ketam goreng Benggali (dia menggiat kerana isteri saya orang Pakistan). Mana ada ketam goreng dengan tepung, ketam mesti goreng begitu sahaja dengan kunyir". Kemudian dia pegang sekeping ketam itu, lalu dia beritahu kami, "Ketam goreng dengan tepung pun ketam juga, boleh jugalah".

Setelah beliau berada di rumah saya selama kira-kira sejam, tiba-tiba beliau meminta kain sarong. Saya memberinya, lalu dipakainya kain sarong saya dan seluar dalam serta seluar biasanya dilonggokkan di tepi. Kemudian dia terus masuk ke dapur dengan berkata, "Aku nak beraklah, engkau orang tunggu, makan ketam tu lagi".

Saya memandang isteri saya dan agak cemas sedikit. Lalu isteri saya memberitahunya, "Bang, flush bilik airtu rosak, jadi abang kena simbar air pakai baldi". P. Ramlee terhenti dan bertanya, "Apa yang rosak?" Saya menjawab, "Flus jamban yang rosak". Lalu beliau berkata, "Engkau orang ada *screw driver*, bawa sini". Kami pun memberinya *screw driver*, dimintanya

bangku bulat yang kecil, lalu dipanjatnya dan saya tidak tahu apa yang dibetulkannya. Tiba-tiba dia menyuruh saya menarik tali flush itu. Dengan segera saya melakukannya dan air flush itu turun seperti biasa. P. Ramlee dari atas bangku itu juga berkata kepada isteri saya, "P. Ramlee betulkan jamban engkau". Kami semua ketawa dan gembira, beliau terus menutup pintu tandas dan meneruskan hajatnya. Di hari yang sama, kebetulan isteri saya memang sedang mengidap sakit mata yang bisa. Walaupun sibuk menyiapkan makanan untuk P. Ramlee, sesekali isteri saya terpaksa menutup matanya dengan tangan dan menekan kepalanya. P. Ramlee ternampak dan bertanya, "Kenapa bini engkau tu Mat Nor?" "Mata dia selalu bisa, ini tengah bisalah ni". Dia bertanya lagi, "Engkau makan ubat apa?" Isteri saya pula menjawab, "Tak makan ubat bang, pakai minyak rimau saja". Tiba-tiba dia meminta sebotol air paip daripada isteri saya. Setelah diberi botol itu, beliau terus ke ruang dapur (*balcony*) sambil duduk di kerusi lalu membaca dan meniup di muncung botol itu kira-kira lima minit, diberinya botol itu kepada isteri saya dan berkata, "Sapu dekat mata dan minum, Insha Allah nanti hilang bisa". Kebetulan dengan izin Allah, selepas itu sakit yang dihidapi oleh isteri saya itu berkurangan sehingga hari ini. Begitulah mulianya hati beliau dan begitulah menyeluruh serta yakinnya usaha beliau tidak sekali-kali menganggap dirinya seniman besar.

Bekas Isteri Meminta Pertolongan

Satu lagi peristiwa yang tidak dapat saya lupakan yang berlaku ketika saya berada di rumahnya di Jalan Bunga Kantan iaitu rumah yang beliau mula-mula tinggal di Kuala Lumpur. Pada hari tersebut, sedang saya menaip di mejanya, tiba-tiba telefon berbunyi. P. Ramlee dengan segera menjawab. Ketika perbualan

itu saya terdengar beliau berkata, "Nantilah! I belum start shooting, bila dah ready I panggil you, ya! tunggu nanti I telefon". Setelah dia meletakkan gagang telefonnya, saya bertanya "Siapa tu bang?" jawabnya, "Kak Nor engkau, tanya bila nak shooting, dia nak berlakon, tak ada duit katanya, tunggu-lah dulu, kita belum ready lagi". Itulah sifat beliau, walaupun musuh, bekas isteri atau orang yang biasa menganiaya beliau, namun kerana hatinya yang mulia, beliau bersedia dan rela memaafkannya dan masih lagi memberi peluang kepada mereka. Ini memang banyak yang terjadi kepada beliau kerana kemuliaan sifat beliau itulah maka P. Ramlee masih diperkatakan sehingga hari ini .

39

Air Mata Di Kuala Lumpur

Air Mata Di Kuala Lumpur adalah judul filem yang diura-urakan oleh P. Ramlee, tetapi gagal. Lagunya telah disiapkan lebih awal dan telah sempat dirakamkan oleh Saloma. Inilah lagu yang terakhir dicipta oleh Allahyarham P. Ramlee sebelum beliau pulang ke pangkuan Ilahi. Saya akan membincangkan lagu ini dari sudut pandangan saya sendiri dan ulasan ini adalah berdasarkan kisah yang diberitahu oleh Allahyarham tentang beberapa insiden yang berlaku terhadap dirinya disaat-saat akhir sebelum beliau meninggal kira-kira dua minggu lagi. Keseluruhan senikata yang ditulisnya sendiri ini benar-benar mengisahkan kekecewaan, kesedihan, kegagalan dan perasaan hancurnya segala harapan di Kuala Lumpur. Sila ikuti senikata ini seterusnya:

Air Mata Di Kuala Lumpur

*Hancur musnah
Impian mulia
Istanaku bina
Menjadi pusara
Gelaplah pasti
Masa hadapan
Jiwaku merayau
Utara dan selatan*

*Hidup sudah
Tidak bererti
Zahirku hidup
Batinku mati*

*Remuk redam
Hatiku hancur
Air mata di Kuala Lumpur*

Lagu dan Senikata: P. Ramlee

Sekarang cuba kita analisa rangkap demi rangkap maksud yang tersirat di dalam lagu ini, kita perhatikan rangkap pertama:

*Hancur musnah
Impian mulia
Istanaku bina
Menjadi pusara*

Impian P. Ramlee belum selesai. Sebenarnya beliau berharap pemindahannya ke Kuala Lumpur akan terbentuk satu usaha filem Melayu yang diterajuinya. Selama ini beliau telah membina sekolah-olah istana filem Melayu, yang berdiri tegak

sebagai mahligai kejayaan dan kecemerlangan yang dibinanya di Jalan Ampas, rupa-rupanya hancur menjadi pusara (mati).

*Gelaplah pasti
Masa hadapan
Jiwaku merayau
Utara dan selatan*

P. Ramlee sudah meramalkan bahawa hidupnya akan menjadi gelap berdasarkan gelagat manusia-manusia yang berpura-pura di sekelilingnya. Harapannya semakin pudar, kerja-kerjanya dipersoalkan, kawan-kawan yang pada mulanya beria-ia untuk bersamanya, tetapi akhirnya menikam dari belakang. Di sinilah jiwa meronta dan merayau samada mestikah aku pulang ke tempat asalku di utara (P. Pinang) ataupun kembali ke tempat di mana aku berkarya dan mencipta nama di selatan (Singapura).

*Hidup sudah
Tiada bererti
Zahirku hidup
Batinku mati*

Pada beliau hidup ini sudah tidak ada erti baginya, segala cita-cita dan harapannya terabai, malah beliau telah dipoyapoyakan dengan kumpulan yang gemarkan meja mahjung. Orang-orang yang berdamping dengannya tidak ramai yang keriatif, kalau di Singapura dahulu seperti Kassim Masdor, A. Bakar Ali, Yusof B, Osman Ahmad dan lain-lain. Pada beliau, zahir (dalam erti yang mendalam) nampak hidup, ketawa, dan senyum, tetapi sebenarnya batinnya (dalam ertikata yang amat mendalam) telah mati dan tidak bertenaga, jiwanya kecewa.

*Remuk redam
Hatiku hancur
Air mata
Di Kuala Lumpur*

Hatinya hancur, remuk dan berkecai, beliau menangis dan bersendirian di Kuala Lumpur. Tangisannya berterusan di Kuala Lumpur sehingga beliau menghembuskan nafasnya di pangkuan keluarga di Kuala Lumpur.

Begitulah pandangan yang ingin saya sampaikan berdasarkan cerita-cerita beliau kepada saya kira-kira dua minggu sebelum beliau meninggal dunia, ketika menghadiri satu pesta filem di Singapura. Itulah kali terakhir dia mengunjungi ke rumah saya di Toa Payoh Singapura.

*Hati P. Ramlee Terguris Di Pesta
Filem Di Singapura (Yang Terakhir Untuknya)*

Kira-kira dua minggu sebelum beliau meninggal dunia, beliau ke Filem Negara Malaysia kerana satu urusan untuk ke Singapura mengenai pesta filem. Kebetulan beliau sempat berjumpa dengan Jamil Sulong yang ketika itu bekerja di situ. P. Ramlee menunjukkan kakinya yang telah bengkak-bengkak dan badannya yang amat gemuk, "Nak jalan pun susah", katanya. Jamil Sulong masih sempat bergurau dan memberitahunya supaya kurangkan makan dan jogginglah selalu.

Apa yang beliau sampaikan kepada saya ketika di Singapura ialah keluhan dan perasaan kecewa. Hati beliau dan amat kesal serta amat terguris dengan pihak penganjur yang telah menempatkan beliau di barisan belakang, sedangkan orang-orang baru yang masih belum matang di tempatkan di barisan hadapan. Beliau merasa seolah-olah *P. Ramlee is nobody*. Ini adalah satu

penghinaan terhadapnya, dan menyimpannya di dalam hati buat seketika.

Dato' Ahmad Daud pernah menceritakan bahawa sebelum P. Ramlee ke rumah saya, beliau telah mengunjungi ke rumah Dato' Ahmad Daud, Aziz Jaffar, S. Shamsuddin, dan Kassim Masdor di Boon Teck Road.

Beliau memberitahu Dato' Ahmad Daud, "Mat! Depaa dah tak pandang aku lagi, orang dah lupa P. Ramlee". Dato' Ahmad Daud menjawab, "Abang akan diingat dan dikenang lebih dari seratus tahun, malah nama abang tidak akan mati, karya abang akan terus berbakti". Itulah kata-kata Dato' Ahmad Daud yang terakhir kepada P. Ramlee. Kalau kita renung akan kata-kata itu, tepat sekali. Walaupun P. Ramlee telah pergi buat selama-lamanya, namun nama dan karya beliau masih harum dan masih diminati oleh generasi muda dan tua seluruhnya.

40

Kunjungan Terakhir Ke Rumahku Di Toa Payoh

Sudah menjadi kebiasaan P. Ramlee kalau datang ke Boon Teck Road, beliau akan ke rumah saya. Kali terakhir beliau ke rumah saya ialah kira-kira dua minggu sebelum beliau meninggal dunia. Kami duduk bersembang sehingga tengah malam. Isteri saya masak sup kambing dan lain-lain yang digemarinya. Ketika inilah beliau meluahkan perasaan yang amat tersentuh kepada kami suami isteri. Saya sedih dan terharu.

Katanya kepada saya, "Mat Nor, engkau dah banyak buat skrip dengan abang, tapi nampaknya tak dapat abang filemkan,

tak apalah ya, semua skrip-skrip itu kau simpan baik-baik dan bila-bila boleh kau filemkan”.

Saya faham dengan kata-katanya. Saya sempat bertanya, “Rumpun Melayu bagaimana bang?” Dia menjawab dengan berjenaka, “Rumpun Melayu dah jadi rumpun lalang, abang ni dah tak laku lagi agaknya”. Saya perhatikan linangan air matanya di ketika itu. Beliau menyambung lagi dengan cerita-cerita peribadinya tentang perceraian beliau dengan Norizan, jaminannya kepada bank untuk sahabatnya yang akhirnya dia terpaksa menghadapi bank dan mahkamah, bagaimana dia menghabiskan masanya dengan kawan-kawan yang memang ingin melihat kejatuhannya, dan bagaimana sempitnya kehidupan beliau di saat-saat akhirnya, sehingga di satu ketika Dato’ L. Krishnan mempelawanya untuk duduk di pejabatnya untuk meneruskan kerja-kerja (diceritakan sendiri oleh Dato’ L. Krishnan kepada saya).

Perbualan P. Ramlee ada kalanya dengan nada yang terharu, sedih, kecewa dan sempat juga beliau bergurau dan berjenaka. Saya bersama isteri agak terharu dan kami nyatakan kepada beliau, “Jasa abang amat besar, hati abang juga mulia, mudah-mudahan Allah akan melindungi abang”.

Tiba masa untuk beliau pulang, beliau memakai kasutnya sambil bersila di depan pintu kerana keadaan badannya yang terlalu gemuk. Setelah beliau bangun dan berdiri di hadapan pintu, beliau memanggil isteri saya, “Mila, kasi abang sup engkau sikit lagi”. Kami mempelawa beliau masuk duduk dan makan lagi, beliau menjawab, “Tak apa nanti sekali lagi aku datang kau masak sup ni lagi”.

Setelah dia makan sup kali yang terakhir itu, beliau memandang ke arah saya dan isteri, lalu beliau berkata, “Ingat Mat Nor, *Don't divorce your wife until she asked for it and take your*

wife as a lover, ingat pesan abang". Saya dan isteri hanya ketawa sahaja. Setelah itu kami pun terus menghantarnya pulang dan sambil beliau jalan sempit beliau bergurau, "Jam dah pukul tiga pagi, engkau orang pergi balik mandi". Itulah kata-kata gurau yang terakhir dan itulah kali terakhir saya dan isteri melihat beliau.

41

Hari Kematian P. Ramlee

Pada kira-kira pukul tujuh setengah pagi, tatkala saya sedang bersikat, tiba-tiba siaran berita Radio Singapura yang dibacakan oleh Asmah Laili menyatakan, "Seniman P. Ramlee meninggal dunia di Kuala Lumpur". Saya terkejut dan terus meneriak isteri saya, "Mila, abang Ramlee meninggal". Isteri saya agak panik dan berkata, "Eh betulke berita ni?" Kira-kira setengah jam kemudian, Ahmad Daud (Dato') (ketika itu masih di Boon Teck Road) menelefon dan mengatakan berita itu benar. Dengan cepat saya bertanya, "Mat, aku dengan Mila nak pergi". Beliau menjawab, "Ya! Kami juga akan pergi". Saya terus menelefon Kassim Masdor. Dengan tidak disangka-sangka, passport saya dan Kassim Masdor telah tamat tempohnya. Dengan segera saya ke pejabat imigresen dan meminta pertolongan pegawai di situ dan akhirnya kami dapat passport kami dengan segera. Kira-kira jam 2 petang saya dan isteri, Kassim Masdor, Sanisah Huri, Ahmad Daud (Dato') dan Saadiah, Norkiah Sahari (sahabat P. Ramlee) dan ramai lagi artis-artis Singapura terus ke airport. (Itulah hari pertama dalam hidup saya menaiki kapal terbang). Sesampainya kami di rumah beliau (yang dijadikan muzium ketika ini), Mariani



Yusnor Ef bersama sahabat Allahyarham P. Ramlee di hadapan jenazahnya di Masjid Kg. Baru

memberitahu yang jenazahnya telah dibawa ke Masjid Kg. Baru. Kami terus ke Masjid Kg. Baru dengan menaiki teksi. Setibanya kami di sana, saya merempuh bersama Ahmad Daud (Dato') ke dalam masjid, syukurlah kami dapat duduk berhadapan jenazah.

Setelah disembahyangkan, terus dibawa ke pusara Jalan Ampang di mana orang ramai berpusu-pusu. Saya bersama isteri sambil memimpinnya merempuh sehingga dapat berdiri di tepi kubur. Mayat baru diturunkan ke liang lahad, saya dan isteri sempat menjenguk dan kelihatan kepalanya yang sedang dimiringkan, dan nampaklah kami akan wajahnya yang terakhir. Sekembalinya kami ke rumah Saloma, orang ramai dengan bas dan berjalan kaki masih berpusu-pusu ke arah pusara Jalan Ampang. Hujan renyai-renyai dan hari sudah mula senja.

Setibanya di rumah Saloma, kami melihat telegram yang datang bertalu-talu, termasuk daripada pembesar-pembesar negara sehingga orang biasa.

Gugurnya Sebutir Bintang

Pada keesokan harinya, kami pulang. Di dalam pesawat, Ahmad Daud (Dato') sempat mencipta sebuah lagu dan saya menulis senikatanya. Hanya sebahagian daripada senikata tersebut yang dihabiskan di dalam pesawat, yang seterusnya saya habiskan di rumah bersama Ahmad Daud (Dato'). Lagu ini telah dirakamkan oleh beliau dengan pihak EMI. Lagu ini saya beri judul, "Gugurnya Sebutir Bintang" kerana inilah perasaan yang saya lahirkan untuk Allahyarham P. Ramlee sebagai kenang-kenangan dari bekas seorang murid dan sahabat. Sila ikuti senikata lagu ini:

Gugurnya Sebutir Bintang

*Ketika di pagi
Syawal menjelma
Lahirlah seorang
Insan yang biasa
Akhirnya
Jadi seniman dipuja*

*Bertahun usaha
Menempah nama
Semarak seninya
Serata negara
Bintang diberi
Tandanya berjasa*

MUSIC

*Semua peminat
Seni budaya
Hilanglah kini
Seniman bangsa*

*Ketika jasadmu
Dikebumikan
Bertitis air mata
Yang ditinggalkan
Kembali sudah
Engkau kepadaNya.*

Lagu: Ahmad Daud (Dato')

Lirik: Yusnor Ef

Begitulah apa yang dapat saya ceritakan secara ringkas. Kisah P. Ramlee memang banyak yang ditulis orang, tetapi apa yang saya tulis ini adalah berdasarkan pengalaman dan hubungan rapat saya sebagai murid dengan guru. Mudah-mudahan sedikit sebanyak dapat dimafaatkan oleh pembaca. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Amin

42

**Majlis Talil Empat Puluh Hari
Kematian P. Ramlee (Di Singapura)**

Pada hari yang ke empat puluh setelah kembali ke rahmatullah-nya seniman P. Ramlee, beberapa orang sahabat karibnya telah mengambil inisiatif mengumpulkan peminat-peminat dan kawan-kawan seperjuangan serta peniaga-peniaga kecil orang-

"KEHILANGAN SEORANG SENIMAN AGONG"

P. Ramlee, seorang seniman dan pengasas, sehingga terkenangnya filem Melnya dan telah dapat pula meletakkan filem Melaya di tingkat kejayaan dengan tercapainya beberapa kemenangan dalam Festival-Festival Filem Asia. Kini P. Ramlee telah pergi, pergi meninggalkan semua manusia seni dan yang bukan seni, pergi yang tidak akan kembali lagi, dan pergi menemui Tuhan yang menjadikannya. Tetapi segala usaha dan cita-cita Alayyarham P. Ramlee akan kita kenang dan teruskan sehingga segala rupa seni bangsa dapat kita sama-sama meletakkan ditempat yang dicita-citakan.

Kami mengambil inisiatif ini hanya sebagai satu sumbangan dari semua yang berjuang dibidang seni dan juga yang seminati Alayyarham P. Ramlee untuk mengadakan suatu "Pembacaan Yasin dan Tahlii" secara beramai-ramai pada 7hb. Julai 1973, selama magrib, bertempat di Jami'ah (Dewan King Palace) Lorong 12, Geylang Road, bersempena dengan genapnya kematian Alayyarham 40 hari.

Kami rasa inilah saja satu jalan bagi kita semua di Singapura yang sama-sama Alayyarham dalam memperjuangkan seni bangsa untuk mengenangkan jasa-jasa Alayyarham itu. Mudah-mudahan dengan doa dan pembacaan yasin serta tahlii beramai-ramai itu kami kira semoga Allah akan mencurahi rahmat di atas rohnyanya. Amin !!!!

Dengan penuh harapan kami harap dapatlah saudara/saudari menyumbangkan seberapa ikhlas untuk "tahlii 40 hari" dari Artis-artis, dan kawan-kawan seni Singapura". Segala pembayaran akan kami terima sehingga selewat-lewatnya pada 1 hb. Julai 73, dan serahkan kepada yang membawa surat ini.

"Pembacaan Yasin yang beramai-ramai itu adalah usaha kita semua sebagai satu ingatan kepada Alayyarham P. Ramlee"

Sekian, terima kasih.

Dari kami,


Dato' Anwar Daud


Dato' Kassim Hassan


Yusoff Kader

TELEPHONE 511984

orang Melayu dan Indian Muslim dalam satu majlis (kenduri arwah) tahlil ke empat puluh hari Allahyarham P. Ramlee. Mereka yang bertindak sebagai penggerak dalam usaha untuk mengadakan majlis tersebut ialah seniman Aziz Jaffar, biduan Ahmad Daud (Dato'), pencipta lagu Kassim Masdor dan saya sendiri (Yusnor Ef).

Majlis tersebut telah diumumkan menerusi akhbar dan kami menjalankan pungutan derma ikhlas daripada peminat, sahabat, kawan-kawan dan peniaga (kedai) kecil Melayu. Sambutan yang diberi amat membanggakan, mereka menderma dengan ikhlas dan senang hati. Allahyarham Mustafah Yassin (*Art Director*) dari studio Jalan Ampas telah ditugaskan memimpin majlis membaca yassin dan tahlil tersebut.

Majlis secara beramai-ramai itu telah diadakan di Dewan King Faizal rumah Jamiyah, Lorong 12, Geylang Road. Majlis berlangsung pada 7hb Julai 1973 selepas waktu maghrib. Kira-kira 200 orang yang turut hadir di majlis itu. Ibu mertua saya (Hajjah Kamisah) dengan anak buahnya telah menderma tenaga memasak untuk menyediakan jamuan nasi briyani pada hari tersebut. Jumlah pungutan derma ikhlas yang berjumlah \$718.00 itu mempunyai baki sebanyak \$180.00, dan kami telah bersetuju menyumbangkan wang bakinya ini kepada Rumah Anak-anak Yatim Darul-Ihsan sebanyak \$140.00, hadiah kitab yassin sebanyak \$25.00, dan lima helai tikar sembahyang (sejadah) \$20.00, serta derma kepada tukang beca \$20.00. Segala kira-kira kewangan di atas perbelanjaan majlis tahlil itu telah kami kirimkan kepada Saloma (Almarhumah) pada 18hb Julai 1973 di Kuala Lumpur sebagai bukti usaha murni dan ikhlas dari kami di Singapura.

43

Derma Amal P. Ramlee Disalah Gunakan

Pada bulan September tahun 1999, satu bengkel yang telah saya anjurkan mengenai "Karya P. Ramlee". Bengkel sedemikian belum pernah diadakan sejauh ini, tetapi penceramah yang diundang khususnya Dato' Abdullah Hussain dan Mohd Raman Daud telah benar-benar dapat memperkatakan buruk baiknya karya P. Ramlee dalam usaha beliau membawa masyarakat kepada realiti hidup di zamannya.

Dato' Abdullah Hussain ialah orang yang rapat dengan P. Ramlee dan penulis buku riwayat hidup beliau (*P. RAMLEE: Kisah Hidup Seniman Agung-Jasad Terkubur, Belangnya Bertabur*) dan bekas editor *Gelanggang Filem* terbitan P. Ramlee sendiri, juga penasihat P. Ramlee secara informal. Beliau telah menceritakan bagaimana murahnya hati P. Ramlee kepada kerja-kerja amal dan bantuan derma amal jika didatangi oleh pihak-pihak tertentu seperti jawatankuasa masjid.

Kisahanya begini: seorang bekas sahabat P. Ramlee dari P. Pinang sering berjumpa beliau dengan tujuan memungut derma untuk masjid. Menurut Dato' Abdullah, P. Ramlee telah banyak menderma. Pada suatu hari, semasa beliau (Dato' Abdullah Hussain) bersama P. Ramlee dalam perjalanan pulang di daerah Serangoon, mereka berdua singgah di sebuah masjid. Setibanya di masjid sebelum solat, P. Ramlee sempat memerhatikan sebuah papan yang tertera nama-nama penderma. Beliau bertanya kepada Dato' Abdullah kenapa namanya tak ada. Dato' Abdullah bertanya kepada beliau, "Berapa banyak you derma?" P. Ramlee secara serius memberitahu, "Lebih daripada nama-nama di sini". "Kepada siapa you beri?" tanya Dato' Abdullah. P. Ramlee menyebut nama seorang yang sering me-

mungut derma daripadanya untuk masjid tersebut. Dengan cepat Dato' Abdullah menjawab, "Kalau si dialah, lesaplah duit you tu". P. Ramlee dengan tersenyum memandang kepada Dato' Abdullah dan berkata, "Tak apalah, dia nak buat masjid dia sendiri agaknya".

44

Muzik P. Ramlee Di Dalam Filem

P. Ramlee pernah mengatakan kepada saya, "Muzik adalah nadi di dalam sesebuah filem, tanpa muzik filem itu akan menjadi keras dan kaku, bukan sahaja muzik yang mempunyai senikata malah muzik latar juga memainkan peranan penting di dalam sesebuah filem".

Setiap adegan, setiap scene dan setiap shot memerlukan muzik latar yang boleh membangkitkan suasana atau insiden yang membuat penonton lebih dekat kepada apa yang ditontonnya ketika itu. Sebagai contoh, kita lihat filem-filem hantu yang diterbitkan di Hollywood atau di mana sahaja, muzik latar yang diselitkan pada ketika sesuatu kecemasan akan membuat penonton lebih seram, lebih gerun dan kadang-kadang boleh membuat penonton itu menjerit. Jadi kekuatan muzik di dalam filem menentukan tawar atau masinnya filem itu.

Cuba kita perhatikan filem-filem keluaran Bollywood (filem Hindustan). Kita dapati kejayaannya agak luar biasa, tayangan-nya yang berbulan-bulan lamanya sehingga menjadi *box office* adalah kerana muzik dan nyanyiannya, lebih-lebih lagi kalau scene atau sesuatu shot itu menunjukkan kesedihan.



Dari kiri: Rosli (jurugambar), Nasir, potret P. Ramlee dan Yusnor Ef dalam majlis pelancaran album 10 tahun P. Ramlee di Pulau Pinang

P. Ramlee bermula kerjayanya sebagai seorang penyanyi latar untuk filem-filem keluaran studio Jalan Ampas. Ketika beliau mula-mula ke Singapura, beliau ditugaskan sebagai penyanyi latar kepada seniman S. Romai Noor yang waktu itu menjadi hero dan pelakon utama di dalam filem-filem keluaran studio Jalan Ampas.

Lagu "Azizah" memberi tuah kepada beliau kerana lagu yang diciptanya semasa di Pulau Pinang itu telah menonjolkan Ramlee bin Puteh atau P. Ramlee sebagai seniman besar. P. Ramlee banyak mempelajari susunan muzik dan ciptaan lagu terutama dari Allahyarham Osman Ahmad kerana ketika itu P. Ramlee hanya sebagai penyanyi lagu-lagu ciptaan beliau di dalam filem-filem lama, seperti filem *Chinta*, *Nilam*, *Nasib* dan lain-lain.

Lama-kelamaan beliau mula mencipta lagu-lagu yang sering digunakan di dalam filem-filem yang dilakonkannya,

seperti filem *Merana*, *Hujan Panas*, *Sedarah* dan lain-lain. Cuba kita ikuti lagu "Merak Kayangan" ciptaan P. Ramlee, senikata ditulis oleh Jamil Sulong dipetik dari filem *Hujan Panas*:

Merak Kayangan

*Dia umpama merak kayangan
Rupanya cantik bak kilauan
Sehelai bulu laksana beliau
Segak dan gayanya
Membikin hati tertawan*

*Beta umpama gagak dirimba
Tak sepadan tak sebaya
Ingin masuk ke syurga
Bertemu jelita
Menyampaikan hasrat
Rindu kepadanya.*

Ketika itu penulis senikata P. Ramlee ialah Jamil Sulong, H. M. Rohaizad, S. Sudarmadji. Lagu-lagu ciptaan beliau di dalam filem-filem arahan pengarah-pengarah India ketika itu telah membuktikan bahawa beliau bukan sahaja berjaya sebagai penyanyi latar, malah juga dapat memikat hati pengarah-pengarah India dengan lagu-lagu ciptaan beliau. Banyak lagu-lagunya telah dirakamkan ke piring hitam pada waktu itu.

Lagu-lagu yang diciptanya untuk filem-filem arahan pengarah-pengarah India itu dapat diterima dengan baik, dan beliau begitu kreatif dalam meletakkan lagu-lagu itu di dalam sesuatu scene atau insiden mengikut jalan ceritanya, dan lagu beliau itu menjadi *link* dengan jalan ceritanya. Dari segi melodinya, susunan muzik dan suara nyanyian penyanyi juga disesuaikan di dalam filem itu. Inilah keistimewaannya P. Ramlee.

Keunggulan Lagu Azizah

P. Ramlee bermula dengan lagu ciptaannya "Azizah". Siapakah Azizah masih menjadi misteri, namun perasaan cintanya terhadap Azizah telah diabadikannya di dalam filem arahnya yang pertama, *Penarik Beca*.

Lagu inilah yang membawa tuah kepadanya, dan cara beliau menyelitkan lagu ini di dalam filem arahnya yang pertama itu amatlah ketara sekali. Gadis yang diidamkannya itu bernama Azizah dan jalan ceritanya ialah mengenai hubungan kasih dua insan yang bercinta tetapi terhalang kerana perbezaan taraf. Masyarakat Melayu pada waktu itu masih berpegang kepada status. Jadi P. Ramlee meletakkan lagu itu dengan penuh berhati-hati dan mungkin beliau merasa puas setelah lagu ciptaannya itu diabadikan di dalam filem arahnya yang pertama. Ikutilah senikata asal lagu "Azizah":

Azizah

*Rupa kamu yang cantik
Mata kamu yang bulat
Membikinlah pemuda
Jadilah gembira*

*Senyummu yang manis
Gigi kamu yang putih
Oh nonaku Azizah
Oh nonaku Azizah*

*Hidungmu yang mancung
Rambutmu kerinting
Membikin pemuda
Sehari-hari menaruh*

*Cinta padamu
Oh Azizah*

*Cantik rupamu
Cantik rupamu
Dipandang mata
Bagai biduan
Bagai biduan
Dari syurga*

*Tidur malam terbang
Teringat kau seorang
Membikin hati pemuda
Menjadi bimbang
Oh...oh..Azizah*

Lagu Dari Filem Semerah Padi

Filem arahan P. Ramlee *Semerah Padi* mempunyai muzik yang agak unik, melodi dan susunan muziknya lebih kepada unsur-unsur tradisional dan bercorak kekampungan yang kuat dengan adat serta berteraskan Islam. Senikatanya yang ditulis oleh S. Sudarmadji bersama beliau sendiri menambahkan kekuatan filem ini. Begitu juga dengan lagu yang mengiringi perwira untuk pergi berjuang, beliau dapat mengolahnya dengan baik mengikut jalan cerita.

Melodi Lagu-Lagu P. Ramlee

Lagu-lagu ciptaan P. Ramlee tidak dapat lari daripada pengaruh-pengaruh India, Arab dan Barat, tetapi setiap tiruan dan copy yang dilakukannya tidak ketara, malah kita tidak sedar bahawa apa yang kita dengar itu adalah hasil kombinasi beberapa melodi yang disatukannya. Kadang-kadang susunan muziknya

yang membuat kita kagum dan terpikat. Ini terdapat lagu-lagunya dalam filem-filem seperti lagu "Bunyi Gitar" dari filem *Tiga Abdul*, lagu dari filem *Ali Baba Bujang Lapok*, lagu dari filem *Enam Jahanam* dan lain-lain.

Senikata Dan Susunan Muziknya

Kebanyakan senikata lagu-lagu yang dihasilkan oleh beliau ditulis oleh S. Sudarmadji, tetapi banyak juga lagu-lagu komidi yang ditulis khasnya oleh beliau sendiri, kadang-kadang ditulis bersama dengan S. Sudarmadji. Ini dapat kita lihat daripada *credit title* yang tertulis dengan nama "Majilee", nama itu adalah nama ringkas Sudarmadji dan P. Ramlee.

Idea yang beliau cetuskan agak unik dan tidak pernah terfikir oleh kita, misalnya lagu dari filem *Pendekar Bujang Lapok*. Tujuannya dalam cerita itu ialah ketiga-tiga Ramlee, Sudin, dan Aziz ingin meminta maaf kepada anak gadis Wak Mustarjo, tetapi ini P. Ramlee tidak sampaikan dengan cara biasa, malah dicipta sebuah lagu dan dilakonan sedemikian, inilah yang dikatakan idea disampaikan secara bersahaja tanpa dipaksa, seperti ini:

(FILEM: Pendekar Bujang Lapok)

Maafkan Kami

Wahai cik adik jangan merajuk
Maafkan kami si Bujang Lapok
Jikalau salah tolonglah tunjuk
Kami rela hai kena ketuk
Nandung nandung sayang senandung
Wahai saudari maafkan kami

Mesej Dan Nilai Moral Di Dalam Lagu-Lagunya

Kalau kita telitikan, P. Ramlee banyak menyalurkan nilai-nilai moral, keagamaan, keindahan bahasa, nasihat dan unsur-unsur pendidikan di dalam lagu-lagu yang diciptanya di dalam filem-filem arahnya. Cuba kita perhatikan lagu ini:

Pertama: (FILEM: Tiga Abdul)

Sedangkan Lidah Lagi Tergigit

Sedangkan lidah lagi tergigit

Inikan pula suami isteri

Buang yang keruh

Ambil yang jernih

Baru teguh peribadi

Apa guna kita bertengkar

Suami isteri harus bersabar

Suami sietri mesti berpakat

Rumah tangga membawa berkat

Nilai hidup keharmonian rumah-tangga dijelaskan di dalam lagu itu. Sebagaimana kita ketahui, pertengkaran, perselisihan faham dan kasih sayang suami isteri adalah sebagai asam garam hidup, jadi lagu itu ialah satu nasihat untuk suami isteri. Yang unikunya, lagu itu diselitkan di dalam filem komedi yang menceritakan seorang bapak mertua yang tamak dan berkuasa sehingga menantu terpaksa tidur di kandang kuda, sedangkan isteri tetap sayangkan suaminya.

Kedua: (FILEM: Tiga Abdul)

Tolong Kami

Tolong kami bantu kami

Anak-anak yatim piatu

Kalau tuan hati mulia

Bantulah kami dengan rela

Allah tidak akan lupa

Pada orang yang menderma

Lagu ini khusus untuk menyedarkan masyarakat betapa perlunya membantu anak-anak yatim, tetapi P. Ramlee tidak menonjolkan mesej ini secara mendadak, malah dengan secara komidi dan bersahaja penonton akan terasa minat dan simpatinya dengan anak-anak yatim. Ini menunjukkan P. Ramlee juga berdakwah.

Terdapat juga unsur-unsur komidi yang lucu tetapi agak negatif. Ini terdapat di dalam lagu filem *Madu Tiga* yang menceritakan bagaimana kalau seseorang suami itu ingin beristeri lagi, dia mesti pandai membohong dan temberang. Walaupun itu hanya satu insiden lucu, tetapi agak kurang membina:

Isteri tua merajuk

Balik ke rumah isteri muda

Kalau dua-dua merajuk

Ana kahwin tiga

Mesti pandai membohong

Mesti pandai temberang

Tetapi jangan sampai

Pecah tembelang

Satu lagi lagu yang terdapat dalam filem *Madu Tiga* ialah lagu "Pukul Tiga Pagi". Lagu ini merupakan satu nasihat kepada isteri yang keseorangan di rumah apabila suaminya keluar bekerja.

(FILEM: *Madu Tiga*)

Pukul Tiga Pagi

Kanda pergi kerja

Jauh di kota

Dinda jaga rumah

Jangan main mata

Nanti petang kanda pulang

Kita sembang panjang-panjang

Dinda jangan bimbang-bimbang

Bukan mata keranjang-sembahyang

Lagu-lagu P. Ramlee Sebagai Opening Credit Titles

Satu lagi keistimewaan P. Ramlee, ialah beliau tidak ingin membosankan penonton dengan permulaan (*opening*) sesebuah filemnya. Beliau lebih gemar meletakkan lagu yang bersenikata kepada untuk mengiringi credit title dalam beberapa filemnya. Sebagai contoh:

FILEM: *Nujum Pak Belalang*

FILEM: *Tiga Abdul*

FILEM: *Do Re Mi*

FILEM: *Bujang Lapok*

Lagu-lagunya menceritakan kisah yang akan ditonton oleh penonton seterusnya, P. Ramlee menceritakan isi cerita secara

ringkas dengan melodi yang begitu segar serta senikata yang bernas.

Kesimpulan

Lagu-lagu ciptaan P. Ramlee di dalam filem-filem Melayu sejak tahun-tahun 50an di bawah pengarah-pengarah India sehinggalah lagu-lagu di dalam filem-filem arahnya sendiri adalah satu daya kreatif dan mempunyai unsur-unsur pendidikan, agama, dan nilai-nilai murni yang telah menjadi malar-segar atau *evergreen*.

Cara beliau meletakkan lagu-lagu itu di dalam sesebuah babak amat bersahaja dan mengikut jalan cerita yang telah diolahnya. P. Ramlee pernah mengatakan kepada saya, penonton yang datang menyaksikan filem datang setelah penat bekerja di siang hari, dan bertujuan untuk berhibur serta melepaskan *stress*. Oleh itu kita harus mulakan sesebuah filem itu dengan muzik (lagu), *humour* dan dialog yang lucu, jangan diberi sesuatu yang kasar, keras dan masalah (*problem*). Setelah itu, barulah bawa penonton dengan secara tidak disedarinya. Mereka akan terperangkap di dalam *problem* yang dipaparkan di dalam cerita itu, sehingga terbawa pulang beberapa insiden yang tidak berakhir, mungkin penonton akan tertanya-tanya mengapa si hero terpaksa berpisah, mengapa ibu mertuanya begitu degil dan sebagainya.

P. Ramlee adalah tokoh yang telah banyak mencurahkan baktinya kepada masyarakat Melayu, khususnya dalam bidang seni. Walaupun beliau telah pergi lebih awal, namun hasil karyanya masih segar dan banyak yang boleh kita pelajari daripadanya. P. Ramlee juga sebagai pendakwah dengan menerusi lagu dan filemnya. Beliau juga ahli bahasa melalui dialog yang ditulisnya, beliau juga guru dengan pengajaran yang terselit di



dalam lagu dan filemnya, manusia biasa yang luar biasa ini adalah satu-satunya anugerah Allah kepada seorang insan kerdil yang telah dipilih dan diilhamkan kepadanya.

Pesan P. Ramlee kepada saya: "*Karya seni adalah satu daripada kerja Tuhan, oleh itu, buatlah bersungguh-sungguh dengan penuh kejujuran.*" Dan "*Membuat filem haruslah dari idea dan feeling*".

45

P. Ramlee Sebagai Penerbit *Gelanggang Filem*

Dari sudut pengurusan (*management*) perusahaan P. Ramlee gagal. Ini adalah kerana perusahaannya iaitu Penerbitan *Gelang-*

gang Filem yang dipimpin oleh Abdullah Hussain (Dato'), kemudian dijaga oleh anak saudara beliau Ahmad Rejab (Ahmad Joko) dan Aimi Jarr sebagai editornya tidak berpanjangan, terpaksa ditutup setelah P. Ramlee menanggung hutang dengan pihak Printer. Apa yang saya tahu beliau hanya menandatangani cek sahaja, segala urusan pentadbiran dan kerja-kerja sidang pengarang beliau tidak turut campur. Walaupun kadang-kadang terdapat satu ruangan khas seolah-olah P. Ramlee yang menjawab segala surat-surat dari pembaca, tetapi sebenarnya itu di-kelolakan oleh sidang pengarang dan kadang-kadang dirujuk kepada beliau (Ini mungkin taktik untuk menarik minat pembaca).

46

P. Ramlee Juga Pengasas Industri Filem Di Singapura

Walaupun industri filem bermula di Singapura kira-kira pada tahun 1933, namun setelah kedatangan P. Ramlee pada tahun 1948, syarikat Shaw Brothers yang empunya Studio Jalan Ampas telah meningkat dengan begitu pesat sehingga menjadi gergasi penerbitan filem-filem Melayu di seluruh Malaya. Kejayaan Shaw Brothers ini tidak dapat disangkal lagi kerana nama P. Ramlee itu sendiri telah menempatkan filem-filem Melayu ke seluruh Asia. Ini terbukti dengan kejayaan cemerlang P. Ramlee dan filem-filem keluaran Shaw Brothers di dalam beberapa pesta filem di Asia. Mr Kwek Chip Jian, bekas pengurus Studio Jalan Ampas pernah menerangkan, *"My boss told me, whatever P. Ramlee wants just give to him, don't ask anything"*. Begitu istimewanya Allahyarham P. Ramlee.

Pada tahun 1999, pihak Suruhanjaya Filem Singapura (*Singapore Film Commission*) bersama-sama pihak Pertubuhan Shaw telah mengadakan satu sambutan khas untuk mengenang kembali usaha dan kejayaan P. Ramlee di dalam industri filem di Singapura. Satu pameran mengenai hasil peninggalan P. Ramlee serta persembahan filem-filem beliau yang terpilih telah diadakan sempena tahun ke dua belas Pesta Filem Antarabangsa Singapura (12th *Singapore International Film Festival*) di Fort Canning Gallery.

Saya sendiri telah terlibat sebagai salah seorang yang bertanggung jawab dalam pameran tersebut. Banyak bahan-bahan peninggalan P. Ramlee seperti file skrip filemnya, tulisan tangan beliau yang asli, gambar-gambar dan lain-lain termasuk skrip yang saya hasilkan bersama beliau berjudul "Asmara Di Hong Kong". Rekod-rekod lama nyanyian P. Ramlee dan Saloma juga telah saya pinjamkan di dalam pameran itu.

Bekas Menteri Kesenian dan Penerangan Singapura, B. G. Yeoh telah merasmikan pameran P. Ramlee itu. Di dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan, "Keunggulan dan ketokohan P. Ramlee dalam dunia filem tidak dapat disangkal lagi, beliau adalah pengasas (pioneer) pembuat filem Singapura (*Singapore's Pioneer Film-Maker*)".

Satu peristiwa dalam majlis perasmian itu yang tidak dapat saya lupakan ialah Menteri B. G. Yeoh sendiri tertarik dengan kata-kata falsafah yang diberi oleh P. Ramlee kepada saya sebelum ini. Kata-kata itu ialah, "Karya seni adalah satu daripada kerja Tuhan, oleh itu buatlah bersungguh-sungguh dengan penuh kejujuran," dan satu lagi "Membuat filem harus dari idea dan feeling". Kedua-dua kata-kata itu telah saya serahkan kepada Menteri tersebut sebagaimana yang dihajatkannya.



Yusnor Efsedang menunjukkan tulisan tangan P. Ramlee kepada bekas Menteri Kesenian dan Penerangan Singapura, Encik B.G. Yeoh dan di sebelahnya ialah Dato' Jins Shamsudin

Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat (Compass) (Life Achievement Award)

Persatuan Pencipta dan Penulis Singapura (*Composer and Author Society of Singapore*) COMPASS telah mengadakan suatu majlis penyampaian anugerah kepada para karyawan muzik yang terbaik. Satu daripada anugerah itu ialah "Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat" yang dikhaskan kepada mereka yang telah menceburkan diri secara aktif dalam bidang muzik sepanjang hidupnya.

Saya sendiri sebagai salah seorang Lembaga Pengarah Compass telah mengemukakan cadangan untuk memberi penganugerahan ini kepada Allahyarham Seniman P. Ramlee untuk tahun 1999, memandangkan kejayaan P. Ramlee sejak awal sehingga beliau menjadi seniman besar dengan hasil



*Kassim Masdor dan Yusnor Ef (mewakili Nasir P. Ramlee)
menerima trofi dan cek bernilai S\$10,000 daripada
Tommy Koh bagi pihak Compass*

karyanya yang dimulakan di Singapura. Di sinilah bermulanya P. Ramlee. Dengan persetujuan semua sebulat suara pihak Compass telah bersetuju untuk menganugerahkan "Life Achievement Award" kepada P. Ramlee. Oleh kerana Nasir P. Ramlee tidak dapat hadir untuk menerima anugerah itu kerana satu majlis pelancaran setem P. Ramlee yang diadakan di Kuala Lumpur pada malam yang sama, maka Nasir P. Ramlee meminta saya bersama Kassim Masdor sebagai bekas murid ayahnya untuk mewakili beliau menerima anugerah itu.

Anugerah yang bernilai wang tunai S\$10,000 dan sebuah piala khas telah disampaikan oleh tetamu kehormat Profesor Tomy Koh. Tiga hari kemudiannya, anugerah tersebut disampaikan kepada Nasir P. Ramlee dalam satu majlis kecil di Hotel Tropical di Johor Baharu. Di dalam majlis itu, saya ber-

sama Kassim Masdor dan Pengurus Kewangan Compass, Raymond Tan, Nasir P. Ramlee dan isterinya serta beberapa orang pemberita dan jurugambar turut hadir. Pada saya, anugerah itu merupakan satu-satunya anugerah yang tertinggi yang pertama kali diberi kepada Allahyarham P. Ramlee dari Singapura.

47


Suatu Harapan

Walaupun P. Ramlee telah tiada, namun segala usaha karya beliau yang kreatif itu masih segar, masih diminati dan masih dijadikan panduan serta menjadi bualan kepada masyarakat Melayu khususnya, bukan sahaja di Malaysia dan Singapura, namun di dunia. Ini terbukti kerana ramai pengkaji-pengkaji dari Jepun, Canada, Amerika Syarikat dan juga Timur Tengah yang sedang membuat kajian tentang ketokohan beliau dalam bidang perfileman dan muzik.

Tepatlah apa yang dikatakan oleh biduan Ahmad Daud (Dato') kepada Allahyarham semasa kunjungan terakhir beliau ke Boon Teck Road, "Abang akan hidup seribu tahun lagi". Ini menunjukkan bukan jasad beliau yang terus hidup, tetapi nilai karya dan daya pemikiran kreatif beliau yang terus hidup di kalangan generasi hari ini dan hari muka.

Hanya satu yang saya sendiri harapkan – sudah sampai masanya kita bersama-sama memikirkan sesuatu yang boleh dilakukan untuk memperingati beliau, sama ada dengan kiriman fatchah dan doa ataupun menjalankan sesuatu kegiatan dari segi amal demi menambahkan lagi rahmat ke atas rohnya. Eloklah

kalau sebahagian daripada pendapatan daripada usaha tersebut didermakan kepada anak-anak yatim dan madrasah-madrasah yang memerlukan bantuan, ataupun dirikanlah sebuah rumah anak-anak yatim yang bernama "Rumah Anak-anak Yatim P. Ramlee". Satu lagi cara yang boleh difikirkan bersama oleh pihak masyarakat dan kerajaan ialah dengan menubuhkan sebuah yayasan P. Ramlee yang akan memberi segala rupa bantuan kepada pelajar-pelajar dan tunas baru yang kreatif dan berpotensi untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam bidang muzik dan perfileman. Dana yayasan ini boleh diusahakan oleh satu lembaga pengamanah yang dianungi oleh pihak kerajaan melalui kementerian yang berkaitan. Semoga segala usaha amal atas nama beliau mudah-mudahan akan diberkati Allah dan semoga rohnya akan dirahmati Allah. Disamping kita bergelak ketawa dengan jenakanya, berseronok dan berhibur dengan lagu-lagunya, kita tidak harus lupa untuk menyumbangkan sesuatu kepada beliau di alam barzah ketika ini. Mudah-mudahan rohnya akan ditempatkan bersama dengan ahli syurga. Amin



MASIH BELUM BERGANTI

(kenang-kenangan Allayarham P. Ramlee)

Dua tahun berlalu

tiga kisah

terus membisu

Kisah Penyanyi

Kisah Pelakun

Kisah Pengarah

yang agung — SATU!

Engkau bersemadi — terus

di dalam

keredhaan Tuhan

Peminat dan Pendukung Senimu

masih kehausan

masih menanti-nanti

masih mencari-cari

siapakah pengganti?

Hari ini

tahun ini

AKU dan seribu lagi

manusia seni

menitis kembali

airmata

mengenang semula

engkau P. RAMLEE

Kami teruskan — mengikuti

peninggalan tapak-tapakmu

di medan seni

Subuh begini

engkau pergi

subuh begini

kutaburkan

bunga-bunga kasih

di pusara — bersih

Hanya Dia

cucurilah rohnya

Amin!!!

YUSNOR EF

Toa payoh.

INDEKS

- A. Bakar Ali 15, 78, 114
- A. Galak 15
- A.R. Tompel 5, 18, 42
- A. Rahim 50
- A. Shukor Haron 13, 62
- A.S. Amin 87
- A.V. Bapat 15, 35
- Abdullah Hussain, Dato' 86,
124, 136
- Acı-Acı Buka Pintu 52
- Afidah S. 87
- Ahmad Daud, Dato' 102, 116,
118, 120, 123, 140
- Ahmad Jaffar 71
- Ahmad Jais 13, 49
- Ahmad Joko (Rejab) 26, 42,
56, 58, 80, 136
- Ahmad Mahmood 35
- Ahmad Nawab 13, 101
- Ahmad Nisfu 48
- Ahmad Suraidi 15
- Ahmad Wan Yet 75
- Ahmad Zakaria 83
- Aimi Jarr 8, 61, 87, 136
- Air Mata di Kuala Lumpur
112-113
- Aku Dia dan Lagu 13
- Ali Baba Bujang Lapok 47, 69,
130
- Ali Baba dan Empat Puluh
Penyamun 47
- Anak Buluh Betong 105
- Anak Yang Belum Lahir 8, 61
- Anakku Sazali 48
- Antara Dua Darjat 79
- Antara Dua Dunia 29, 35
- Anugerah Pencapaian
Sepanjang Hayat 138
- Armali 18, 42
- Asia Film Festival 29
- Asmara Di Hong Kong 29-30,
137
- Aziz Jaffar 116, 123
- Aziz Sartar 6-7, 16, 33, 78
- Aziz Yusof 15
- Azizah 127
- B.G. Yeoh 137
- Bani Buang 36
- Betty P. Ramlee 18, 42
- Bintang 7
- Bintang Kecil 94
- Bintang Sederhana 94
- Bujang Lapok 6, 79
- Bunyi Gitar 130

- Che Mah bt Hussain 59
- Daeing Idris 5
- Dajal Suci 36
- Damaq 23, 98
- Dayang Sofia 35, 48
- Dengarlah Rayuanku 52
- Dilip Kumar 26-27
- Diresh Ghosh 36
- Doktor Gila 25
- Dunia Terbalik 35, 40
- EMI Singapore 13, 50, 120
- Empat Amanat 35
- Enam Jahanam 130
- Fatimah Murad 6
- Fazidah Juned 13
- Filem Negara Malaysia 115
- Gelanggang Filem 8, 12, 86-88, 135
- Gelisah 13, 49
- Gerak Kilat 17
- Gol Bajuriah 35
- Gugurnya Sebutir Bintang 120
- Gunga Jamuna 26
- H.M. Rohaizad 127
- Habibah Haron 62
- Haji Bakhil 69
- Hajjah Kamisah 123
- Hamid Abdol 89
- Hang Jebat 82
- Hang Lekiu 82
- Hang Tuah 82
- Hassan Yadi 5
- Hati Mulia 5
- Ho Ah Loke 93
- Hujan Panas 127
- Ibu Mertuaku 48, 78-79, 83
- Jaffar Abdullah 85
- Jalak Lenteng 86
- Jamil Sulong 15-16, 115, 127
- Jimmy Asmara 6-7, 15
- Jins Shamsudin, Dato' 102
- Joger Israna 101
- Kadir Pendek 15
- Kami Murid Sekolah 5
- Kamsani 85
- Kasih Sepanjang Masa 13
- Kassim Masdor 8, 13, 15-16, 36, 49, 50, 52, 54, 56, 62, 75, 85, 105, 107, 110, 114, 116, 140
- Kassim Selamat 48-49
- Kisah Mahjung 55
- Kisah Tuah dan Tijah 28
- Koming 15
- Kwek Chip Jian 15, 80, 136
- L. Krishnan, Dato' 4, 47, 117
- Labu Labi 33, 48
- Lampung Karam 105
- Lanang Tunang Tak Jadi
- Lata Mangeshkar 28
- M. Nor Afandi 41
- M. Zain 69
- Madu Tiga 47-48

- Majlis Ugama Islam Singapura 36
 Mak Dara 78
 Masam Masam Manis 17
 Masnawi 87
 Merak Kayangan 127
 Mohamad Rafi 28
 Mohamed Arif Ahmad 89
 Mohd Raman Daud 124
 Musang Berjanggut 23
 Mustafah Yassin 15, 58, 62, 123
- Nasib Labu Labi 69
 Nasir P. Ramlee 18, 42, 44, 140
 Neng Yatimah 48
 Noor Azizah 16
 Norizan 52
 Norkiah Hj Ahmad 9, 12, 17
 Norkiah Sahari 118
 Norli Ismail 101
 Normah P. Ramlee 18, 42
 Nujum Pak Belalang 24
 Nusantara Film Company 5
- Omar Rojik 15, 35, 102
 Osman Ahmad 54, 71, 73, 75, 114, 126
- Panca Delima 48
 Panca Sitara 56, 75
 Panggung Negara Singapura 36
 Penarik Beca 127
 Pendekar Bujang Lapok 67
 Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Singapura 8, 12, 61
 Persatuan Trengkas Melayu Semenanjung 62
- Perusahaan Filem P. Ramlee 95
 Pesta Filem Antarabangsa Singapura 137
 Pisau Berachun 1, 4
 Pendekar Bujang 24
 Pok-Pok Bujang Lapok 78
 Prof Taib Osman 13
 Pukul Tiga Pagi 133
- R. Suraini 5
 Rafaeh Buang 8
 Ragam P. Ramlee 98
 Rahim Harneed 11
 Rahimah Alias 9, 11
 Rahimah Rahim 11
 Rahmah Rahmar 85
 Roman Estella 15
 Rumah Anak-Anak Yatim P. Ramlee 141
- S. Atan 13
 S. Kadarisman 6, 99
 S. Romai Noor 4, 71, 73, 126
 S. Rossley 62, 105
 S. Shamsuddin 6, 16, 69, 78, 116
 S. Sudarmadji 16, 29, 90, 127, 129-130
 Saadiah 118
 Sahari Sulaiman 9, 11, 17
 Salamah Basiroh 61
 Salim Panjang 15
 Salleh Kamil 85
 Saloma 9, 11-13, 17, 32, 54, 61, 85, 119
 Sangkar Emas 20
 Sanisah Huri 13, 105, 118

- Sarimah 35
Sazali P. Ramlee 18, 42
Semerah Padi 23, 48, 129
Senjakala 50
Sharif Dol 85
Sharifah Hanim 18
Shaw Brothers 57, 136
Shukor Haron 87
Si Tora Harimau Jadian 96, 98
Si Tuggal 99
Siapa Bersalah 13
Sumpah Orang Minyak 79
Suraya Haron 11, 61
Suruhanjaya Filem Singapura
137
Syaitan Ke Shurga 35-36

Tari Panglima 101
Tengku Hussaini 89

Tiga Abdul 47-48, 130
Tomy Koh, Professor 139
Tuah dan Tijah 82

Universiti Malaya, Singapura 88
Usmar Ismail 89-90
Ustaz Kiayi Zohri Mutammim 36

Vijayanthimala 26

Wak Jarr 3
Wak Mustarjo 58, 67

Yatim Duhon 12
Yusof Aslam 15
Yusof B 13, 50, 54, 75, 114

Zubir Said 13, 71, 73

P. RAMLEE

Erti Yang Sakti



AHMAD SARJI

AHMAD SARJI HASILKAN ENSIKLOPEDIA P. RAMLEE

Mingguan Malaysia, 22/8/1999

“Sanjungan ke atas Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee diteruskan dengan terhasilnya sebuah ensiklopedia *P. Ramlee: Erti Yang Sakti* yang disusun oleh Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Menurut Ahmad Sarji, buku tersebut mengambil masa lebih kurang setahun untuk disusun sebelum diberikan kepada Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, untuk diterbitkan.

“Saya mengambil masa lebih kurang setahun untuk menyiapkannya kerana ia memerlukan kajian dan penyelidikan terperinci dan teliti,” katanya kepada pemberita sejurus selepas melancarkan buku berkenaan di sini malam ini.

Pelancaran buku ini dilakukan oleh Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah di Kuala Lumpur Golf & Country Club, Bukit Kiara di sini.

Buku setebal 400 muka surat itu mengandungi fakta penglibatan Allahyarham dalam dunia seni dan latar belakang hidupnya sebelum berjaya mencipta nama sebagai seniman.

Ahmad Sarji berkata, “Masalah utama ialah ketepatan fakta kerana sebuah ensiklopedia memerlukan fakta sahih dan jelas agar maklumat yang ingin disampaikan tidak mengelirukan pembaca.”

“Saya tidak membuat sebarang temu ramah kerana ia akan memberikan maklumat yang berbeza kerana sumbernya yang terdiri daripada pelbagai orang,” tambahnya.”